



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6785]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Kelimabelas)—

Jadual—

Kepala B. 63 [Ruangan 6815]

Kepala B. 64 dan B. 65 [Ruangan 6851]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 6814]

Anggaran Pembangunan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Kelimabelas)—

Kepala P. 63 [Ruangan 6815]

Kepala P. 64 dan P. 65 [Ruangan 6851]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan,
TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ HAJI PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).

Yang Berhormat PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).

- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENKGU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 9hb Disember, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PENCEMARAN DARI BUANGAN
KELAPA SAWIT

1. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan samada siasatan sedang dijalankan untuk mencari cara bagi menjadikan hampas (sludge) daripada kilang minyak kelapa sawit sebagai bahan-bahan (by-products) yang berguna. Jika tidak, apakah langkah-langkah sedang diambil untuk mencegah pencemaran disebabkan oleh kekotoran yang tersebut dari keluaran minyak kelapa sawit.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas perhatian Ahli Yang Berhormat mengenai ancaman-ancaman pencemaran yang disebabkan oleh lepasan-lepasan kelapa sawit.

Untuk pengetahuan, Yang Berhormat SIRIM (Standard and Industrial Research Institute Malaysia) iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian saya telahpun menjalankan suatu kajian makmal kemungkinan teknikal mengenai pengeluaran papan-papan lembut (soft boards) dengan menggunakan tandan-tandan kosong kelapa sawit. Dari segi teknologi nampaknya mudah dan boleh diusahakan. Masaalah yang kita hadapi ialah pemasaran keluarannya kerana kita akan bertanding dengan papan-papan

lembut yang diimpot dari Eropah. Kajian seterusnya akan tetap dijalankan oleh SIRIM.

Selain daripada SIRIM beberapa badan tertentu seperti Universiti Pertanian dan MARDI telah juga menjalankan kajian seperti menggunakan hampas (sludge) sebagai bahan makanan binatang dan baja.

Berkenaan dengan masaalah pencemaran berpunca daripada buangan-buangan kelapa sawit, saya amatlah bersukacita memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya telahpun menyiapkan peraturan-peraturan bagi mengawal semua pembuangan lepasan-lepasan kelapa sawit ke dalam saluran-saluran air. Peraturan ini akan dikuatkuasakan di dalam tiga peringkat dan akan menjelaskan standad-standad lepasan yang dibenarkan dibuang oleh kilang-kilang kelapa sawit dari tahun ke setahun.

Peraturan-peraturan ini akan dikuatkuasakan oleh Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya. Peringkat pertama akan dimulakan pada awal tahun 1978 dalam mana beberapa standad hendaklah dipatuhi melalui cara-cara pemuliharaan. Standad-standad ini akan ditinggikan secara sistematik dalam tahun 1979 dan 1980. Pada awal tahun pertama penguatkuasakannya, adalah dijangkakan 75% daripada buangan-buangan kelapa sawit itu akan diperbaiki. Setelah standad-standad ini dicapai peringkat demi peringkat, buangan-buangan kelapa sawit tidak akan lagi merupakan satu pencemaran air di negara ini.

KELAMBATAN KERJA DI
PEJABAT TANAH

2. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah:

(a) adakah beliau sedar ada lagi beberapa peraturan dan pentadbiran tanah di

negara ini yang masih dipusakai dari zaman penjajah yang melambatkan Pembangunan seperti peraturan pindah milik tanah, mendapatkan QT, Pecah Grant dan lainnya yang kadangkala memakan masa yang lama hingga bertahun-tahun. Jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil;

- (b) penerokaan tanah haram sangat lambat untuk diselesaikan; dan
- (c) adakah kerajaan akan menyelaraskan Jabatan Ukur dengan Jabatan Tanah yang terlibat dalam usaha pecah Grant

dan sebagainya yang mengalami ke-lambatan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebenarnya kelambatan berlaku adalah disebabkan oleh, pertama kekurangan pegawai-pegawai yang berpengalaman dan kedua ialah jumlah kakitangan di pejabat tanah yang ada sekarang tiada seimbang dengan jumlah kerja-kerja yang ditanggung.

Sebagai contoh saya nyatakan gambaran yang jelas mengenai keadaan tersebut:

<i>Negeri</i>				<i>Jenis</i>			<i>1963</i>	<i>1973</i>	<i>% Tambahan</i>
Perak	..	..	..	Pegawai	..	..	1	1	0%
				Kerani	..	..	8	11	37.5%
				Surat-surat Cara	..	..	5,391	12,181	107.42%
Selangor	..	..	..	Pegawai	..	..	1	1	0%
				Kerani	..	..	6	11	83.3%
				Surat-surat	..	..	7,183	25,297	252.18%
Pulau Pinang	..	..	..	Pegawai	..	..	1	1	0%
				Kerani	..	..	5	7	40%
				Surat-surat Cara	..	..	4,133	9,465	129.03%
Pahang	..	..	..	Pegawai	..	..	1	1	0%
				Kerani	..	..	2	3	50%
				Surat-surat Cara	..	..	1,002	2,133	113%

Sehingga sekarang keadaan ini belum lagi dapat diatasi dengan sewajarnya. Tindakan-tindakan untuk mengatasinya adalah dibuat dari masa ke semasa. Satu Jawatankuasa Petugas telah diwujudkan. Jawatankuasa itu sedang menyusun strategi pelaksanaan yang akan membolehkan Pejabat-pejabat Tanah bertindak dalam kadar masa yang sesuai dengan kehendak-kehendak Pembangunan Negara.

- (b) Pihak Kerajaan ada mempunyai kaedah tertentu bagi menyelesaikan penerokaan tanah haram dalam negara kita ini bolehlah dibagi kepada dua. Pertama, penerokaan tanah bandar secara haram, yang kedua ialah penerokaan tanah pertanian secara haram. Penerokaan tanah bandar secara haram biasanya berlaku di bandar-bandar besar akibat daripada penambahan penduduk luar bandar

masuk ke dalam bandar bagi mendapatkan kerja-kerja samada di kilang-kilang atau berniaga sendiri. Golongan ini sebahagian besarnya terdiri daripada orang-orang yang miskin dan tidak berada. Pihak kerajaan melalui Penguasa Tempatan telah dan akan membina rumah-rumah pangsa dan rumah-rumah berderet harga murah bagi membantu mereka ini mendapat tempat perlindungan yang sewajarnya. Di samping itu jika terdapat tempat-tempat yang munasabah untuk diberikan milik secara TOL atau lease maka tanah-tanah seperti itu diberi kepada mereka yang memerlukan-nya bagi mendirikan rumah-rumah sendiri sesuai dengan peraturan yang dikenakan oleh Penguasa Tempatan itu sendiri. Dalam pada itu terdapat juga penerokaan tanah bandar secara haram itu terdiri daripada kalangan

orang-orang yang berada. Maka tindakan yang sewajarnya diambil oleh pihak yang Berkuasa Tempatan. Penyelesaian dalam masaalah-masaalah seperti ini tentulah akan mengambil waktu yang panjang.

Berhubung dengan soal penerokaan tanah pertanian secara haram pula dapat dibahagi kepada 3 jenis:

- (i) Rakyat yang benar-benar tidak bertanah dan telah bertindak dengan sendirinya meneroka tanah kerajaan tanpa izin;
- (ii) Rakyat yang telah ada tanah tetapi ingin menambah dan masuk meneroka tanah kerajaan tanpa izin;
- (iii) Sendikit yang telah menggunakan orang-orang biasa masuk meneroka tanah secara haram dengan menggunakan alat-alat jentera yang besar untuk mencari keuntungan secara kilat.

Maka berhubung dengan jenis kedua dan ketiga itu pihak yang Berkuasa Kerajaan Negeri sentiasa bertindak dari satu masa ke suatu masa sesuai dengan undang-undang yang ada. Adapun bagi golongan yang pertama terserahlah kepada pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk memberikan pertimbangan terhadap mereka. Samada meluluskan tapak yang diterokai itu ataupun memberi tapak yang lain sebagai ganti ataupun memindahkan mereka ke tanah-tanah rancangan dengan syarat-syarat yang dikehendaki, atau lain-lain tindakan yang difikirkan wajar.

Maka soal lambat ataupun memakan masa yang lama tidaklah timbul dalam masaalah ini.

- (c) Ya. Rumusan telahpun dibuat bagi mengujudkan penyelarasan yang lebih intensif antara kedua jabatan itu.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi kita telah mendengar iaitu kelambatan ini berlaku kerana kekurangan pegawai. Adakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa ini adalah penting. Saya hendak bertanya dua pertanyaan. Pertama, apakah

yang menyebabkan Kementerian ini susah hendak mendapatkan pegawai yang terlatih dan berpengalaman untuk menguruskan masaalah urusan tanah ini.

Soalan saya yang kedua, tidakkah Kerajaan sedar bahawa masaalah pindah milik tanah ini memainkan peranan yang penting. Oleh itu, untuk melancarkan dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga dapatkah Jawatankuasa Petugas ini memberi satu laporan dengan secepatnya supaya dapat laporan itu digunakan sebagai panduan untuk melaksanakan bagi melicinkan Rancangan Malaysia Yang Ketiga.

Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian ini sedar bahawa kekurangan kakitangan di pejabat-pejabat itu adalah satu hal yang perlu diberikan perhatian yang berat kerana wujudnya kakitangan Pejabat Tanah itu adalah penting. Yang menyebabkan pegawai-pegawai yang terlatih itu berkurangan ialah dengan kerana sampai hari ini masih belum kita dapat laksanakan lagi suatu sistem yang telah kita cuba rumuskan iaitu memisahkan pentadbiran antara Pejabat Daerah ke Pejabat Jajahan dengan pentadbiran tanah bagi membolehkan pegawai-pegawai yang mentadbirkan tanah itu menghadapi kerja-kerja tanah secara lebih intensive dan mendapatkan latihan-latihan yang cukup. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian telah mengadakan beberapa latihan samada di peringkat Negeri atau di peringkat Pusat bagi mengujudkan pegawai-pegawai yang terlatih dengan secukupnya. Dalam hal ini kadang-kadang terjadi juga apabila sampai waktunya pegawai-pegawai itu mendapat kenaikan pangkat, maka pegawai-pegawai yang terlatih di bidang pentadbiran tanah ini terpaksa dipindahkan ke bidang tugas yang lain dan kita terpaksa menerima pegawai-pegawai yang belum mempunyai pengalaman dan ini mesti dilakukan pula sekali lagi. Itulah pengalaman yang telah berlaku dan kita akan cuba mengatasi pada masa akan datang supaya hal-hal seperti demikian tidak akan berlaku lagi.

Berkenaan dengan Jawatankuasa Petugas, setiap tugas yang dilakukan oleh Jawatankuasa Petugas ini di dalam sesebuah negeri laporan diberikan kepada pihak Kementerian ini dengan secukupnya dan berdasarkan laporan itulah kita akan membuat atau

mengadakan suatu susunan baru atau perubahan baru di mana yang boleh bagi mengatasi masaalah-masaalah yang dihadapi.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Saya percaya Kementerian ini tentulah membuat kajian dari masa ke semasa mengenai soal tanah ini kerana ini soalan lama, sekurang-kurangnya lima tahun dahulu Kementerian ini sudah membuat kajian. Jadi yang saya hairan dan saya hendak bertanya samada Yang Berhormat Menteri sedar ataupun tidak bahawa di setengah-setengah negeri di mana masaalah keluaran Q.T. ini boleh dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Daerah sekarang ini telah dipindahkan kepada Exco Negeri. Perkara ini berlaku dalam masa dua tahun, sekarang ini bermakna Exco Negeri

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa Yang Berhormat? Jangan bercakap panjang.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Sekarang saya hendak bertanya soalan tambahan. Masaalahnya Exco Negeri terpaksa membuat kerja semua district yang di dalam satu-satu negeri. Jadi ini lebih melambatkan daripada mencepatkan, mengapa Kementerian membuat sistem seperti ini yang baru sahaja dibuat lebih kurang dua tahun dahulu.

Soal kedua, bilakah Jawatankuasa Petugas ini dilantik?

Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak membuat satu polisi supaya pengeluaran Q.T. itu dipindahkan daripada kuasa Pegawai Daerah kepada kuasa Exco bagi tiap-tiap negeri. Oleh kerana soal tanah ini ialah soal di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri maka Kerajaan Negeri berhak mengadakan berbagai-bagai aturcara yang pada fikirannya cara demikian boleh melicinkan ataupun menyelamatkan beberapa hal yang tertentu. Saya percaya bahawa cara seperti ini tidak berlaku pada semua negeri, melainkan pada negeri-negeri yang tertentu yang barangkali oleh sebab-sebab yang tertentu sahaja.

Bagi menjawab soal kedua Jawatankuasa Petugas ini telahpun berjalan lebih kurang dua tahun.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Daripada kenyataan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi, pada himat saya mungkin dalam tempoh lima tahun lagi kita tidak akan dapat menyelesaikan masalah-masalah yang berbangkit ini. Oleh itu, saya ingin tahu tanggungjawab sebenar bagi mengatasi kerumitan dan kelambatan ini, adakah tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri ataupun tanggungjawab Kementerian Kerajaan Pusat ini. Kalau tanggungjawab Kerajaan Negeri maka kenapakah tanggungjawab yang tidak dapat dibuat oleh pihak Kerajaan Pusat ini dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan Pusat?

Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan tadi bahawa soal tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Tetapi pihak Kementerian Kemajuan Tanah mempunyai suatu bidang kuasa untuk mengujudkan penyelarasan dalam pentadbiran tanah menerusi Majlis Tanah Negara. Dan juga menerusi pentadbiran-pentadbiran mengikut peraturan-peraturan tertentu di bawah Jabatan Pentadbiran Tanah Negara iaitu di bawah Jabatan Pengarah Persekutuan dan Tanah Negara.

Jadi dalam soal penyelesaian masalah-masalah mengeluarkan surat-surat cara atau masalah-masalah berkenaan dengan pecah geran dan sebagainya ini adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Akan tetapi pihak Kementerian sentiasa dari masa ke semasa memberikan kerjasama samada merupakan nasihat atau merupakan pertolongan dengan melalui badan-badan Petugas Khas seperti yang saya sebutkan tadi dan berbagai-bagai cara yang lain.

Walau bagaimanapun, saya sependapat dengan Ahli Yang Berhormat bahawa persoalan tanah ini tidak boleh selesai. Apabila kita dapat menyelesaikan masalah yang lepas, dia akan timbul pula masalah yang baharu. Dan masalah demi masalah mesti ujud. Persoalan tanah ini tidak pernah sejak zaman-berzaman dia dapat diselesaikan. Dia mesti sambung bersambung, selesai yang lama datang yang baru, selesai itu, datang lagi yang baru. Sebab itulah saya memberikan contoh-contoh tadi betapa pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam sesebuah negeri itu tentang soal tanah itu, soal pemecahan atau soal surat-surat

cara sejak 10 tahun tidak bertambah. Hal inilah yang menjadi satu daripada sebabnya menunjukkan betapa beban kerja yang bertambah tanpa pertambahan pegawai dan kakitangan yang cukup.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Soalan tambahan. Kita faham, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pentadbiran tanah ini adalah hal Negeri. Tetapi oleh kerana perkara penting yang menjadi issue nasional, tidakkah National Land Council ini ada kuasa sedikit menasihatkan Negeri bahawa perkara ini patut dipercepatkan; perkara ini patut diubah. Sebab nama itu besar—National Land Council. Dan kalau tidak ada kuasa sekarang, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang supaya pada masa hadapan National Land Council ada kuasa ke atasnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini sudah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri tadi tentang bidang nasihat dan penyelesaian.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Dan samada beliau hendak menambahkan kuasa, Tuan Yang di-Pertua. Itu saya hendak bertanya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, National Land Council ini terdiri daripada semua Menteri-menteri Besar daripada tiap-tiap Negeri. Kalau Menteri-menteri Besar bagi tiap-tiap Negeri itu bersedia hendak menyerahkan sebahagian daripada kuasa Negerinya kepada Kerajaan Pusat, saya sedia menerimanya.

TANAMAN KONTAN

3. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim minta Menteri Pertanian menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk menambah bilangan jenis-jenis tanaman kontan yang boleh diusahakan oleh rakyat khususnya bagi kawasan-kawasan tanah sut (marginal land) yang terdapat di seluruh negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian sentiasa mengkaji kegunaan kawasan-

kawasan tanah sut seperti tanah gambut (peat soil), tanah pasir, tanah masam, tanah bekas lombong dan lain-lain. Dan setakat ini didapati di atas tanah gambut tanaman-tanaman seperti sekoi, nenas, ubi kayu, kacang tanah, ubi keledek dan sayuran-sayuran seperti kubis dan cili dan tomato adalah sesuai. Tanaman kacang dal pula didapati sesuai di atas tanah bris ataupun tanah pasir dan tanaman-tanaman tersebut di atas tanah yang sesuai itu akan terus menerus digalakkan oleh Kementerian Pertanian supaya dapat diperbanyakkan lagi sesuai dengan kehendak pasaran yang boleh didapati di dalam dan di luar negeri.

FILEM KELUARAN FILEM NEGARA

4. Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Penerangan menyatakan nama filem-filem dalam tahun 1976 dan berapa banyakkah filem-filem yang diusahakan oleh Filem Negara dan tajuk pengeluaran tersebut dan tidakkah pihak Kementerian bercadang menjadikan Filem Negara itu sebagai separuh commercial yang boleh mendatangkan hasil dengan cara menyewakan alat-alat kepada badan swasta.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Sejak bulan Januari hingga bulan September tahun ini, Filem Negara Malaysia telah menghasilkan sebanyak 14 buah filem berwarna dan 71 buah filem hitam putih (black and white). Tajuk-tajuk filem-filem ini akan saya beri secara bertulis selepas ini kepada Ahli Yang Berhormat oleh kerana panjang senarainya untuk dihuraikan di dalam Dewan ini. (*lihat Hujungan*).
- (ii) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Filem Negara masih memberi perkhidmatan-perkhidmatan kepada badan-badan swasta seperti khidmat makmal, bunyi, animasi, perpustakaan dan lain-lain dan perkhidmatan ini telah menghasilkan sejumlah \$64,833.91 pada bulan Januari hingga bulan Jun tahun ini.

HUJUNGAN

FILEM-FILEM PENERBITAN FILEM NEGARA SEJAK JANUARI HINGGA SEPTEMBER, 1976

I. DOKUMENTARI HITAM PUTIH

No.	Tajuk	Bahasa	Kaki			Masa Tayangan	
			Gulung	35mm	16mm	Min.	Saat
1.	Majallah Sarawak Khas No. 1 dan Kemajuan Negeri Sarawak	Malaysia dan English	1	925	370	10	17
2.	Demokrasi Berparlimen	Malaysia ..	2	1,107	443	12	18
3.	Dadah Merosakkan Jiwa	Malaysia ..	1	787	315	8	45
4.	Majallah Sarawak No. 40 dan Kejayaan Menerusi Usaha-Rakyat	Malaysia ..	2	1,625	650	18	03
5.	Majallah Sarawak No. 41 dan Rakyat Bersatu Demi Kemajuan	Malaysia ..	2	1,396	558	15	31
6.	Berlindung di Malaysia	Malaysia dan English	2	1,222	489	13	35
7.	Warisan (Riwayat Hidup Tun Abdul Razak)	Malaysia dan English	5	4,278	1,711	47	32
8.	Majallah Sarawak No. 42 dan Lawatan Tan Sri Lee Siok Yew ke Sarawak	Malaysia dan English	1	928	371	10	19
9.	Majallah Sarawak No. 43 dan Hari Wanita Sarawak	Malaysia dan English	1	949	380	10	33
10.	Majallah Sarawak No. 44 dan Pembukaan Resmi Pelabuhan Datuk Sim Kheng Hong	Malaysia dan English	1	647	259	7	11
11.	Majallah Sarawak No. 46— (i) Pembukaan Masjid Igan .. (ii) Persatuan Melayu Sibu 40 Tahun (iii) Kursus Ketua Masyarakat di Sarikei	Malaysia dan English	1	840	372	9	20
12.	Majallah Sarawak No. 47 dan Hari Sastra di Sarawak	English dan Malaysia	1	929	372	10	19
13.	Majallah Sarawak No. 48 dan Hari Belia di Sarawak 75	English dan Malaysia	1	907	362	10	05
14.	Majallah Sarawak No. 49	English ..	1	945	378	10	30
15.	Damai, Kemajuan, Kemakmuran (Kejayaan Sarawak di Bawah Pimpinan Ketua Menteri Datuk Patinggi A. Rahman Yaakub)	English ..	5	4,157	1,663	46	11
16.	Madu Beracun	Malaysia ..	9	6,812	2,725	75	41
Jumlah ..				28,454	11,418	5 jam 16 min. 10 saat	
(316 Min. 10 saat)							

II. DOKUMENTARI (WARNA)

No.	Tajuk	Bahasa	Kaki			Masa Tayangan	
			Gulung	35mm	16mm	Min.	Saat
1.	Kembalinya Pahlawan Ulong (Warna) (Jenazah Allahyarham Tun Abdul Razak)	Malaysia ..	3	2,762	1,105	30	41
2.	Pertandingan Membaca Al-Koran Peringkat Antarabangsa 1975 di Kuala Lumpur	Malaysia ..	7	6,132	2,453	60	00
3.	Pertabalan ke bawah D.Y.M.M. Sultan Pahang Kelima	Malaysia ..	5	4,098	1,639	45	32
4.	Istiadat Melafaz Sumpah (Agung ke 6)	Malaysia ..	2	1,404	562	15	36
5.	Senoi Serok Episode III—Berpindah dan Bercinta	Malaysia ..	6	4,721	1,888	52	27

No.	Tajuk	Bahasa	Kaki			Masa Tayangan	
			Gulung	35mm	16mm	Min.	Saat
6.	Senoi Serok Episode IV—Kembara dan Hasil	Malaysia ..	6	5,212	2,086	57	57
7.	Persidangan Kemuncak Asean di Bali ..	Malaysia dan English	3	2,288	915	25	25
8.	Kunjungan Memperteguh Persahabatan (Datuk Hussein Onn melawat Indonesia, Singapura dan Thailand)	Malaysia dan English	3	2,528	1,011	28	05
9.	Pertabalan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung ke 6, 1976	Malaysia dan English	3	2,785	1,114	30	57
10.	Lawatan Perdana Menteri Datuk Hussein Onn ke Saudi Arabia	Malaysia dan English	3	2,491	716	27	41
11.	Warisan	Malaysia dan English	5	4,278	1,711	47	32
12.	Istiadat Pembukaan Penggal Kedua Majlis Parlimen Yang Keempat	Malaysia ..	2	1,728	691	19	12
13.	Selamat Pulang Pahlawan Tanahair (Pengunduran Pasukan Polis Hutan dari Betong)	Malaysia ..	1	858	343	9	32
Jumlah ..				41,285	16,234	7 jam 30 min. 17 saat	
(450 min. 17 saat)							

No.	Tajuk	Bahasa	Kaki			Masa Tayangan	
			Gulung	35mm	16mm	Min.	Saat
III. TRELER HITAM PUTIH							
1.	Negara Ku No. 1 (76)	Muzik ..	1	132	53	1	28
2.	Negara Ku No. 2 (76)	Muzik ..	1	132	53	1	28
3.	Selamat Tahun Baru Cina 76	Muzik ..	1	77	31	—	51
4.	N.I.T.T.C.B. Tr.	Malaysia dan English	1	200	80	2	13
5.	Montage — Tenaga Harapan No. 2 ..	Muzik ..	1	62	25	—	41
6.	Rukun Tetangga No. 2	Muzik ..	1	62	25	—	41
7.	Alat-alat Kebesaran di-Raja (L/V) ..	Malaysia ..	1	414	246	4	36
ALAT-ALAT KEBESARAN DI-RAJA—							
8.	(a) Singgahsana	Malaysia ..	1	100	40	1	77
9.	(b) Tengkolok di-Raja	Malaysia ..	1	107	43	1	11
10.	(c) Gendik	Malaysia ..	1	82	33	—	55
11.	(d) Cogan Alam, Cogan Ugama dan Cokmar	Malaysia ..	1	133	53	1	29
12.	(e) Kalung	Malaysia ..	1	72	29	—	48
13.	(f) Pending di-Raja	Malaysia ..	1	60	24	—	40
14.	(g) Keris Panjang di-Raja ..	Malaysia ..	1	93	37	1	2
15.	(h) Keris Pendek di-Raja	Malaysia ..	1	70	28	—	47
16.	(i) Pedang, Keris Panjang dan Pendek	Malaysia ..	1	60	24	—	40
17.	(j) Payung, Ubur, Tombak-Berambu ..	Malaysia ..	1	53	21	—	35
18.	Panji-panji di-Raja	Malaysia ..	1	153	61	1	42
19.	Dewan Mengadap	Malaysia ..	1	58	23	—	39
20.	Nobat	Malaysia ..	1	152	61	1	41
21.	Doa Selepas Azan	Arabic ..	1	75	30	—	50
22.	Keselamatan Jalan Raya (Basikal) ..	Malaysia ..	1	330	132	3	40

No.	Tajuk	Bahasa	Kaki			Masa Tayangan	
			Gulung	35mm	16mm	Min.	Saat
23.	Keselamatan Jalan Raya (Jalan Kaki) ..	Malaysia ..	1	321	128	3	34
24.	Hari Juita 1975	Muzik ..	1	226	90	2	31
25.	Hari Tentera Darat	Muzik ..	1	241	96	2	41
26.	Montage—Siaran Nasional No. 5 ..	Muzik ..	1	31	12	—	21
27.	Hari Keputeraan Nabi Muhammad s.a.w. 1976	Muzik ..	1	127	51	1	25
28.	Alat-alat Kebesaran di-Raja Istana Negara	Malaysia ..	1	272	109	3	01
29.	Hari Wesak 1976	Muzik ..	1	74	30	—	49
30.	Hari Perayaan Pekerja 1976	Muzik ..	1	74	30	—	49
31.	Hari Belia 1976	Muzik ..	1	135	54	1	31
32.	Bulan Sabit Merah	Muzik ..	1	92	37	1	01
33.	Rukun Tetangga No. 3	Muzik ..	1	157	63	1	45
34.	Hari Keputeraan Agung ke 6	Muzik ..	1	140	56	1	53
35.	Perusahaan Berus Cat	Malaysia ..	1	—	133	3	41
36.	Ulat Sutera	Malaysia ..	1	—	182	5	03
37.	Tanaman Limau Manis	Malaysia ..	1	—	96	2	39
38.	Perusahaan Alat-alat Talikom	Malaysia ..	1	—	107	2	58
39.	Jimatkan Air 1976	Muzik ..	1	70	28	—	46
40.	Hari Tentera Laut	Muzik ..	1	191	76	2	07
41.	Rukun Tetangga No. 4	Muzik ..	1	162	65	1	48
42.	Hari Koperasi Antarabangsa ke 54/76..	Muzik ..	1	184	74	2	03
43.	Polis (Pencuri)	Muzik ..	1	55	22	0	37
44.	Ambulan (Dial 999)	Muzik ..	1	102	41	1	08
45.	Api No. 1 (Kecil kawan besar lawan) ..	Muzik ..	1	90	36	1	00
46.	Talipon (Jaga Baik)	Muzik ..	1	126	50	1	24
47.	Api Tr. No. 2 (Puntung Rokok) ..	Muzik ..	1	90	36	1	00
48.	Hari Kebangsaan (Ketahanan Rakyat)	Muzik ..	1	128	51	1	25
49.	Hari Kebangsaan (Koir dan Bouncing Ball)	Malaysia ..	1	128	51	1	25
50.	Hargailah Air	Malaysia ..	1	123	73	2	05
51.	Hari Wanita	Muzik ..	1	67	27	0	45
52.	Hari Angkatan Tentera 1976	Muzik ..	1	228	91	2	32
53.	Selamat Hari Raya Puasa (25hb dan 26hb September, 1976)	Muzik ..	1	101	40	1	07
54.	Kejohanan Sofbol—Asean Pertama Tr.	Muzik ..	1	91	36	1	00
55.	Montage—Montage Pelupur (TV) ..	Muzik ..	1	45	18	0	30

IV. TRELER WARNA

1.	Tentera Laut di-Raja Malaysia ..	Malaysia ..	1	376	150	4	11
		Jumlah ..		6,983	3,391	1 jam 31 min. 59 saat	

(91 min. 59 saat)

IMPOT KAIN/PAKAIAN BAHARU

5. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kementerian atau Kerajaan bercadang hendak mengenakan impot duti yang lebih tinggi kerana kemasukan barang-barang jenis pakaian ke negara ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, kadar-kadar duti impot ke atas bahan-bahan kain dan pakaian, baharu sahaja diulangkaji. Dalam menimbangkan kadar-kadar duti impot yang ada sekarang semua masaalah yang berkenaan telah dikaji dengan mendalam dengan mengambil kira perlindungan yang mencukupi ke atas perusahaan kain dan pakaian tempatan dan juga kepentingan pengguna kita.

EKSPOT KAYU BALAK

6. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau akan mengambil langkah untuk mengadakan sekatan sama sekali eksport kayu-kayu balak daripada segala jenis oleh sebab amat kekurangan kayu-kayu balak untuk perindustrian tempatan.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa 11 jenis-jenis kayu balak telah diharamkan sama sekali untuk diekspot dari Semenanjung Malaysia semenjak tahun 1972. Sebagai langkah untuk memperketatkan lagi sekatan-sekatan atas eksport kayu balak supaya dapat memastikan bekalan yang cukup bagi penggunaan kilang-kilang di Semenanjung Malaysia, eksport kayu balak, selain daripada 11 jenis-jenis yang diharamkan itu, lain-lain jenis kayu juga yang berukuran lebih daripada 16 inci perepangnya. Sekatan ini berkuatkuasa mulai daripada 1hb September, 1976 dan adalah juga dikenakan atas kayu-kayu balak yang diekspot ke Singapura yang mana dahulunya dibebaskan.

Kekurangan bekalan kayu balak untuk industri-industri tempatan adalah selalunya mengikut kedudukan permintaan pasaran luar negeri bagi kayu-kayu kita. Memandangkan quota yang dikenakan atas eksport kayu balak sekarang adalah diulang kaji tiap-tiap tiga bulan, bermaknalah Kerajaan dapat menyelaraskan eksport kayu-kayu

balak mengikut keadaan permintaan dalam negeri. Saya percaya dengan cara ini dapatlah ditentukan bahawa kayu-kayu balak yang dibenarkan diekspot adalah merupakan jumlah yang berlebihan kepada industri-industri tempatan.

Saya juga suka menegaskan di sini iaitu sekiranya ada kemungkinan bagi industri-industri tempatan menggunakan semua jenis-jenis dan bagi semua ukuran kayu balak yang dihasilkan dari hutan-hutan dalam negeri dan pengilang-pengilang tempatan sanggup membayar harga yang berpatutan kepada pembalak-pembalak, kita, Kementerian saya akan bersedia mengambil langkah menyekat sama sekali eksport kayu balak dari Semenanjung Malaysia. Pada masa ini, masih banyak lagi jenis kayu balak kita, terutamanya yang berukuran kecil, yang tidak dapat digunakan oleh pengilang-pengilang tempatan dengan sepenuhnya. Oleh yang demikian, saya fikir buat sementara waktu perlu bagi Semenanjung Malaysia membenarkan sebahagian kecil daripada pengeluaran balak tahunannya diekspot mengikut sistem quota yang ada sekarang, dengan syarat kedudukannya sentiasa terkawal, sehingga sampai masanya nanti di mana dapat disekatkan eksport kayu balak seratus peratus.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri itu sedar dengan pengeluaran yang begitu banyak tidak dikenakan quota kepada kilang-kilang tempatan, akibatnya harga papan di dalam negara kita bertambah naik dan ada orang-orang tempatan yang tidak mendapat papan untuk membina rumah. Jika sedar, apakah tindakan yang patut diambil kepada kilang-kilang tempatan yang mengeksportkan balak-balak yang berkenaan.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah, ini adalah soalan atas pengeluaran kayu balak ke luar negeri. Bukan soalan pengeluaran papan dalam negeri.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Berhubung dengan soal masaalah eksport kayu balak keluar negeri ini saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan samada beliau sedar iaitu kayu-kayu yang diekspot dari Malaysia ini dijual di luar negeri adalah satu daripada jenis kayu yang bermutu terbaik di dalam

dunia. Maka dengan sebab itu kayu-kayu itu dijual dengan harga yang mahal di negara-negara yang mengimpot. Tetapi yang mendapat keuntungannya ialah ejen-ejen yang mengimpot kayu-kayu balak daripada negara kita. Walhal kayu-kayu yang diekspot ini harganya tidak mendapat harga yang berpatutan dan tidak seimbang. Memandangkan kepada perkara ini, tidakkah Kementerian bercadang untuk mengadakan ejen penjualan kayu-kayu kita di luar negeri.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, harus diambil perhatian di atas perbezaan di antara kayu balak dan kayu gergaji dan kayu lapis. Dari segi kayu balak tidak ada kayu balak yang bermutu diekspot langsung. Jadi, soal yang dibangkitkan itu tidak timbul.

Tuan Oo Gin Sun: Soalan tambahan. Saya faham bahawa kayu yang digergaji yang tidak digredkan telah diekspot ke Singapura dan lain-lain negara dan ini telah menyebabkan ketiadaan kawalan mutu, apakah tindakan telah diambil oleh Kementerian ini untuk menentukan bahawa semua jenis kayu yang digergaji mesti digredkan sebelum diekspot keluar negeri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Oleh sebab kayu gergaji ini berasal daripada kayu balak juga, bolehlah Yang Berhormat Menteri menjawabnya.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf oleh sebab dasar atas kayu gergaji dan kayu balak ini memang berbeza 100%. Kayu gergaji dalam negeri ini diproses dalam negeri dan diekspot. Jadi soal kayu gergaji kalau hendak dibangkitkan berkehendakkan kajian yang lain—berbeza daripada soalan asal yang dibangkitkan itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat itu hendak tahu, jadi tolonglah beri jawapannya.

Datuk Musa Hitam: Jawapannya kalau hendak tahu atas soalan ini dengan lebih lanjut lagi, tolonglah kemukakan soalan yang lain, dengan lain-lain perkataan, saya minta notis.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu sedikit sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nam-paknya lain daripada kayu balak, Yang Berhormat Menteri tidak sedia menjawab dan berkehendakkan notis.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Saya hendak bertanya ini ialah soal balak. Apa yang saya hendak bertanya soalan tambahan saya ini ialah mengenai balak. Kalau tidak silap pendengaran saya tadi, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada menyatakan, perbezaan di antara kayu balak kecil dengan kayu balak besar dari segi kemampuannya kilang-kilang gergaji yang ada memproses kayu di Malaysia ini. Yang pertama, soal kekeliruan saya sedikit lebih kurang dengan soal Kementerian Tanah dan Galian tadi. Masaalah kuasa memberi lesen kebenaran gergaji ini, setahu saya daripada negeri, tetapi apa yang saya hendak minta penjelasan di sini ialah sejauh manakah kuasa Kementerian Pusat ini mengenai hendak menselaraskan kemampuan pengilang-pengilang itu sedangkan kuasa memberi kilang itu daripada Negeri dan kuasa menjaga ekspot ini di Pusat. Yang kedua, kalau Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu dapat menyelaraskan, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk mengeluarkan lesen bagi mini-sawmill yang boleh digergaji kayu yang sizenya kecil 18 inci ke bawah bagi memenuhi apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat kata kayu yang repangnya tidak lebih daripada 16 inci.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa Kerajaan Negeri yang memberi lesen untuk membuat sawmill seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu. Kuasa ini memang tidak ada di dalam tangan Kerajaan Pusat dan kedudukannya samalah juga dengan kedudukan tanah seperti yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Tanah dan Galian tadi di dalam soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun soal yang penting yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah di atas soal penyelarasan. Di dalam soal ini tidak menjadi masaalah, oleh sebab Jabatan Hutan di bawah Kementerian saya sedang menjalankan penyelarasan bukan sahaja di kalangan Jabatan Hutan tetapi di bawah Lembaga Kayu yang ada hubungannya dengan pengetahuan atas kemampuan ataupun kemahuan

ataupun permintaan pasaran dunia di dalam bidang kayu gergaji dan sebagainya daripada negara kita. Masaalah ini insya Allah akan dapat diatasi dari segi penyelarasan dan dari segi mendapat pengetahuan atas pasaran dunia dan kita akan dapat menye-laraskan pula pengeluaran lesen-lesen saw-mill yang disebutkan oleh Ahli Yang Ber-hormat itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Cukup-lah fasal kayu balak ini.

ELAUN BIASISWA

7. Tuan Jonathan Narwin (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan menimbang menambah-kan elaun-elaun biasiswa yang diberikan kepada penuntut-penuntut Sarawak yang sedang menuntut di universiti-universiti dan kolej-kolej dalam Semenanjung.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, kadar biasiswa yang diberikan untuk penuntut-penuntut Sarawak yang sedang menuntut di universiti-universiti dan institusi-institusi pelajaran tinggi di Semenanjung adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan kadar biasiswa/dermasiswa yang dibayar kepada penuntut-penuntut daripada Semenanjung yang sedang menuntut di universiti-universiti yang sama. Oleh itu untuk sementara waktu ini Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk menambahkan elaun-elaun biasiswa itu. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dipertimbangkan nanti sekiranya perlu untuk berbuat demikian.

BAYARAN LESEN RADIO

8. Tuan Haji Zakaria bin Ismail minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau sedar bahawa radio adalah merupa-kan alat sbaran pengetahuan yang amat penting sekali bagi seluruh rakyat di samping hiburan. Seolahnya ia merupakan sekolah bagi seluruh rakyat di negara ini. Jika sedar, adakah Kementerian yang berkenaan ber-cadang hendak menghapuskan atau mengu-rangkan bayaran lesennya untuk memberi kemudahan kepada seluruh rakyat.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Ahli

Yang Berhormat itu, Kementerian Pene-rangan sedar bahawa radio adalah menjadi alat sbaran pengetahuan dan hiburan yang amat penting terutama bagi rakyat di luar bandar dan juga mereka yang berpendapatan rendah. Tindakan telah diambil untuk mengurangkan bayaran lesen bagi radio bimbit satu band (single band portable radio) dan \$12 setahun kepada \$5 sekali gus iaitu bayaran sekali sahaja bagi sesuatu set. Tujuannya ialah untuk merengangkan beban pembayaran lesen bagi rakyat yang tidak mampu membeli alat radio yang besar dan mahal. Adalah dijangka bahawa kadar bayaran baharu bagi alat radio bimbit satu band akan dikuatkuasakan tidak lama lagi iaitu sebaik-baik sahaja kadar bayaran itu diwartakan dalam Warta Kerajaan.

BANGUNAN PARLIMEN

9. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar iaitu selepasnya Bangunan Parlimen ini dibaiki bocor atap-nya maka terdapat bocor di dalam dan di luar Dewan. Apakah tindakan tegas Kera-jaan supaya kebocoran tidak berlaku lagi supaya tadahan air tidak perlu diguna lagi.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa terdapat bahagian-bahagian tertentu bumbong bangunan Parlimen yang masih bocor. Saya ingin mamaklumkan bahawa kerja-kerja membaiki bumbong bangunan ini telah dijalankan secara ber-peringkat tetapi kerja-kerja ini terpaksa diberhentikan pada waktu-waktu Parlimen bersidang. Kerja-kerja ini akan disambung semula apabila persidangan Parlimen kali ini tamat nanti.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jadi, kalau bocor tengah bersidang macam mana Yang Berhormat? (*Ketawa*)

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa pihak Kementerian atau pihak Jabatan Kerjaraya (J.K.R.) biasanya sangat lambat mengambil tindakan untuk memperbaiki kerosakan kepada bangunan-bangunan Kerajaan ter-masuk bangunan Parlimen, dan di belakang saya ini ada beberapa banyak tong, kalau

dapat tong ini distandarkan, kalau hendak menunggu pada masa persidangan akan datang.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya telah diberi tahu oleh jurutera Jabatan Kerjaraya bahawa kerja peringkat pertama telah diselesaikan dan peringkat kedua akan dijalankan selepas persidangan Parlimen ini, insya Allah kerja-kerja akan diselesaikan sebelum Parlimen bersidang pada tahun yang akan datang. Di sini saya hendak menjelaskan bahawa rekabentuk (design) atau struktur bangunan ini agak sophisticated, jadi susah hendak dicepatkan, sebab dalam proses memperbaiki bangunan ini, Jabatan Kerjaraya pun mahu mengekalkan keindahan bangunan ini, kalau tidak, nanti Tan Sri Speaker marah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang ini selalu hujan. Ini saya suka menarik perhatian. Memperbaiki bocor ini tidak boleh berperingkat-peringkat. Kerjalah pada waktu malam, pada hari Sabtu atau Ahad.

Tuan Samsuri bin Md. Saleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan membawa butiran yang lengkap mengenai pembaikan Parlimen ini. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini berapa banyak peruntukan yang diuntukkan untuk membaiki Dewan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini berkehendakkan notis. Nanti apabila membincangkan berkenaan dengan peruntukan Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, bolehlah bangkitkan perkara ini.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan bilakah boleh dapat jaminan supaya tong-tong yang hendak menyambut air yang bocor ini dikeluarkan daripada Dewan dan bangunan ini dan menentukan yang bangunan ini tidak akan bocor lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sedang menunggu peringkat yang kedua (*Ketawa*). Sudah dijawab tadi.

JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

10. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa Bahagian-bahagian Kad Pengenalan, Sijil Beranak dan Sijil Kerakyatan di Jabatan Pendaftaran Negara, mengambil masa yang sangat lama untuk melayan permintaan-permintaan bagi membetulkan kesilapan-kesilapan dalam Kad-kad Pengenalan, permohonan pendaftaran Sijil Beranak yang lewat dan Sijil-sijil Kerakyatan yang diserahkan bersama dengan bukti-bukti yang diminta, pemohon-pemohon terpaksa menunggu lama walaupun peringatan-peringatan dihantar beberapa kali. Jika ya, apakah langkah yang sewajarnya yang akan diambil untuk mengatasi kelewatan ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat ini umum dan ditujukan kepada ketiga-tiga Bahagian Kad Pengenalan, Kewarganegaraan dan Beranak dan Mati.

Pada keseluruhannya Jabatan ini tidak mengambil masa yang lebih lama daripada yang diperlukan bagi menimbangkan sesuatu permohonan yang disebutkan itu sekiranya bukti-bukti yang dikemukakan itu jelas dan mencukupi.

Saya suka menegaskan iaitu Jabatan ini tidak boleh bergantung semata-mata kepada bukti yang diberi oleh pemohon kerana banyak faktor-faktor lain yang harus diberi perhatian. Ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa Kerajaan juga harus berwaspada dan cermat kerana kemungkinan berlakunya penipuan dengan tujuan menggunakan dokumen-dokumen kepunyaan orang lain bagi sesuatu maksud yang tertentu. Oleh itu kajian dan siasatan yang teliti terpaksa dijalankan ke atas sesuatu permohonan. Ini mungkin memakan masa yang agak panjang mengikut keadaan sesuatu permohonan itu.

TUMPAHAN MINYAK DI SELAT MELAKA

11. Tuan Embong bin Yahya minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) adakah Kerajaan menuntut sebarang ganti rugi dari pihak berkenaan akibat

tumpahan minyak dari sebab pelanggaran kapal minyak di Selat Melaka pada bulan Julai, 1976 lalu, jika ada berapa banyak;

- (b) adakah rakyat Malaysia seperti nelayan dibayar sebarang kerugian akibat tumpahan minyak itu; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang hendak menyekat sebarang kapal minyak yang besar-besar dari melalui Selat Melaka di masa akan datang.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Satu kejadian pelanggaran kapal pengangkut minyak telah berlaku di Selat Melaka yang melibatkan tiga buah kapal. Pecahan dan tumpahan minyak telah berlaku kepada sebuah daripada kapal-kapal itu, iaitu kapal yang dipunyai oleh Syarikat Minyak Kebangsaan Filipina.

Kementerian saya telah menyelenggarakan operasi pembersihan yang dilaksanakan dengan segera yang dibantu oleh beberapa agensi Kerajaan termasuk Tentera Laut Di Raja Malaysia dan Jabatan Laut.

Kementerian saya juga menemui pegawai-pegawai dari Syarikat Minyak Kebangsaan Filipina itu dan telah mengadakan perbincangan fasal ganti rugi pada bulan Ogos tahun ini. Perundingan selanjutnya akan diadakan pada pertengahan bulan ini. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perundingan sekarang adalah sedang di peringkat yang sangat penting dan saya amat bersukacita untuk memberi butir-butir lanjut apabila ianya telah diselesaikan. Saya sangat kesal kerana tidak dapat menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat mengenai perkara itu sekarang.

- (b) Saya bersetuju apabila berlaku tumpahan minyak ada nelayan-nelayan yang terjejas dari segi pendapatannya. Tetapi Kementerian saya berpendapat tidaklah bijak untuk membayar sejumlah wang kepada nelayan-nelayan secara perseorangan kerana kita tidak dapat mengetahui siapa yang sebenarnya terlibat dan siapa yang perlu dibayar. Walau bagaimanapun sebaik-

baik sahaja kita menerima bayaran tuntutan, kita akan meneliti dan akan mendapatkan pandangan daripada agensi-agensi Kerajaan yang lain yang terlibat supaya keadilan dan tindakan saksama dapat dicapai.

- (c) Kerajaan amatlah memandang berat terhadap lalulintas kapal-kapal pengangkut minyak yang besar di Selat Melaka. Kementerian Perhubungan sedang merangka satu "Sekim Pemisahan Lalulintas" (Straits Traffic Separation Scheme) dengan Kerjasama Kerajaan Indonesia dan Singapura bagi mengurangkan bahaya kemalangan di Selat itu.

KONSEP ASEAN

12. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa konsep ASEAN tidak diterima oleh Negara-negara Laos dan Vietnam. Jika benar, kenapa.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah yang bersamaan yang telahpun timbul beberapa kali pada masa lepas dan telahpun diberi penjelasan. Dengan demikian, saya rujuk jawapan saya kepada Soalan No. 12 pada 26hb Oktober, baru-baru ini.

DOKTOR-DOKTOR MELETAKKAN JAWATAN

13. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan dan kategori doktor-doktor yang telah berhenti dari perkhidmatan kerajaan sejak tahun 1969 dan nyatakan bilangan dan kategori doktor-doktor yang telah pindah (emigrate) ke negara-negara lain dalam jangka masa tersebut.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, bilangan doktor-doktor (Perubatan) yang telah berhenti daripada perkhidmatan Kerajaan termasuk perletakan jawatan, tamat perkhidmatan sementara atau kontrek dan bersara adalah seperti berikut:

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjangkah jawapannya. Kalau ini sampai 7 tahun sila hantar secara bertulis

sahaja kepada Ahli Yang Berhormat itu sebab soalan ini panjang sangat jawabnya.

Tan Sri Lee Siok Yew: Pendek sahaja.

(a) 1969	...	...	...	97 orang
(b) 1970	...	...	...	119 "
(c) 1971	...	...	...	84 "
(d) 1972	...	...	...	83 "
(e) 1973	...	...	...	117 "
(f) 1974	...	...	...	157 "
(g) 1975	...	...	...	158 "
(h) 1976 (sehingga 15-10-76)				150 orang

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bilangan doktor-doktor yang telah diambil bekerja bagi jangkamasa tersebut adalah seperti berikut:

(a) 1971	...	...	...	301 orang
(b) 1972	...	...	...	261 "
(c) 1973	...	...	...	299 "
(d) 1974	...	...	...	348 "
(e) 1975	...	...	...	312 "
(f) 1976 (sehingga 15-10-76)				300 orang

Adalah sukar untuk dinyatakan bilangan dan kategori doktor-doktor yang telah pindah (emigrate) ke negara-negara lain dalam jangkamasa tersebut oleh kerana Kementerian saya tidak menyimpan rekod tentang perkara itu.

Tuan Farn Seong Than: Soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau bagi mencegah doktor-doktor berhenti daripada perkhidmatan Kerajaan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, doktor-doktor yang berhenti ini memang dengan sebab-sebab yang tertentu. Ada doktor berhenti untuk melanjutkan pelajaran post graduate studies overseas. Mereka bersara oleh kerana mengikuti post graduate studies dengan persendirian, tidak dapat scholarship daripada Kerajaan dan kita berharap apabila mereka telah tamat latihan post graduate studies overseas, akan balik ke negeri kita untuk berkhidmat dengan Kerajaan. Ada juga doktor berhenti oleh kerana sebab-sebab yang tertentu iaitu pergi bekerja ke negeri lain supaya mendapatkan pendapatan yang lebih. Kebanya-

kan doktor yang berhenti ini setahu saya adalah berkhidmat di negara kita seperti membuka private clinic atau bekerja di hospital-hospital swasta di negara kita. Dengan itu kita tidaklah kehilangan orang-orang cerdik pandai (brain drain) yang banyak ke negeri-negeri asing. Doktor hospital swasta telah bertambah dari setahun ke setahun, jadi kita harap hospital swasta akan menolong Kerajaan untuk memberikan rawatan perubatan kepada rakyat kita.

TOL DI JAMBATAN BATU PAHAT

14. Tuan Oo Gin Sun (*di bawah S.O. 24* (2)) minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilakah kutipan tol di jambatan Batu Pahat akan di-berhentikan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa perkara ini sedang di dalam pertimbangan Kerajaan.

BEKALAN AIR DI KUALA BESUT

15. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa penduduk-penduduk di kawasan Kuala Besut, Trengganu sedang menunggu dengan tidak sabar lagi akan janji-janji Kerajaan hendak membekalkan Bekalan Air ke kawasan mereka. Dan sehingga sekarang ini belumpun kerja-kerja permulaan dimulakan. Kalau sedar apakah tindakan kerajaan bagi menyegerakan bekalan Air ke kawasan tersebut.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang ada rancangan untuk membekalkan bekalan air ke kawasan Kuala Besut. Langkah-langkah berikut sedang diambil oleh Kerajaan:

- (a) Satu projek negeri untuk membekalkan bekalan air ke Jerleh/Kg. Raja/Kuala Besut adalah diperuntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Pinjaman sebanyak \$6 juta telahpun diluluskan oleh Kerajaan Pusat. Satu kajian kemungkinan projek telahpun dibuat oleh pihak perunding dan kajian ini telahpun diluluskan oleh Bahagian Perancang Ekonomi dan Kerajaan Negeri Trengganu. Satu pakar pe-

runding lagi akan dilantik untuk menjalankan kerja-kerja rekabentuk secara teliti.

- (b) Sebagai langkah jangka pendek, satu kajian juga sedang dibuat oleh Jabatan Kaji Bumi untuk mencari saluran air di bawah tanah dan air ini akan dipam ke "reservoir" dan seterusnya dibekalkan ke kawasan Kuala Besut. Projek ini akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun hadapan.

ANASIR KOMINIS

16. Tuan Haji Zakaria bin Ismail minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada benar bahawa setengah daripada parti politik dan juga setengah daripada badan-badan berkanun di negara ini telah diresapi dan dipengaruhi oleh anasir-anasir kominis. Jika benar apakah tindakan yang telah diambil dan yang akan diambil untuk menghapuskannya.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada Dewan ini pada 25hb Oktober yang lalu, ada percubaan-percubaan kominis untuk meresapi Kerajaan, parti-parti politik, Kesatuan-kesatuan Sekerja dan juga badan-badan berpengaruh yang lain. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memerhati dan mengawasi gerakgeri-gerakgeri kominis ini dan akan mengambil tindakan sewajarnya menurut undang-undang negara terhadap sesiapa juga yang terlibat di dalam kegiatan kominis dengan tidak mengira kedudukan dan pangkat seseorang itu.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, soal di sini ialah telah diresapi dan dipengaruhi oleh anasir-anasir kominis. Di sini saya hendak minta penjelasan ataupun ketegasan daripada Kementerian yang berkenaan iaitu pada hari ini banyak kenyataan pemimpin-pemimpin kita mengeluarkan kenyataan tanpa fakta-fakta yang tertentu masaalah keselamatan dalam negeri dan tempat-tempat yang dipengaruhi oleh kominis. Dalam perkara ini, bolehkah Kementerian mengambil satu tindakan menasihatkan pemimpin-pemimpin yang berkenaan supaya sebarang apa kenyataan yang hendak mereka buat mengenai masaalah keselamatan dalam negeri hendaklah mendapat kenyataan

dan fakta-fakta yang jelas dan ada buktinya daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri terlebih dahulu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu tidak payah dijawab. Parti-parti politik masing-masing boleh ambil perhatian.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEKASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.00 malam.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.00 malam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1977

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1977

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (8hb Disember, 1976)

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Jawatankuasa sekarang akan menimbangkan Anggaran Perbelanjaan di bawah Kementerian Kebajikan Am.

Saya jemput Yang Berhormat Menteri mengemukakan Anggaran Perbelanjaan.

Kepala B. 63 (Jadual)

Kepala P. 63 (Anggaran Pembangunan, 1977)—

3.25 ptg.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa belanja mengurus yang ditunjuk di bawah Kepala B. 63 berjumlah \$20,988,500 dan belanja pembangunan yang ditunjuk di bawah Kepala P. 63 berjumlah \$4,504,060 diluluskan.

Tuan Pengerusi, matlamat Kementerian Kebajikan Am ialah untuk membantu golongan yang tidak begitu bernasib baik memajukan diri, memperbaiki keadaan ekonomi mereka supaya dapat Berdikari dan mengecap nikmat hidup. Untuk tujuan ini Kementerian saya mengadakan enam jenis Perkhidmatan iaitu Perkhidmatan Pentadbiran Am, Perkhidmatan Pencegah, Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak, Perkhidmatan Pemulihan Am, Perkhidmatan Pemulihan Akhlak dan Perkhidmatan Penyelidikan, Perancangan dan Penilaian yang meliputi juga Perkhidmatan Pengurusan.

Saya memohon izin untuk dapat menerangkan serba ringkas tentang fungsi dan bidang tugas Perkhidmatan-perkhidmatan ini.

Perkhidmatan Pentadbiran

Perkhidmatan Pentadbiran adalah bertujuan untuk menyelenggarakan semua jenis perkhidmatan kebajikan supaya hasil kerja-kerja iktisas dapat dicapai dengan mudah dan juga untuk memastikan bahawa jentera pentadbiran berjalan dengan cekap, rapi, dan lycin. Perkhidmatan ini mentadbirkan hal ehwal Perkhidmatan dan Perjawatan, Stor, Keselamatan, Kewangan, Pentadbiran, Perkhidmatan Gunasama Jurutaip dan lain-lain perkhidmatan penyelenggaraan dan juga mengandungi Bahagian Latihan.

Tugas Bahagian Latihan ialah mengadakan kursus-kursus untuk melengkapkan kakitangan dengan kemahiran serta pengetahuan iktisas dan dengan ini mereka dapat menjalankan perkhidmatan keluarga dengan lebih berkesan melalui rancangan-rancangan Kesejahteraan Keluarga, Bantuan Guaman, Kebajikan Sekolah dan Pemulihan Penagih Dadah. Kementerian saya akan menghantar pegawai yang lebih ramai lagi ke universiti-universiti dan keluar negeri untuk membuat tinjauan sambil belajar bagi mengkaji perkembangan-perkembangan baru dalam kerja kebajikan masyarakat. Kursus-kursus juga akan terus diuruskan untuk kakitangan jawatan rendah serta pekerja-pekerja sosial sukarela. Dalam tahun 1977 dijangka seramai 355 orang kakitangan akan dapat diberi latihan.

Sebuah pusat latihan kakitangan untuk 80 orang akan dibina di Kuala Lumpur dan dijangka siap pada akhir tahun 1978. Dengan adanya pusat latihan ini rancangan-rancangan latihan akan dapat ditambah dan dipergiatkan lagi.

Perkhidmatan pentadbiran ini memerlukan peruntukan sebanyak \$1,032,000 untuk belanja mengurus dan \$400,500 untuk belanja pembangunan.

Perkhidmatan Pencegahan

Perkhidmatan Pencegahan pula ialah untuk cuba mengurangkan kes-kes yang terlibat dalam berbagai kerosakan dan cuba menolong mereka yang telah mengalami serba rupa kecacatan untuk berdikari dan pulih semula dengan cara membanyakkan kegiatan-kegiatan yang bercorak pembangunan dan juga bekerjasama dengan ejensi-ejensi Kerajaan dan sukarela dalam bidang kebajikan masyarakat. Perkhidmatan ini juga akan mempertinggi mutu kes kerja dan penasihat dan memperluas semua rancangan bantuannya.

Bagi melaksanakan perkhidmatan ini, peruntukan adalah diminta untuk:

- (i) Memulakan perkhidmatan baru di dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kementerian ini, termasuk Perkhidmatan-perkhidmatan Kesejahteraan Keluarga, Kebajikan Sekolah, Klinik Bimbingan Kanak-kanak, Pemulihan Penagih Dadah dan Penempatan Orang-orang Cacat;

- (ii) Menyatukan Perkhidmatan Penasihat Keluarga Kementerian dengan Bantuan Guaman Kementerian Undang-undang;
- (iii) Memperluaskan Rancangan Bantuan kepada Orang-orang Tua; Rancangan Bantuan kepada Kanak-kanak untuk mengurangkan penderitaan keluarga, khususnya keluarga di luar bandar dan Rancangan Bantuan Orang-orang Cacat supaya meliputi semua jenis orang cacat yang bekerja.
- (iv) Memberikan alat-alat tiruan kepada orang-orang cacat termasuk murid-murid sekolah yang memerlukan cermin mata; dan
- (v) Memberi bantuan kewangan kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela khususnya kepada Jawatankuasa Kebajikan Budak-budak Negeri.

Perkhidmatan Pencegahan memerlukan peruntukan sebanyak \$5,178,200 untuk belanja mengurus.

Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak

Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak pula tujuan besarnya ialah untuk menjaga dan melindungi kanak-kanak yang tinggal dalam yayasan-yayasan di Rumah Kanak-kanak, orang-orang tua dan pesakit-pesakit melarat yang diadakan oleh Kementerian ini.

Mutu jagaan dan pelajaran di rumah kanak-kanak akan terus diperbaiki dan kursus-kursus latihan vokesyenal akan diperkembang dan dimodenkan untuk menolong kanak-kanak ini dapat pekerjaan yang lebih baik apabila mereka telah keluar kelak. Penghuni-penghuni seramai 2,315 orang yang kini berada dalam lapan buah rumah untuk orang-orang tua mungkin tidak bertambah pada tahun 1977 ini. Tiga buah rumah pesakit melarat boleh menampung 960 orang penghuni. Tetapi 300 tempat terpaksa diasingkan untuk menempatkan penagih-penagih dadah. Pada tahun 1977 ini dijangka seramai 720 orang sakit melarat akan dapat diberi rawatan dan perlindungan.

Perkhidmatan ini juga memberikan bantuan kewangan dan teknikal sebanyak \$298,880 kepada 18 buah pertubuhan sukarela bagi tahun 1977.

Perkhidmatan ini juga akan membina sebuah Rumah Orang-orang Tua yang boleh menampung 200 orang di Sibu, Sarawak.

Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak ini memerlukan peruntukan sebanyak \$7,835,700 bagi belanja mengurus dan \$460,020 bagi belanja pembangunan.

Perkhidmatan Pemulihan

Perkhidmatan Pemulihan mengendalikan dua buah rumah bagi Orang-orang Cacat Akal dan sebuah Pusat Pemulihan bagi Orang-orang Cacat Anggota.

Rumah kanak-kanak Jubili Johor yang di-khaskan untuk kanak-kanak cacat akal yang mempunyai lebih daripada satu jenis kecacatan akan menampung seramai 180 orang penghuni pada tahun 1977. Taman Sinar Harapan, Tampoi akan memberi latihan kepada 150 orang cacat akal. Dengan siapnya sebuah bengkel baru, Pusat Pemulihan Orang-orang Cacat Anggota yang tunggal di Cheras akan dapat menambah jenis latihan kemahirannya dalam tahun 1977.

Bengkel perlindungan Kementerian ini yang pertama dijangka akan dibuka pada akhir tahun 1977. Bengkel ini akan didirikan di Klang dan dijangka akan dapat memberi latihan dan pekerjaan kepada orang-orang miskin dan cacat yang tidak sesuai untuk bekerja di luar rumah. Ia akan mempunyai kemudahan untuk 100 orang pekerja dan tempat tinggal untuk 50 orang cacat. Dua buah bengkel perlindungan lagi akan mula dibina di Kuala Trengganu dan di Sungai Petani pada tahun 1977.

Sebanyak 19 buah pertubuhan sukarela yang menjalankan kerja-kerja pemulihan orang cacat akan mendapat peruntukan wang dan teknikal sebanyak \$202,100 dari Kementerian ini.

Perkhidmatan ini memerlukan peruntukan sebanyak \$1,707,600 bagi belanja mengurus dan sebanyak \$1,100,020 bagi pembangunan.

Perkhidmatan Pemulihan Akhlak

Perkhidmatan Pemulihan Akhlak bertanggungjawab atas Sekolah Akhlak, Rumah Tahanan Sementara/Asrama Akhlak, Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis, Pusat Pemulihan Pengemis dan Kuturayau, dan Pusat Pemulihan Dadah.

Dalam tahun 1977 tujuh buah Sekolah Akhlak akan dapat menambah tempat menjadi 772 berbanding dengan 722 di tahun 1976. Sembilan buah Rumah Tahanan Sementara yang digunakan sebagai Asrama akan dapat menempatkan seramai 265 orang penghuni.

Sebuah Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis di Rembau telah siap dibina. Pusat ini dan dua yayasan yang telah ada, akan dapat menampung 310 orang wanita. Sebuah Pusat lagi sedang dibina di Batu Gajah dan dijangka akan siap pada akhir tahun 1977. Kementerian ini juga akan memulakan pembinaan dua buah pusat lagi di Sabah dan di Sarawak.

Pusat Pemulihan Pengemis dan Kuturayau di Mersing dijangka akan menampung 400 orang penghuni dalam tahun 1977.

Penghuni-penghuni dalam tiga buah Pusat Pemulihan Dadah yang ada sekarang di rumah pesakit melarat Bukit Mertajam, Kuala Kubu Baru dan Johor Bahru yang pada asalnya 240 orang, sekarang telah ditambah kepada 300 orang. Kementerian saya sedang mencari kemungkinan untuk membina dua buah Pusat Pemulihan yang komprehensif di Kuala Kubu Bharu dan sebuah lagi di Pulau Pinang sebagai tambahan kepada Pusat Pemulihan yang dicadangkan di Besut, Trengganu. Apabila rancangan itu telah berjalan Kementerian ini dijangka akan dapat memberi tempat kepada kira-kira 1,100 penagih dadah bagi satu-satu masa.

Bantuan sebanyak \$30,500 telah diperuntukkan dalam tahun 1977 bagi dua buah pertubuhan sukarela yang menjalankan perkhidmatan pemulihan budak-budak serta wanita dan gadis yang terdedah kepada bahaya rosak akhlak.

Perkhidmatan Pemulihan Akhlak memerlukan peruntukan sebanyak \$5,087,000 bagi belanja mengurus dan sebanyak \$2,543,520 bagi belanja pembangunan.

Perkhidmatan Penyelidikan Perancangan dan Penilaian

Perkhidmatan ini mempunyai tiga bahagian iaitu penyelidikan dan statistik, perancangan dan pengurusan. Selain daripada urusan-urusan yang dijalankan dari masa ke semasa seperti penyediaan data, statistik

dan laporan, penggubalan petunjuk-petunjuk sosial dan perkhidmatan sokongan (supportive services), perkhidmatan ini juga akan menjalankan kajian mengenai faktor-faktor yang menyebabkan penagihan dadah di kalangan penghuni Pusat-pusat Pemulihan Dadah yang ada dan juga mengadakan kajian ke atas perceraian di kalangan orang Islam di Semenanjung Malaysia; dan kajian tenaga bagi menentukan keperluan serta keutamaan Kementerian.

Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan, Perancangan dan Penilaian memerlukan peruntukan sebanyak \$148,000 untuk belanja mengurus.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

3.35 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Bekalan B. 63—Kementerian Kebajikan Am, muka surat 437, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti-aktiviti (2) Perkhidmatan Pencegahan; (3) Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak dan (5) Perkhidmatan Pemulihan Akhlak.

Di Bandaraya Kuala Lumpur atau di bandar-bandar besar, peminta-peminta sedekah masih banyak lagi terdapat berkeliraran, bukan sahaja di jalan-jalan, di kedai-kedai besar, tetapi juga di masjid-masjid. Kadang-kadang kita berasa malu memandang telatah mereka itu. Di masjid-masjid, mereka telah sedia ada sebelum sembahyang dilakukan.

Mungkin ada yang betul-betul susah, tetapi apa yang saya tahu ada di antaranya suka menjadi peminta sedekah, kerana senang dan mudah mendapat wang. Undang-undang tidak kira siapa. Saya rasa Bahagian Pencegahan dengan kerjasama Polis, boleh memerhatikan mereka ini. Tangkapan hendaklah sentiasa dilakukan dan diletakkan mereka di tempat-tempat pemulihan di mana mereka boleh hidup dengan begitu teratur. Walaupun Undang-undang Kuturayau telah diluluskan, tetapi perlaksanaannya tidak begitu berkesan. Saya rasa undang-undang yang ketat hendaklah dikuatkuasakan dan menetapkan bahawa peminta-peminta sedekah yang didapati melakukannya hendaklah

dianggap salah. Mungkin dengan cara pelaksanaan undang-undang yang ketat ini akan mengurangkan peminta-peminta sedekah di bandaraya kita.

Pelancung-pelancung mengambil kesempatan akan hakikat ini. Ini boleh menjejaskan imej negara kita. Walaupun negara kita terkenal dengan hasil-mahsulnya seperti bijih timah dan getah, tetapi masih terdapat banyak peminta-peminta sedekah di bandar-bandar.

Tuan Pengerusi, untuk memberi Perkhidmatan Pemulihan, saya rasa firma-firma yang mempunyai keuntungan besar, boleh diminta kerjasama untuk memberi sumbangan tempat-tempat pemulihan ini. Saya tujukan terutama sekali kepada syarikat-syarikat yang bertaraf perintis (pioneer status) yang tidak dikenakan cukai selepas beberapa tahun menjalankan perusahaannya di negara kita. Sumbangan ini tentu boleh dilakukan oleh mereka. Dengan adanya bantuan ini, saya rasa keluarga-keluarga atau anak-anak yang terbiar itu akan mendapat bantuan, panduan dan bimbingan yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi, ada di antara saudara-saudara baharu kita yang memeluk agama Islam dengan menggunakan surat-surat akuan dari Pejabat Agama Islam, meminta sedekah di mana-mana sahaja. Saya rasa tujuan mereka memeluk agama Islam bukanlah dengan tujuan ini. Ini boleh merosakkan pandangan kita. Ada baiknya, mereka itu diberi pekerjaan di tempat-tempat pemulihan, misalnya di mana mereka boleh membuat penghidupan yang baharu. Menolong dan mengikhtiarkan untuk mendapatkan pekerjaan adalah lebih sempurna dan terjamin daripada diberi surat akuan untuk tujuan tersebut. Sepatutnya, pihak-pihak yang berkenaan seperti PERKIM, atau Badan-badan Dakwah, hendaklah membantu mereka dengan apa cara sekalipun supaya kehidupannya tidak terbiar begitu sahaja. Kalau sekiranya dibiarkan, maka ia menjadi serba salah; hendak balik kepada keluarganya, sudah tentu ia berasa malu dan boleh jadi tidak diterima lagi. Maka dengan kerana itu, badan-badan dakwah ini hendaklah berikhtiar mengambil berat apabila saudara-saudara baharu kita memeluk agama Islam.

Tuan Pengerusi, tugas Kementerian Kebajikan Am ini adalah berat. Menteri yang sungguh aktif dalam menjalankan tugasnya di seluruh negara. Saya rasa kepujian harus diberi kepada Menteri ini, dan mudah-mudahan ia akan bekerja lebih kuat lagi untuk membantu bukan sahaja kepada orang-orang cacat, malahan juga orang-orang yang memerlukan bantuan dan pertolongan.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja, dan saya menyokong peruntukan Kementerian Kebajikan Am.

3.42 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan Kementerian Kebajikan Am yang berjumlah sebanyak \$25,492,560 dan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang dapat menyusun segala anggaran aktiviti dengan kerjasama pegawai-pegawai yang bijaksana.

Tuan Pengerusi, kita semua maklum sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab kepada kebajikan masyarakat bukanlah mudah. Saya suka menyentuh Kepala P. 63, Pecahan-kepala 1, muka surat 441—Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak. Kita tahu beberapa keluarga dan kanak-kanak yang ditinggalkan oleh ayah disebabkan oleh kematian ayah atau penceraian. Keluarga ini kadang-kala hidup dengan keadaan umbang-ambing, tak sampai ke mana yang hendak dituju. Kanak-kanak dari keluarga inilah selalu memohon belas kasihan dari Kementerian ini. Berkenaan tambang bas, kadang-kadang dapat kadang-kadang tidak dapat. Saya harap bantuan-bantuan serupa inilah dapat diperluaskan supaya dapat menolong kanak-kanak serupa ini dan bantuan kepada balu yang mempunyai anak yang banyak patutlah ditambah. Saya juga rasa gembira di atas kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri kerana Pegawai-pegawai Kebajikan di peringkat daerah telah diberi tugas untuk menolong orang-orang susah untuk mendapat bantuan dari Biro Bantuan Guaman di atas perkara-perkara menuntut nafkah dan lain-lain yang mana mereka tidak mampu membayar fees yang begitu banyak kepada peguam-peguam biasa.

Tuan Pengerusi, Pecahan-kepala 3 (iii)—Rumah Perlindungan Perempuan-perempuan, Perak. Sukalah saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am selama masa beliau menjadi Menteri tidakkah pernah atau dapat mencari jalan supaya perempuan-perempuan yang tinggal di rumah perlindungan dapat diberi kahwin kepada orang-orang yang boleh menjaga atau mengambil mereka sebagai isteri. Kerana kita tahu orang-orang di rumah ini bukannya semua orang tua, ada juga yang daripada umur belasan tahun dan juga yang muda-muda. Jadi kalau sekiranya kita dapat tahu ada orang yang suka hendak mengambil mereka sebagai isteri bagaimanakah cara untuk memohon, adakah melalui Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ataupun kepada waris-waris mereka? Saya ingat perkara yang beginilah kita patut menolong mereka kerana terjadinya kerosakan akhlak kadang-kala apabila mereka dipaksa ataupun dibuat sesuatu. Maka dengan inilah saya berharap Yang Berhormat Menteri akan memberi penjelasan tentang bagaimana cara-cara untuk mengambil mereka jika ada setengah-setengah pihak yang bersetuju ataupun kasihan belas untuk mendapatkan mereka sebagai suri rumahtangga.

3.45 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran): Tuan Pengerusi, saya juga bangun menyokong peruntukan yang dipohon oleh Kementerian ini. Tetapi pada hemat saya sepatutnya peruntukan ini patutlah lebih daripada \$25 juta lebih itu dengan beberapa sebab.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini saya membaca suratkhbar di satu berita mengatakan bahawa satu kajian telah dibuat oleh Kementerian Kebajikan Am di atas pengemis-pengemis dan dapati bahawa pendapatan mereka adalah \$200 ke atas mengikut kaum. Rasa saya kalau tak silap, orang Islam dapat \$200 ke atas, orang India \$60 dan kaum China dapat di antara itu. Jadi saya juga, kalau tak salah peringatan saya dan jikalau saya lupa harap minta maaf, tahun lepas Menteri berkenaan ada mengatakan bahawa sangat susah kita hendak menghapuskan pengemis ini oleh kerana orang ramai sendiri bermurah hati memberi bantuan. Jadi kalau orang ramai sendiri membantu kononnya susahlah kita hendak menghapuskan pengemis. Pada hemat saya,

orang ramai ini tak patutlah kita salahkan mereka, kerana kalau kita katakan kita tidak boleh menghapuskan pengemis kerana orang ramai memberi sumbangan, orang ramai murah hati, bermakna tanggungjawab sama orang ramai. Jadi saya takut jawapan seperti itu implikasinya adalah jauh kerana saya bimbang kalau dengan masalah pelacuran pun begitu juga, sambutan orang ramai lebih hangat daripada sambutan pengemis. Jadi adakah kita hendak mengatakan bahawa kita tak boleh menghapuskan pelacuran oleh kerana ada sambutan orang ramai. Kita juga tak harus malu mengenai pengemis ini. Saya nampak, dapat tangkap perasaan orang ramai bahawa kita malu ada pengemis di Kuala Lumpur, terutamanya oleh kerana negara kita adalah negara kaya, per capita income sampai \$1,000. Tuan Pengerusi, di sisi Islam mengemis adalah satu pekerjaan yang hina, tidak salah tetapi sangat-sangat hina, satu pencarian yang sangat hina tetapi halal. Saya hendak bertanya mengapa kalau benda itu halal, bukan hina kepada negara, tetapi hina kepada orang yang minta sedekah maka kita mesti mengharamkan mengemis dan, kita mesti tangkap pengemis. Wang yang didapati dengan cara mengemis lebih halal daripada wang faedah bank, lebih halal daripada wang mileage yang dituntut oleh pegawai-pegawai pada hal sebenarnya mereka tidak berjalan. Hina kepada dia sahaja, mengapa kita haramkan mengemis? Soal malu kerana kita kaya, kalau betul negara kaya, kita malu ada pengemis, kita patut jaga pengemis ini. Adakah keupayaan negara menjaga pengemis? Tiap-tiap pengemis kita ambil dan pelihara dia. Kita buat sistem seperti di England ada Social Security System di mana orang tak ada pekerjaan umur 18 tahun ke atas termasuklah pengemis yang tidak ada kerja, beri dia wang tiap-tiap bulan, "living on the dole" seperti kata orang Inggeris. Kalau kita tidak ada upaya jangan salahkan, jangan kita haramkan mengemis, kerana mengemis juga membayangkan keadaan masyarakat kita. Adalah tidak berapa menasabah kepada saya bahawa orang yang mengemis ini adalah orang yang senang. Mungkin mereka ini setengahnya ada dua orang isteri, ada rumah sendiri, tetapi oleh kerana mereka susah, maka ia mengemis. Tidak ada orang yang hendak mengemis, kalau ia tidak susah, melainkan Yahudi yang ada satu cerita di

Rome dia mengemis selama 15 tahun, rupanya apabila disiasat maka didapati dia mempunyai rumah batu yang bernilai \$2 million. Orang Islam, dan selain daripada orang Yahudi, saya rasa tidak ada yang hendak mengemis, kalau dia tidak susah. Adakan yayasan untuk pengemis. Kalau kita boleh tubuhkan koperasi itu, koperasi ini, mengapa kita tidak boleh adakan satu yayasan, kita berkehendakkan \$10 million sahaja. Hendak mendirikan sesuatu yayasan, hendak membuka satu ladang getah atau kelapa bali, \$10 million sudah cukup untuk 5 ribu ekar untuk menampung keperluan pengemis-pengemis dan orang miskin yang tidak bekerja ini.

Masalah yang kedua, ialah masalah pelacuran. Kalau betul-betul kita hendak menjalankan tindakan mengenai pelacuran ini, kita jalankan dengan sempurna. Jangan pergi ke Lorong Haji Taib sahaja menangkap. Jangan pergi ke Jalan Raja Laut, pergi off Imbi Road yang kelas tinggi, kelas atasan. Tidak payah Polis hendak tahu di mana tempat ini. Tidak payah menjadi patron untuk tahu tempat itu, orang biasa akan tahu, tetapi perkara ini tidak dijalankan. Kita hanya menjalankan kepada orang yang tidak pandai menyorokkan diri, ada berdiri di lorong-lorong, luar rumah, luar kedai. Ini tidak patut. Kalau kita hendak jalankan tindakan, jalankan di peringkat atas, di peringkat bawah jangan pilih bulu.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan bantuan sosial welfare bagi anak yatim, janda-janda tua yang tidak ada suami, orang tua di kampung-kampung. Saya menyeru Kementerian ini supaya di dalam memberi bantuan ini berilah bantuan yang sesuai di dalam ertikata above subsistence level, apa yang diberi sekarang ini below subsistence level. Saya dengar bantuan diberi antara \$10 dan \$20. Apa benda yang boleh dapat dibeli dengan wang \$10-\$20 kalau anak ada 5-6 orang? Patutlah diberi dalam \$60 ataupun \$100 tengok keadaan supaya makan-minum dia tidak susah.

Saya menyeru juga supaya Kementerian ini janganlah mengadakan peraturan (procedure) yang sangat complicated. Saya pernah melawat ke kampung-kampung, saya jumpa dengan orang-orang tua yang meminta bantuan welfare. Katanya, tahun lepas Penghulu sudah rekomen, tahun lepas

Wakil Rakyat ada rekomen, tahun lepas Pegawai Kebajikan datang, tetapi tahun ini tidak ada juga bendanya. Perkara seperti ini banyak berlaku, tidak usahlah tanya di mana kes, siapa nama, Ahli-ahli Dewan semua tahu akan perkara ini berlaku di mana-mana tempat pun. Hendak mendapatkan bantuan \$15 sebulan memakan tahun. Perkara orang miskin dan anak yatim ini kita patut utamakan, Tuan Pengerusi.

Satu perkara lagi mengenai dengan penuntut-penuntut yang terlibat dengan dadah. Saya dapati bahawa Kementerian ini ada kalanya bukan sentiasa—saya tidak kata sentiasa, ada kalanya kadang-kadang tercuai sedikit, barangkali untuk mengambil tahu mengenai dengan seseorang yang terlibat dengan dadah. Misalnya, ada seorang budak bernama Suhaimi bin Alwi di tempat saya. Setelah beliau ditangkap kerana menghisap dadah, ibubapanya diberitahu, tetapi masa bicara di mahkamah, ibubapanya tidak diberitahu. Ibubapanya dengar anaknya sudah ditangkap oleh Polis, hantar ke mana ia tidak tahu. Dengar-dengar dihantar ke Pusat Pemulihan di Trengganu. Tindakan seperti ini sangat tidak memberi puas hati kepada ibubapa mereka yang terlibat. Sudahlah begitu, selepas sebulan dua di Pusat Pemulihan, maka keputusan L.C.E. dia tidak diberitahu langsung. Jadi tidak tahu samada dia lulus, samada keputusannya buruk sangat ataupun sederhana, boleh dia melanjutkan pelajaran ke mana-mana. Ini mungkin ada sedikit kesilapan. Tiap-tiap Kementerian itu memang ada baiknya, kadang-kadang ada pegawai yang kurang cekap, mungkin perkara ini berlaku kepada Kementerian ini. Tetapi fikiran yang didapati oleh ibubapa bahawa anggapan Kementerian apabila budak ini sudah terlibat dengan dadah, maka tidak dipedulikan dia lagi. Tidak kiralah ke mana dihantar dia, kita hendak memulihkan dia sahaja, tidak usahlah kira apa keputusan peperiksaannya. Beliau ini ahli masyarakat yang kurang berguna kepada masyarakat. Ini imej yang tidak baik kalau perkara ini berlaku terus. Dan mengenai dengan sekolah pemulihan ini, kalau boleh janganlah Kementerian ini mengadakan di merata-rata tempat, kerana kita hendak menjimatkan perbelanjaan. Kalau boleh kita adakan satu dua tempat sahaja, satu di Utara satu di Selatan. Tetapi di dalam dua empat ini, kita beri cukup lengkap, kita beri asuhan yang baik kita

beri pelajaran yang baik, kita jalankan segala pekerjaan pemulihan dengan sebaik-baiknya. Ini akan menjimatkan perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, pada akhirnya, suka sah saya melafazkan persetujuan ataupun sokongan saya sepenuhnya kepada Kementerian ini dan cuma saya merayu supaya pada tahun-tahun akan datang semoga Kementerian ini memohon peruntukan yang lebih supaya Kementerian ini boleh menjalankan segala pentadbirannya dengan lebih licin dan teratur lagi.

3.57 ptg.

Tuan Aw How Cheong (Telok Anson): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong anggaran belanjawan untuk Kementerian ini dan saya ingin menyentuh muka surat 437 Kepala B. 63, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (4) Perkhidmatan Pemulihan.

Tuan Pengerusi, Kerajaan telah mengakui bahawa masalah penyalahgunaan dadah dalam negara kita bukan sahaja serius tetapi semakin menjadi-jadi. Ini adalah amat mencemaskan, kerana masalah ini telah melibatkan sebilangan besar belia-belia kita. Baru-baru ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang telah mengangalkan bilangan penagih di dalam lingkungan 150,000 orang. Adalah merungsin apabila diperhatikan bahawa ada terdapat kakitangan Kerajaan di kalangan mereka itu. Meskipun bilangan penagih dadah begitu besar hanya terdapat 3 Pusat Pemulihan ketika ini di seluruh negara. Jika kita tambahkan Pusat Pemulihan yang baharu yang dijangka akan dapat digunakan pada pertengahan tahun 1977, jumlah bilangan katil yang ada ialah kurang daripada 350 buah. Maksudnya berdasarkan anggaran bilangan penagih dadah sebanyak 150,000 orang dan 350 buah katil hanya 0.2% daripada jumlah penagih dadah yang akan menerima rawatan buat masa sekarang. Sungguhpun angka yang diberi oleh Timbalan Menteri adalah 50% betul, iaitu terdapat seramai 75,000 orang penagih dadah sahaja, hanya 0.5% akan mendapat rawatan.

Oleh itu, suka sah saya mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri menimangkan melancarkan satu rancangan kilat untuk membina lebih banyak lagi Pusat-pusat Pemulihan bagi menampung ke dudukan ini. Jikalau Kementerian tidak

dapat melaksanakan rancangan ini pertolongan patut dipohon atau diminta daripada kelab-kelab perkhidmatan, persatuan-persatuan ugama, persatuan-persatuan perdagangan dan sebagainya supaya pusat-pusat itu dapat didirikan dan dijalankan.

Tuan Pengerusi, buat sementara ini kemudahan-kemudahan yang ada tidak dapat menampung keperluan penagih-penagih, maka bilangan penagih-penagih yang patut mendapat rawatan ini akan terus bertambah oleh sebab Kerajaan akan mengemukakan tidak lama lagi pindaan-pindaan kepada Ordinan Dadah Merbahaya Tahun 1952 yang memerlukan penagih-penagih dadah yang disyaki itu diperiksakan. Jikalau seseorang itu dipastikan dia adalah penagih dadah, maka dia diperlukan oleh Undang-undang untuk mendapat rawatan.

Tuan Pengerusi, adalah juga difahami bahawa bergantung kepada samada kes itu teruk atau tidak seseorang penagih dadah itu mengambil masa selama 6 bulan hingga dua tahun untuk sembuh secara penuh oleh kerana kemudahan-kemudahan yang terdapat sekarang adalah terhad ramai penagih-penagih dadah menerima rawatan yang tidak mencukupi yang kurang memuaskan supaya tumpuan dapat diberi kepada pesakit-pesakit yang lain. Jadi sangat nyata lah kita memerlukan lebih banyak pusat-pusat pemulihan lengkap dengan kemudahan-kemudahan yang lebih baik supaya dapat memberi rawatan yang memuaskan dan berkesan kepada penagih-penagih dadah supaya masalah sosial ini dapat dikurangkan.

4.02 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada muka surat 437, Kepala B. 63 Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (2).

Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap sedikit berkenaan dengan asrama untuk anak-anak yatim. Saya mencadangkan supaya asrama-asrama seperti ini didirikan di tiap-tiap negeri di Malaysia ini kerana setakat hari ini asrama-asrama berkenaan hanya terdapat di negeri tertentu sahaja. Lagi pun sekiranya asrama-asrama ini ada di tiap-tiap negeri, maka tidaklah menjadi masalah kepada keluarga anak-anak yatim ini untuk menghantar anak-anak mereka tinggal di asrama ini. Contohnya ialah

seperti anak-anak yatim yang tinggal di utara Perak. Mereka terpaksa menghantar anak-anak mereka ke Wisma Yatim di Pulau Pinang. Sebaliknya kalau terdapat asrama ini di tempat mereka sendiri jadi tidak perlulah berbelanja lebih untuk tambang. Tentang pengambilan anak-anak yatim untuk tinggal belajar di asrama-asrama seperti ini hendaklah ditentukan iaitu sesuatu keluarga itu benar-benar dari keluarga miskin serta memerlukan bantuan. Kita tidak mahu ada orang yang mengambil kesempatan dengan menghantar anak-anak mereka tinggal di sana pada masa mereka berkemampuan untuk membiayai anak-anak mereka. Eksploitasi ke atas kaum-kaum wanita terutamanya kepada anak-anak gadis yang di bawah umur yang diperalatkan di tempat-tempat hiburan, kelab-kelab malam dan sebagainya hendaklah dihapuskan. Ini boleh dilakukan dengan membuat serbuan mengejut ke atas tempat-tempat seperti itu kalau pun ianya tidak dapat dihapuskan sama sekali tetapi ianya akan dapat dikurangkan. Asrama-asrama pemulihan akhlak untuk gadis-gadis juga hendaklah dibanyakkan lagi.

Mengenai kemiskinan di kampung-kampung pula pihak Kementerian hendaklah sentiasa memberikan perhatian terutama kepada murid-murid miskin yang memerlukan bantuan. Dalam soal ini pihak Kementerian hendaklah selalu berhubung dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru di kampung-kampung berkenaan, kerana Ahli-ahli Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru ini lebih mengetahui akan keadaan sesuatu keluarga di kampung mereka. Yang menyebabkan berlakunya ponteng sekolah ialah kerana kemiskinan jadi sekiranya murid-murid yang memerlukan ini diberi bantuan maka mereka akan dapat menumpukan sepenuhnya minat mereka terhadap pelajaran. Kementerian Kebajikan Am juga hendaklah mengadakan lebih banyak cawangan di pekan-pekan kecil terutamanya di luar bandar dengan ini masalaah yang dihadapi oleh orang-orang kampung berkenaan akan dapat cepat diketahui.

4.06 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya juga bangun untuk membahaskan Anggaran Belanjawan bagi Kementerian Kebajikan Am. Saya ingin

menyentuh beberapa perkara untuk pertimbangan Kementerian yang berkenaan. Tuan Pengerusi, pada mulanya saya pun ingin menyokong atau bersetuju dengan pandangan yang telah diberi dari Wakil dari Maran iaitu ialah saya anggap bahawa Anggaran Belanjawan yang diperuntukkan kepada Kementerian Kebajikan Am yang berjumlah \$25.4 juta bagi tahun 1977 amat kecil dan tidaklah mencukupi sekiranya Kementerian ini hendak menjalankan kegiatan-kegiatannya dengan berkesan dalam pemberian berbagai-bagai jenis perkhidmatan kebajikan kepada rakyat. Saya rasa kesal, Tuan Pengerusi, bahawa tiap-tiap tahun Kementerian Kebajikan Am tidak diberi peruntukan yang cukup dan bermakna supaya membolehkan bergiat sebagai satu Kementerian yang benar-benar aktif dan dinamis.

Tuan Pengerusi, nampaknya Kerajaan tidak menganggap Kementerian ini sebagai satu Kementerian yang mustahak, barangkali sebab Kementerian ini bukanlah satu Kementerian yang mendatangkan penghasilan untuk negara, tetapi satu Kementerian yang hanya membelanjakan wang yang diperuntukan kepadanya dengan tidak mendatangkan apa-apa hasil.

Tuan Pengerusi, sikap ini tentulah tidak sesuai dan wajar oleh kerana Kementerian Kebajikan Am ialah satu Kementerian yang benar-benar dikehendaki untuk memberi pertolongan sosial yang asas kepada golongan yang tidak bernasib baik. Oleh hal yang demikian, saya rasa Kementerian ini patutlah diberi peruntukan yang lebih besar dan jumlah \$25.4 juta haruslah digandakan supaya lebih ramai pegawai-pegawai dapat diambil dan lebih banyak projek-projek dapat dibangunkan untuk tujuan-tujuan memberi perkhidmatan kebajikan yang lebih berkesan kepada rakyat. Di sini saya ingin memberikan satu contoh dan saya ingin merujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam Wilayah Persekutuan. Tuan Pengerusi, izinkan saya menyatakan di sini bahawa Jabatan ini sedang dan ada memberi perkhidmatan yang memuaskan kepada orang ramai di bawah pimpinan Pengarahnya. Walau bagaimanapun lebih banyak dapat dibuat oleh Jabatan ini sekiranya Jabatan tersebut diperuntukkan kakitangan yang lebih untuk menjalankan kegiatannya tiap-tiap hari. Pada masa ini Jabatan ini

hanya mempunyai seorang Pengarah, dua Timbalan Pengarah, sebelas Pegawai-pegawai Kebajikan dan sembilan Pembantu-pembantu dan mereka dikehendaki menanggung beban yang berat oleh kerana mereka menerima dan menguruskan lebih kurang 800 hingga 900 kes-kes dalam setiap bulan.

Saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan sedar tentang perkara ini dan mencari jalan-jalan atau cara-cara untuk menambahkan kakitangan di Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk Wilayah Persekutuan.

Sekarang saya ingin merujuk kepada perkara Aktiviti (2) muka surat 437 mengenai Perkhidmatan Pencegahan. Di bawah perkara ini, ingin saya merujuk kepada perkara bantuan am yang terhad untuk orang-orang yang berpendapatan rendah, orang yang miskin. Bantuan ini tidak mencukupi \$100 sebulan untuk diberi kepada keluarga-keluarga yang mengalami kesulitan hidup disebabkan kesakitan, kemalangan, kecederaan dan kematian mencari nafkah. Ingin saya menyatakan di sini bahawa jumlah yang diberi itu tidak mencukupi, \$100 patutlah dikaji semula memandangkan kepada inflasi dan kehidupan kos yang amat tinggi di Kuala Lumpur pada hari ini. Pemberian bantuan yang amat kecil ini tidak akan memberi apa-apa faedah yang bermakna kepada keluarga yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin merujuk kepada Anggaran Pembangunan bagi Kementerian ini dan di sini saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya memberi pertimbangan untuk membina rumah orang tua bagi Wilayah Persekutuan. Pada masa ini khasnya di Kuala Lumpur tidak mempunyai rumah orang tua dan akibatnya orang-orang tua yang ingin memasuki rumah orang tua kes-kes mereka tidak dapat dipertimbangkan, juga oleh kerana tidak terdapat tempat kekosongan dan di lain-lain rumah-rumah orang tua maka banyak permintaan tidak dapat diluluskan. Oleh hal yang demikian saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat memberi pertimbangan kepada cadangan yang telah diberikan oleh saya.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Matang. Minta tolong pendekkan ucapan kerana ramai Ahli-ahli Yang Ber-

hormat yang hendak bercakap. Saya ingat pada pukul 5.15 petang, saya akan jemput Yang Berhormat Menteri menjawab. Ahli Yang Berhormat boleh bercakap selama 7-8 minit sahaja.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang):

Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am yang telah beberapa kali disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang peruntukannya paling kecil sekali daripada Kementerian-kementerian yang lain. Sungguhpun peruntukan tahun ini lebih sebanyak \$4 juta yang mungkin ada banyak rancangan yang dirancang oleh Kementerian. Tetapi peruntukan perbelanjaan kewangan negara bagi tahun 1977 yang telah dibentangkan di dalam Dewan ini sebanyak \$25,492,560 yang tidak pun sampai 1%. Bererti tentulah Kementerian ini malang sekali dari segi pelaksanaan perbelanjaannya bagi tahun akan datang.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga saya menyokong supaya pihak Kerajaan mengkaji semula pada masa akan datang apabila sahaja hendak memperuntukkan kewangan kepada Kementerian ini, hendaklah melihat apa yang telah dicatit oleh Kementerian ini begitu banyak sekali bagi membantu dan sebagainya kepada rakyat yang tidak bernasib baik di negara kita ini. Kalau ada Ahli Yang Berhormat menganggap \$25 juta patut menjadi \$50 juta, ini menasabah barangkali di atas rancangan-rancangan awal yang dibentangkan di sini. Oleh itu saya bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mencadangkan kepada Kerajaan supaya mengkaji dan apabila pembahagian kepada Kementerian ini dikaji dengan sebaik-baiknya bagi masa akan datang, oleh kerana banyak rancangan-rancangan yang dicatit oleh Kementerian ini saya dapati kemungkinan tidak dapat berjalan dengan sepenuhnya.

Tuan Pengerusi, saya sedar Kementerian ini ialah satu Kementerian seperti mana dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tadi yang terpaksa membuat kerja-kerja yang tidak mendapat sebarang hasil pun dan sentiasa memerhati rakyat di seluruh negara ini di dalam berbagai-bagai perkara yang tidak bernasib

baik. Dari seorang kanak-kanak yang tidak bernasib baik diambil jadi anak angkat dan daripada kanak-kanak sekolah yang tidak bernasib baik diberi bantuan untuk meneruskan pelajaran, tambang dan sebagainya. Apabila kanak-kanak ini ataupun orang dewasa yang cacat otak dan sebagainya diambil pula untuk dipulih, diberi bantuan supaya ia pulih dan dapat hidup sendiri. Selain daripada itu apabila mereka sudah tua dan tidak mampu lagi disebut orang tua: dhaif, miskin, mereka diberi bantuan sebelum mereka ini meninggal dunia. Jadi nampaknya Kementerian ini terpaksa menanggung satu tanggungan yang berat berlainan dengan Kementerian-kementerian lain. Kalau Kementerian-kementerian yang lain mempunyai pegawai-pegawai yang ramai, misalnya Kementerian Pertahanan, Pasukan Keselamatan ramai dan mereka ini diberi peruntukan-peruntukan yang menasabah. Tetapi Kementerian ini tidak ada seperti itu, Kementerian ini hanya dapat melihat ataupun mencari serta mengumpulkan daripada rakyat negara kita ini yang tidak bernasib baik untuk dipulihkan sebagai rakyat yang dapat hidup bagi dirinya sebelum mereka ini meninggal dunia. Di dalam hal ini, berkenaan dengan bantuan kepada orang-orang tua yang dhaif dan miskin, saya dapati apa yang diperuntukan oleh Kementerian ini maksimanya iaitu peruntukan \$37 sebulan, ini kalau betul-betul dapat dilaksanakan cukup baik. Setahu saya khasnya di kawasan saya sendiri pihak Jabatan ini tidak dapat memberi peruntukan seperti ini oleh kerana terlalu ramai orang-orang miskin dan orang-orang tua yang dhaif ini yang ada di kawasan saya dan apabila terlalu ramai, terpaksa pihak Jawatankuasa atau pegawai yang berkenaan membahagi-bahagikan kalau tidak silap saya peruntukan yang diuntukkan hanya \$10-\$15 sebulan sahaja. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain berkata peruntukan itu adalah tidak menasabah untuk seseorang yang boleh hidup di dalam negara kita ini yang sudah berumur begitu kadang-kadang sakit pula, hanya mendapat peruntukan \$10-\$15 itu tidak menasabah. Kita sedar bantuan daripada Kementerian ini tidak cukup dan kita bersimpati atas hal ini.

Untuk mencapai matlamat sekurang-kurangnya \$37 yang diperuntukan ini, kalau biasanya diberi \$10-\$15 bukan sahaja daraf

dengan dua bahkan lebih daripada itu peruntukan ditambah pada tahun hadapan.

Tuan Pengerusi, di dalam hal ini saya tidak mendengar ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan orang-orang buta. Setahu saya orang-orang buta ini ditadbirkan oleh Persatuan Orang-orang Buta. Dan saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapa ramai orang buta yang ada di seluruh negara kita. Dan daripada bilangan yang sebegitu ramai, adakah Persatuan-persatuan Orang-orang Buta ini sudah menjalankan tugasnya untuk mendapatkan pekerjaan di samping diberi latihan dan sebagainya. Pada pandangan saya, Pusat Latihan Orang-orang Buta yang ada di negara kita ini tidak mencukupi. Misalnya, Pusat Latihan Gurney Orang-orang Buta yang ada di Kuala Lumpur yang dikelolakan oleh Persatuan Orang-orang Buta hanya ada 50 orang sahaja orang buta yang dipulihkan di situ. Dan saya tidak tahu di tempat-tempat yang lain berapa ramai. Oleh kerana sepertimana pemulihan-pemulihan yang lain juga, orang-orang buta ini penting; mereka tidak bernasib baik dan tidak dapat melihat dunia ini langsung. Dengan kerana itu bagaimanakah mereka dapat melayakkan diri sebagai seorang rakyat di dalam negaranya sendiri. Dan daripada begitu ramai hanya sebahagian kecil sahaja yang dapat dikelolakan oleh Persatuan Orang-orang Buta ini.

Saya suka mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya diadakan satu pusat khas dikelolakan oleh Kementerian ini bagi pemulihan orang-orang buta sepertimana Pusat Pemulihan bagi orang-orang Cacat Anggota yang diadakan oleh Kementerian ini di dalam negara kita. Daripada situ dapatlah Kementerian ini melatih orang-orang buta itu. Apabila saya sebutkan orang buta, saya teringat apabila membaca akhbar baru-baru ini bahawa tiga orang kanak-kanak yang ketiga-tiganya buta belaka. Bapanya meninggal dunia, tinggal ibunya yang tidak sanggup lagi memeliharanya. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan sudah mengarahkan supaya ketiga-tiga kanak-kanak dari Perak ini diberi rawatan.

Di dalam hal ini, Tuan Pengerusi, saya ingin menambah lagi supaya Yang Berhormat Menteri dapat mengambil perhatian

dan dapatlah orang-orang buta ini dikumpulkan dan diberi latihan dan sebagainya supaya dapatlah sekurang-kurangnya mereka ini hidup sebagaimana yang mereka boleh buat. Dan jika sekiranya mereka ini mampu, bolehlah Yang Berhormat Menteri melatih mereka dan disalurkan bekerja pula dengan pihak Kerajaan. Pada masa ini orang-orang buta hendak mendapatkan jawatan dalam Kerajaan adalah susah, kerana tidak ada pusat pemulihan yang dibuat oleh pihak Kerajaan sendiri.

Tuan Pengerusi, akhirnya berkenaan dengan Perkhidmatan Pemulihan Akhlak. Perkhidmatan ini adalah baik dan mereka yang tidak bernasib baik seperti pelacur, penagih-penagih dadah dan sebagainya telah dikelolakan oleh perkhidmatan ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapa ramai yang telah dibawa ke Perkhidmatan Pemulihan Akhlak, misalnya pelacur yang ditangkap oleh Kementerian dan dimasukkan ke pusat tersebut. Selepas itu apabila mereka ini dipulih dan dilepaskan semula seperti rakyat biasa untuk hidup seperti sedia kala. Daripada bilangan ini, berapa ramai yang dapat hidup seperti rakyat biasa balik. Dan berapa peratus pula daripada mereka ini yang balik semula, kalau dari pelacur, mereka ini menjadi pelacur balik. Berkenaan dengan penagih dadah, mereka balik pula kepada menagih dadah, misalnya.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kangar—tujuh minit sahaja, selepas itu dari Hilir Perak dan Batang Padang. Kemudian Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

4.25 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Kebajikan Am, Kepala B. 63 dan saya juga berpendapat patutlah Kementerian ini mendapat peruntukan yang lebih. Pada tahun yang lepas peruntukan ini juga yang diminta. Pada tahun ini begitu juga. Pada tahun yang akan datang peruntukan ini hendaklah ditambah.

Tuan Pengerusi, kita sebagai manusia selain daripada membuat berbagai-bagai kemajuan, kebaikan adalah wajib bagi kita, kerana Tuhan juga beserta dengan kita. Dan

kalau didoa oleh orang miskin, apatah lagi anak yatim, kerap kali doa ini dimakbulkan oleh Tuhan. Jadi di atas apa yang diminta, saya merayu kepada Menteri yang berkenaan pandai-pandailah pada tahun 1977/1978 minta peruntukan itu lebih sedikit kepada Kerajaan untuk Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am dan Aktiviti (2) Perkhidmatan Pencegahan.

Saya amat dukacita melihat di atas jambatan di Jalan Tuanku Abdul Rahman di mana kita dapati banyak peminta-peminta sedekah yang membawa anak dan sebagainya. Pihak Menteri yang berkenaan menyatakan jangan diberi galakan. Tetapi kita sebagai manusia, apatah lagi kalau kita dapati yang membawa anak atau mendukong anak-anak yang berumur dua tiga empat tahun, datang satu perasaan yang kita tidak dapat berbuat apa-apa. Saya berharap kepada Menteri yang berkenaan supaya perkara ini dikaji dengan bersungguh-sungguh. Kalaulah kerana bawa anak-anak ini menjadi satu alasan untuk belas kasihan kepada orang-orang yang lalu-lalang, patutlah diambil tindakan. Dan kalau didapati yang membawa anak-anak ini betul-betul susah, tidak ada jalan lain, inilah satu jalan yang dapat ianya buat, letakkanlah ia di satu tempat dan berilah makanan kadar cukup baginya. Ini kita amat sedih. Seperti kata Menteri, jangan selalu beri galakan, tetapi sebagai manusia sebagaimana yang saya katakan tadi, kita tidak dapat hendak tegah. Saya berharap perkara ini diawasi dan disiasat betul-betul.

Tuan Pengerusi, mengenai Persatuan Bulan Sabit Merah dan St. John Ambulance begitu juga persatuan-persatuan lain, saya berharap ianya dapat disatukan untuk menjadi satu daya usaha mencari jalan kebajikan untuk menolong orang-orang susah. Kita tahu hari ini banyak daripada badan-badan yang tidak begitu bersungguh-sungguh untuk membuat kebajikan. Dan saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan seboleh-bolehnya di tiap-tiap tempat, atau di tiap-tiap kampung didaftarkan nama-nama orang-orang yang betul susah supaya diambil tindakan, atau diberi perhatian yang sepenuhnya. Kita amatlah kesian, kadang-kadang orang-orang yang susah ini hendak makan sekali sehari pun payah.

Saya suka menyentuh mengenai kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat di Perlis. Kakitangannya tidak cukup. Pengarahnya itulah seorang dan saya percaya Menteri pun faham akan perkara ini. Dia sendiri pergi ke hulu ke hilir. Kalau keraninya pula pergi, di pejabatnya tidak ada orang. Bagi orang yang susah, kalau hari ini kita repot mengatakan dia susah, dan orang ini tidak diperiksa. Ia diberi tempoh seminggu. Lapar dan dahaganya tidak boleh diberi tempoh. Kalau tidak ada makan, dia jadi lapar. Jadi kalau hendak nanti masa lapang, baru hendak pergi periksa disebabkan pegawainya tidak cukup ini merumitkan. Di Perlis, peruntukan yang diberi tidak begitu cukup. Saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan seboleh-bolehnya ditambahkan peruntukan itu lagi.

Tuan Pengerusi, mengenai bantuan kepada sekolah-sekolah. Saya ucapkan terima kasih kerana bantuan diberi kepada kanak-kanak miskin. Di samping itu, saya berharap penyiasatan yang rapi patut diadakan. Kadang-kadang pihak sekolah mendapatkan biasiswa daripada satu-satu tempat. Jabatan Kebajikan Masyarakat pun memberi bantuan kepada kanak-kanak di sekolah itu juga. Dan biasa seorang guru diminta oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat bagaimana kah laporan kanak-kanak yang berkenaan yang telah diberi bantuan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Bila Guru Besar yang berkenaan dapati, dia rasa terkejut. Kerajaan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan-jabatan lain yang dianjurkan oleh sekolah itu juga mendapat bantuan. Misalnya, seorang murid diberi \$20-\$30. Saya berharap sebagai sebuah sekolah yang diberi bantuan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, sebelum diberi kepada murid yang berkenaan hendaklah mendapat laporan daripada Guru Besar yang berkenaan itu terlebih dahulu. Walaupun muridnya patut diberi kerana susah, atau telah mendapat bantuan daripada pihak yang lain.

Tuan Pengerusi, saya bercakap berkenaan dengan asrama. Saya percaya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan juga telah pergi bersama-sama saya melawat asrama. Sekolah menengah telah mengadakan asrama-asrama kecil untuk kemudahan kepada kanak-kanak yang datang dari jauh. Jadi, saya berharaplah sesudah pihak yang

berkenaan berpakat sesama sendiri patutlah Jabatan Kebajikan sendiri memberi galakan sedikit dengan memberi alat perabut seperti katil dan sebagainya. Apabila kita tengok mereka itu berpakat sesama sendiri, kita kata baguslah, tetapi hendaklah kita beri dengan harta-benda alat kadar yang berpatutan macam saya katakan tadi alat perabut seperti katil dan sebagainya. Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sudah cukup selama 7 minit.

Tuan Shaari bin Jusoh: Satu perkara sahaja lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Habiskanlah.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pemulihan dadah dan pemulihan akhlak. Saya berharaplah di sebelah utara juga patutlah diadakan khasnya di Perlis kerana didapati banyak sangat hari ini orang yang akhlaknya kurang baik. Kalau diadakan di sebelah utara segala perbelanjaan saya minta biarlah sama dengan apa yang diberi di Kuala Lumpur.

4.42 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Kebajikan Am. Walaupun demikian, saya menyerulah kepada pihak Kerajaan supaya menambahkan peruntukan ini, kerana kegiatan yang dijalankan oleh Kementerian ini adalah terlalu luas dan besar yang mana mungkin dengan kekurangan perbelanjaan itu perkhidmatan untuk memberikan kesenangan kepada mereka yang memerlukan bantuan tidak dapat diberi dengan secukupnya. Mengikut kajian dan penyiasatan yang telah saya buat dengan secara sendiri, apa yang telah berlaku mereka yang memerlukan bantuan adalah terlalu ramai. Golongan-golongan mereka ini terdiri daripada orang-orang tua yang lumpoh badannya, maknanya sakitnya tidak akan baik dan mereka itu tidak dapat ditempatkan ataupun mereka ini tidak bersetuju supaya orang tua yang sakit lumpoh ini ditempatkan di rumah-rumah orang yang mengidap sakit melarat, terutama sekali orang-orang tua Melayu sudah menjadi kebiasaannya yakni mereka yang sakit ini mestilah dapat perhatian oleh keluarganya

pada sebilang masa. Walaupun demikian, masalah ini akan timbul dari manakah sumber ataupun punca pendapatan yang boleh mereka dapat. Perkara ini selalu dikemukakan kepada Wakil-wakil Rakyat khususnya supaya mendapat bantuan tetapi apalah daya Wakil Rakyat ini bukannya seorang yang boleh mencetak wang dan tidak pula duduk di dalam Jawatankuasa Kebajikan Tindakan Daerah, hanya boleh sahaja memberitahu bahawa mereka ini perlukan bantuan.

Di kawasan saya sahaja orang-orang yang terlibat berkenaan dengan penyakit lumpoh dan sebagainya ada lebih kurang 50-60 orang tidak mendapat sebarang bantuan. Orang-orang tua yang uzur pula hampir 70 orang dan buta, kurang pendengaran dan sebagainya ini hampir 500 orang. Jadi, mereka dapat tahu ada punca-punca boleh memberikan bantuan tetapi oleh kerana peruntukan yang diuntukkan kepada negeri dan daerah terlalu kecil, maka terpaksa pegawai-pegawai yang berkenaan tidak dapat memberikan bantuan.

Tuan Pengerusi, yang lebih anih atau tambah menyulitkan lagi adalah mereka yang telah hilang mata pencariannya disebabkan hendak dikatakan banjir bukan banjir tetapi oleh kerana hujan terlalu panjang, air sungai ini naik melimpah ke darat, maka tempat mereka mencari rezki tidak dapat diusahakan. Mereka ini perlulah juga bantuan, maka bantuan tidak juga dapat diberi. Pegawai, walaupun diberitahu sesudah tiga atau 4 hari baru datang. Jadi, oleh yang demikian, saya rasa perlulah rasanya dibesarkan lagi perkhidmatan ini. Sekiranya pegawai-pegawai kebajikan ini tidak sanggup datang, ada badan-badan sukarela tempatan yang sanggup datang, sanggup memberikan perkhidmatan, sanggup menyampaikan peruntukan yang disalurkan melalui badan ini, badan ada iaitu Majlis Pusat Kebajikan. Majlis Pusat Kebajikan ini mengikut peraturannya yang baharu badan ini hanya menentukan pada mini asrama ataupun kemudahan pelajaran, orang tua ataupun asrama menempatkan gadis-gadis kilang. Saya rasa ketiga-tiga aktiviti ini sungguh baik tetapi saya khuatir sedikit dan saya tidak bersetuju mengapa badan ini mendirikan atau mengadakan asrama untuk menempatkan gadis-gadis ini.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Bukanlah kilang-kilang yang ada di negara kita ini boleh mengadakan asrama mengapa badan Majlis Pusat Kebajikan ini pula ber-sungguh-sungguh benar untuk melindungi mereka ini. Bahkan tanggungan yang ada pada Majlis Pusat Kebajikan saya rasa terlalu besar jika diberikan peruntukan yang baik yang boleh memberikan perkhidmatan kepada mereka yang memerlukan bantuan. Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya menyokong permohonan ini dan mohon ditambahkan lagi peruntukan yang diminta untuk memberikan kebajikan kepada mereka yang memerlukan bantuan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Batang Padang, selepas itu saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.58 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong di atas peruntukan Kementerian Kebajikan Am sebanyak \$25 juta lebih ini, tetapi saya berharap Kerajaan memberikan lebih berganda-ganda lagi, kerana ini adalah sangat perlu bagi menjadikan imej negara. Kementerian Kebajikan Am ini bukan sahaja satu investment yang boleh menampakkan benda-benda, tetapi yang boleh mendatangkan kebajikan, mendatangkan kebaikan dan memberi peri kemanusiaan kepada rakyat seluruhnya. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini yang sangat berusaha dan ada berbagai-bagai tujuan murni dalam buku anggaran yang telah saya baca tetapi tentulah pelaksanaannya tidak dapat dibuat dengan sepenuhnya kerana kewangan terlampau kurang. Saya juga terperanjat mendengar baharu-baharu ini bahawa seorang ahli Pembangkang iaitu Ahli dari Kuala Lumpur Bandar menyokong Kementerian ini bahawa Kementerian ini patut diberi tambahan wang yang lebih banyak lagi.

Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap dalam B. 63, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1), muka surat 437, Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat. Saya rasa pegawai-pegawai ada yang kurang teliti dan kurang menyisat di dalam hal-hal yang berkaitan dengan Jabatan ini. Saya tengok pelacur bukan sahaja di bandar-bandar tetapi di

pekan-pekan kecil, bahkan di kawasan desa pun telah mula muncul, mereka buat tidak tahu sahaja. Begitu juga isteri-isteri orang sudah mula melacur, ada gadis-gadis bersekedudukan, kanak-kanak yang cukup jahat, ada yang hisap rokok yang umurnya 7-8 tahun, ada yang ke kedai todi dan ada yang pergi tidur di kaki-kaki lima di depan-depan rumah orang waktu malam iaitu mungkin mereka itu menghisap dadah.

Tuan Pengerusi, oleh kerana kecuaiannya pegawai-pegawai inilah yang kita baru-baru ini dengar tiga orang adik-beradik buta, itupun kalau keluar dalam suratkhobar, mereka ini telahpun diberi bantuan sebanyak beberapa ringgit sahaja, mengapa tidak dibuat satu pembawaan kepada hospital. Apabila telah keluar dalam suratkhobar, Kementerian Kesihatan pula mengambil tahu hal itu dan memberi percuma ubat, akan dipelihara budak-budak itu. Inilah yang kita nampak jelas kecuaiannya ataupun kerja yang tidak sungguh-sungguh.

Tuan Pengerusi, pegawai-pegawai ini patut sangatlah kita adakan kursus-kursus dan kita mengucapkan tahniah sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am beberapa ketika tadi iaitu akan diberi satu kursus, menyediakan satu tempat untuk memberi kursus supaya pegawai-pegawai ini tahu akan sosialisasi bahawa mereka ini adalah bercampur-gaul dengan rakyat yang marhin kerana kadang-kadang saya terdengar, saya difahamkan oleh rakyat ada pegawai-pegawai apabila didatangi oleh orang-orang dari desa-desa untuk mendapatkan bantuan—ada di antara mereka yang mengatakan: Ini bukan tempat orang-orang miskin minta pencen ataupun tempat orang-orang miskin mengambil wang. Dan baru-baru ini terkena kepada kawasan saya, pegawai itu sendiri menulis surat bahawa cermin mata ini tidak dapat diluluskan oleh Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat Daerah ini kerana harganya murah. Kalaupun membuat surat biarlah menggunakan saikoloji ataupun diplomasi sedikit. Permintaan cermin mata ini tidak dapat diluluskan, jadilah. Mereka akan menampar ataupun memberitahu kepada Wakil Rakyat, inilah Kerajaan kita. Saya menerima pencen sebagai Polis dapat \$90, saya ada isteri dan anak, kalau harga cermin mata itu \$45, kalau katakan murah kepada beliau; ini adalah menyayatkan hati. Saya sekali lagi

mengucapkan jutaan terima kasih di atas daya usaha Kementerian ini yang akan mengadakan kursus sivik, kursus public spirit dan kursus-kursus orientasi yang sebenar yang layak sebagai seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, Pecahan-kepala (2), P. 63, muka surat 441, Perkhidmatan Pemulihan Orang-orang Cacat Anggota. Orang-orang cacat anggota ini saya rasa sangat banyak dan ramai boleh kita dapati tetapi orang-orang cacat ini dibiarkan begitu sahaja duduk dengan keluarga mereka. Saya rasa sudah sampai masanya dikutip orang-orang cacat ini kerana orang-orang cacat ini akan menyusahkan ibubapa ataupun keluarga mereka. Kadang-kadang ada yang memelihara anak-anak yang cacat itu tidak dapat keluar mencari makan. Kalau dengan adanya Pejabat Kebajikan Masyarakat ini menyediakan satu institusi atau asrama dengan memberi ubat-ubatan dibawa ke hospital ataupun diberi latihan kerja kepada mereka dan jangan dilepaskan sampai mereka boleh membuat kerja-kerja di luar untuk dapat menampung kehidupannya sehari-hari. Kerana sebagai manusia yang boleh hidup di masa depan mereka tentulah akan kita mengambil titik-berat, tidaklah mereka terlonta-lonta ataupun masa depan mereka ini gelap.

Berkenaan dengan pencegahan peminta-peminta sedekah ini juga saya rasa, sebagaimana kata rakan-rakan saya tadi bahawa mereka ini ada yang senang dan ada yang susah tetapi mereka meminta sedekah. Kalau dapat ditelitikan sungguh-sungguh ada yang senang ini diberilah amaran atau ditangkap, dibawa ke mahkamah kerana adalah mengotorkan negara orang yang macam ini dan kepada mereka yang susah ini dikumpulkan, diberilah makan. Kalau negeri-negeri luar seperti di England, di Amerika usahkan orang peminta sedekah tetapi orang yang menganggur pun diberi bantuan supaya tidak nampak orang penganggur dalam negara itu. Ini adalah imej negara.

Mengenai pencegahan kepada perempuan-perempuan lacur, saya rasa ditangkap terus, dibawa ke satu kawasan diberi mereka bekerja mengikut kebolehan-kebolehan

samada menjahit, bercucuk tanam dan sebagainya, jangan dilepaskan sehingga mereka ini dipinang dan dikahwinkan. Kalau tidak, mereka akan buat kerja lama juga kerana mereka adalah satu perdagangan yang memperdagangkan diri mereka sendiri. Jadi bila lepas, mereka buat perdagangan itu juga.

Tuan Pengerusi, oleh kerana masa tidak lagi mengizinkan saya bercakap, saya menyokong penuh peruntukan Kementerian Kebajikan Am sebanyak \$25,492,560.

4.47 ptg.

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tinggi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun mengambil bahagian membahaskan peruntukan sebanyak yang ditentukan iaitu di bawah Kepala B. 63 sebanyak \$20,988,500 untuk belanja pengurusan dan di bawah Kepala P. 63 sebanyak \$4,504,060 untuk belanja pembangunan. Maka di atas adanya bahasan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu saya juga mengucapkan banyak-banyak terima kasih.

Selanjutnya saya mengucapkan terima kasih kerana nampaknya begitu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang merasakan Kementerian saya tidak mendapat peruntukan yang secukup memandangkan kepada banyaknya kerja-kerja dan bidang tugas yang perlu dijalankan oleh Kementerian ini. Walau bagaimanapun, sukaiah saya menegaskan saya memanglah menghargakan setengah pandangan yang sedemikian semoga dengan adanya pandangan daripada Ahli Yang Berhormat itu peruntukan yang lebih akan dapat diperolehi pada tahun-tahun yang akan datang. Walau bagaimanapun, saya sukaiah juga menjelaskan iaitu jika dibandingkan dengan peruntukan di masa-masa yang lalu nyatalah Kementerian ini juga telah dapat menambah peruntukannya dari masa ke semasa tetapi kerana banyaknya tugas-tugas baru yang telah dipikul oleh Kementerian ini tentulah dianggapkan peruntukan yang ada ini tidak mencukupi. Walau bagaimanapun, tentulah pihak Kerajaan akan mencari jalan bagaimana jugapun. Kalau sekiranya ada tugas-tugas baru yang memerlukan kewangan tentulah cara-cara yang menasabah akan

dapat dibuat. Jadi di atas pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat ini saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat menimbulkan lagi masalaah pengemis iaitu bagaimana masalaah pengemis dalam Bandar Kuala Lumpur yang dianggapkan sebagai menyakitkan mata dan begitu juga mendatangkan pandangan yang buruk kepada pelawat-pelawat yang datang ke negara ini. Dalam masalaah ini, Tuan Pengerusi, sukaiah saya menerangkan iaitu Rang Undang-undang Orang Papa, 1976 telahpun dibentang untuk bacaan kali pertama di dalam Dewan ini. Rang Undang-undang ini ialah akan menggantikan Undang-undang yang lama berkenaan dengan pengemis ini. Maka dalam Undang-undang yang baru ini pengemis itu tidaklah dianggap lagi sebagai satu kesalahan, tetapi orang yang mengemis ini adalah dianggap mereka yang memerlukan bantuan dan dengan ini diberikan kuasa kepada Ketua Pengarah Kebajikan untuk membawa mereka yang mengemis ini terus ke rumah-rumah kebajikan. Tidak lagi seperti cara yang ada sekarang ini iaitu mereka ini ditangkap oleh Polis, lepas itu dibawa ke mahkamah dan kemudian pihak mahkamah selalu mendapati mereka ini tidak mendatangkan apa-apa gangguan kepada orang ramai, mereka ini juga dilepaskan semula, maka balikkah dia mengemis. Inilah rasa saya kelemahan-kelemahan yang ada dalam undang-undang yang ada pada hari ini. Sebab itulah Kementerian Kebajikan Am merasa perlu supaya undang-undang ini dibatalkan dan diganti dengan suatu undang-undang yang baru yang kita harapkan akan dapat mengatasi, kalau tidakpun menghapuskan semua sekali pengemis-pengemis itu. Sekiranya mereka ini benar-benar susah, mereka ini dibawa ke rumah-rumah kebajikan, tetapi rumah-rumah ini perlulah dipagar terlebih dahulu, jika tidak, tentulah mereka ini akan lari semula dan mengemis di tengah-tengah jalan seperti yang ada pada hari ini.

Pengemis-pengemis ini apabila mereka itu diletakkan di yayasan-yayasan kita seperti yayasan pengemis yang ada di Johor memanglah mereka ini diberi latihan dan diberi mereka membuat kerja di situ, bukan sahaja ditahan pengemis ini duduk makan tidur, tetapi malangnya di antara pengemis-pengemis ini ada banyak jenisnya, ada yang

mengemis itu semata-mata kerana susah, tetapi ada juga mereka yang mengemis kerana otak sudah tidak centre, iaitu bekas daripada penghuni rumah-rumah gila (mental asylum) seperti bekas daripada Tanjung Rambutan, Tampoi dan sebagainya, maka inilah juga yang merumitkan lagi. Jadi, orang-orang seperti ini susahlah hendak diberi latihan kepada mereka. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat faham kedudukan pengemis ini supaya janganlah masalah pengemis ini akan menjadi satu perbincangan yang sangat hebat dalam Dewan ini dengan tidak mengkaji keseluruhan keadaan pengemis dan apakah jenis-jenis pengemis yang ada di negara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani menimbulkan masalah bantuan penyaraan kanak-kanak, maka di sini suka saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya bantuan penyaraan kanak-kanak ini bertambah dari semasa ke semasa. Dalam tahun 1970 bantuan untuk ini hanyalah \$60,000; tahun 1976 \$66,000 dan tahun 1977 \$720,000. Tetapi malangnya dengan bertambahnya bantuan ini kanak-kanak pun makin bertambah, maka sebab itulah bantuan ini boleh dikatakan tidak mencukupi juga di setengah-setengah tempat.

Pandangan beliau di atas adanya gadis-gadis ataupun wanita-wanita muda yang ada di dalam Pusat Pemulihan Akhlak yang ada pada hari ini iaitu kalau boleh dikahwinkan. Saya kecil tapak tangan, nyiru ditadahkan, kalaulah ada sesiapa yang berhajat hendak meminang ataupun hendak kahwin dengan gadis-gadis ini, silalah berhubung dengan Kementerian Kebajikan Am, kita bolehlah mengadakan apa juga cara yang diperlukan supaya dapatlah mereka ini dicarikan pasangan hidupnya.

Tuan Pengerusi: Adakah pernah Yang Berhormat iklan perkara ini?

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Ini sebagai menjawab pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang bertanya, adakah yang sudah kahwin atau belum. Ada atau tidak Kementerian ini mahu, kalau ada orang yang hendak meminang dan bagaimana caranya. Ini terpalasah saya menerangkan.

Selanjutnya Ahli Yang Berhormat dari Maran nampaknya beliau itu berlainan

pandangannya sedikit. Ahli Yang Berhormat mengatakan mengemis ini tidak patut dianggap sebagai satu kesalahan, dan beliau itu juga mengatakan bahawa pihak Kementerian saya selalu menyarankan iaitu orang ramai tidak patut memberikan sedekah, selagi ada orang ramai memberi sedekah maka selama itulah pengemis ini akan biak. Apa yang Kementerian saya harapkan orang ramai memberikan kerjasama kerana dengan tidak adanya kerjasama orang ramai bukan maknanya menyalahkan tetapi kita minta orang ramai kalau dianggarkan pengemis itu tidak perlu diberi sedekah, jangan diberi sedekah. Dengan ini barulah kita tahu adakah pengemis-pengemis ini benar-benar susah atau tidak. Rumah-rumah Orang Tua yang ada dibuat oleh Kementerian ini masih ada yang kosong dan mereka ini bolehlah tinggal di yayasan-yayasan, tetapi malangnya mereka lebih suka lagi mengemis daripada mereka tinggal di yayasan-yayasan kita dan diberikan segala-galanya percuma.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada menyentuh masalah seorang penuntut bernama Suhaimi bin Alwi—kalau tidak salah saya yang katanya dimasukkan ke Pusat Pemulihan Dadah dan telah tidak dapat menerima keputusan Peperiksaan L.C.E.nya sehingga hari ini.

Sukalah saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat itu barangkali masa keputusan Peperiksaan L.C.E. itu keluar, harus anak tersebut telah tidak tinggal lagi di dalam Pusat Pemulihan Dadah yang disebutkan itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada menyebutkan supaya bantuan yang diberikan kepada orang-orang susah janganlah syaratnya itu terlalu ketat. Di sini suka saya menerangkan seperti Ahli Yang Berhormat itu faham bahawa peruntukan yang ada ini sangatlah sedikit iaitu kita terpaksa meletakkan syarat-syarat, kalau miskin bukanlah cukup dengan semata-mata miskin. Kalau sebenar-benarnya orang ini miskin, tidak ada saudara mara, tidak ada anak dan tidak ada yang boleh menanggung, itulah jenis-jenis orang-orang miskin yang dapat dibantu samada oleh Kerajaan Negeri yang juga memberikan bantuan am ataupun daripada Kementerian Kebajikan Am. Kalau hendak dikira miskin sahaja, rasa saya tidak terkajang batu sepuluh, kerana begitu ramainya

orang miskin di negara kita ini, sedangkan kita belum ada lagi keupayaan hendak mengadakan negeri ini sebagai mengadakan system Welfare State.

Ahli Yang Berhormat dari Maran juga ada menyentuh berkenaan dengan penangkapan pelacur-pelacur. Diharap Ahli Yang Berhormat itu faham yang menangkap pelacur-pelacur itu bukanlah pegawai-pegawai saya, tetapi ialah pihak Polis. Jadi di mana Polis hendak serbu, Lorong Haji Taibkah, hotel besarkah atau di mana-mana, ini adalah di luar bidang tugas Kementerian Kebajikan Am, tetapi Kementerian saya adalah menampung gadis-gadis yang di bawah umur 21 tahun yang dijerumuskan menjadi pelacur. Ini patutlah difaham oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana masalah pelacur itu bukanlah masalah yang di bawah tanggungjawab Kementerian Kebajikan Am, tetapi Kementerian saya bertanggungjawab untuk memulihkan dan menolong gadis-gadis yang di bawah umur 21 tahun yang telah dijerumuskan menjadi pelacur samada dengan kehendak hatinya ataupun dijerumuskan oleh orang lain dan mereka ini juga bukanlah datang dengan sendiri atau bukanlah pegawai saya yang membawa mereka ini, tetapi adalah mereka yang sudah dibawa ke Mahkamah di atas adanya tindakan daripada Polis.

Ahli Yang Berhormat dari Parit ada membangkitkan beberapa masalah berkenaan Pusat Pemulihan Akhlak untuk wanita supaya ditambah lagi. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sukalah saya menjelaskan pada masa ini kita ada mempunyai dua buah pusat pemulihan, sebuah di Cheras dan sebuah lagi di Trengganu dan yang di Rembau pun akan siap seperti yang saya telah sebutkan sebuah lagi juga akan dibuat di Batu Gajah, Taiping. Tetapi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya jelaskan bukanlah maknanya terpaksa kita menambah Pusat Pemulihan Akhlak ini yang menunjukkan satu kemajuan, tetapi inilah yang menunjukkan bahawa akhlak gadis-gadis kita makin merosot. Jadi, janganlah adanya tambahan itu dianggap sebagai satu kemajuan. Saya sebagai Menteri, kalau boleh jangan lagi ditambah Pusat Pemulihan Akhlak Wanita ini. Tetapi kerana keadaan makin mendesak, terpaksa juga kita buat. Satu kita akan buat di Sarawak dan satu lagi di Sabah. Ini ialah

kerana hendak meluaskan lagi Akta Perlindungan Wanita dan Gadis ke Sarawak dan Sabah.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada menimbulkan masalah murid-murid ponteng sekolah di luar bandar. Di sini sukalah saya nyatakan kepada Ahli Yang Berhormat itu pihak Kementerian saya juga akan mengadakan school counselling service dan pada masa ini Kementerian telahpun diberi 12 orang pegawai untuk ini dan mereka sedang mendapat latihan.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada menimbulkan masalah supaya asrama anak yatim didirikan di tiap-tiap negeri. Buat masa ini bagi pengetahuan beliau sukalah saya nyatakan Kementerian ini mempunyai 7 buah rumah kanak-kanak yang boleh menampung 720 orang anak yatim. Jadi kalau kita hendak buat di tiap-tiap negeri atau daerah sebuah rumah anak yatim tentulah akan memakan belanja yang sangat banyak.

Selain dari itu saya sukalah hendak menerangkan rumah anak yatim ini selain dari yang dibuat oleh Kerajaan ada lagi rumah-rumah anak yatim yang dibuat oleh badan sukarela kerana tentulah tidak patut kerja-kerja kebajikan ini diserahkan semua sekali kepada pihak Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar membangkitkan masalah peruntukan \$100 kepada keluarga yang miskin tidak mencukupi. Beliau mencadangkan supaya ditambah. Di sini sukalah saya menyatakan kepada beliau buat masa ini, itulah keupayaan yang dapat diadakan oleh Kementerian saya iaitu bagi melegakan dan membantu keadaan mereka yang sangat miskin itu. Atas pandangan beliau juga Kementerian saya belum dapat peruntukan cukup, semoga di masa hadapan akan dapat perhatian dan dapat ditambah lagi peruntukan supaya dapat dijalankan kerja-kerja ini dengan lebih memuaskan. Saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan baik Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu.

Mengenai rumah orang-orang tua yang beliau minta supaya diadakan di Wilayah Persekutuan, sukalah saya menyatakan iaitu Wilayah Persekutuan tentulah tidak jauh

dari Cheras dan rumah orang-orang tua yang ada di situ masih ada lagi kekosongan. Jadi kalau hendak dibuat sebuah lagi di Wilayah, ini akan memerlukan wang yang banyak, tentulah Kerajaan tidak mampu mengadakannya.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson membangkitkan masalah Pusat Pemulihan Dadah yang ada tidak mencukupi. Ini memanglah disedari oleh Kementerian saya, sebab itulah Kementerian ini sedang berusaha seboleh-bolehnya akan dapat menambatkan lagi pusat pemulihan bukan sahaja pusat pemulihan seperti yang ada ini tetapi pusat pemulihan yang komprehensif supaya dapatlah ditempatkan lebih ramai lagi penagih-penagih dadah kerana problem yang begitu serius telah menjadikan sebagai satu ancaman kepada negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Matang ada menimbulkan masalah iaitu bantuan saraan orang-orang tua sebanyak \$37 itu tidak dapat diberi di kawasan beliau. Peruntukan ini sebenarnya bukanlah dikurangkan tetapi telah bertambah berlipat-lipat ganda. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat:

Tahun	Bilangan Saraan	Peruntukan
1973	... 100	... \$ 15,000
1976	... 1,200	... 432,000
1977	... 1,400	... 504,000

Malangnya apabila kita tambah wang ini mungkin tidak cukup juga kerana bertambah pula bilangan mereka yang memerlukannya.

Ahli Yang Berhormat dari Matang juga menimbulkan masalah orang buta. Pada masa ini memang ada Persatuan Orang-orang Buta yang mengambil tahu hal kebajikan orang buta dan pihak Kerajaan juga mengadakan sebuah sekolah khas untuk orang buta di Pulau Pinang dan ada lagi pusat latihan orang buta di Johor Bahru dengan bantuan dari Kerajaan dan Kementerian Pelajaran.

Kementerian Kebajikan Am juga ada menjalankan khidmat untuk orang buta iaitu menempatkan mereka di yayasan tertentu. Mereka dilatih menganyam bakul dan sebagainya, dan di Trengganu memang ada sebuah perkampungan di Telaga Batin, khas untuk orang-orang buta iaitu untuk melatih mereka dan menempatkan mereka hidup

berkeluarga. Maknanya tidaklah orang buta ini dibiarkan sama sekali, tetapi ada badan-badan yang mengambil tahu hal orang buta ini.

Bagi menjawab soalan dari beliau juga yang bertanya berapa ramai orang buta yang ada, bilangan orang buta yang berdaftar di Jabatan Kebajikan Masyarakat ialah hampir 9,000 orang.

Persatuan Orang Buta selain mengadakan Pusat Latihan Gurney juga mengadakan Pusat Latihan di Temerloh iaitu bagi orang buta yang dewasa. Di sini mereka juga diberi latihan dan pelajaran yang boleh membantu mereka mencari penghidupan.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak pula ada menimbulkan soalan mengapa Majlis Pusat Kebajikan diminta mengadakan asrama untuk gadis-gadis kilang, sedangkan kilang-kilang itu sendiri patut berbuat begitu. Untuk penjelasan nampaknya Ahli Yang Berhormat itu telah tersilap faham iaitu mini asrama yang sekarang ini dikelolakan ataupun diusahakan oleh Majlis Pusat Kebajikan, bukanlah untuk gadis kilang tetapi untuk murid-murid sekolah menengah samada lelaki atau perempuan sebagai satu langkah untuk mengurangkan keciciran bagi murid-murid di luar bandar supaya mereka lebih dekat dengan sekolah.

Selain dari itu rasa saya ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara, tetapi kerana saya nampak perkara itu telah saya sentuh dalam jawapan yang saya berikan, maka saya tidak akan menjawab selanjutnya. Hanya itulah yang saya rasa perkara yang patut saya jelaskan di sini dan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian saya sekali lagi mengucapkan terima kasih. Semoga dengan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat Kementerian ini kelak akan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik lagi.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$20,988,500 untuk Kepala B. 63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$4,504,060 untuk Kepala P. 63 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1977.

Kepala B. 64 dan B. 65 (Jadual)

Kepala P. 64 dan P. 65 (Anggaran Pembangunan, 1977)—

5.08 ptg.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Pengerusi, saya mengusulkan supaya peruntukan yang disenaraikan di bawah Kepala B. 64/P. 64 dan Kepala B. 65/P. 65 bagi Kementerian saya diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual. Anggaran di bawah kepala-kepala yang disebutkan di atas adalah berjumlah \$715,690,561.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, segala keterangan lanjut mengenai jumlah anggaran itu dapat dilihat di dalam Kertas Perintah 39 tahun 1976 (Muka surat 447 hingga 470).

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Kementerian saya adalah bertanggungjawab bagi menyelaraskan kerja yang dijalankan oleh Jabatan Kerjaraya, Lembaga Letrik Negara dan Jabatan Pengangkutan Jalan. Oleh yang demikian, bagi menjalankan kerja-kerja ini pada tahun 1977 Kementerian saya memerlukan peruntukan-peruntukan yang tersenarai di bawah Kepala seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Belanja Bekalan

Dengan mengambil peruntukan belanja bekalan dahulu (B. 64 dan B. 65) Kementerian saya menghendaki peruntukan sebanyak \$88,909,800. Jika dibandingkan dengan peruntukan tahun lepas, terdapat tambahan sebanyak \$8,674,750 dan tambahan ini adalah disebabkan oleh pertambahan kakitangan bagi melaksanakan projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga, kenaikan gaji tahunan kakitangan yang sedia ada dan juga bertambahnya kerja-kerja penyenggaraan jalanraya, bangunan dan lain-lain.

Belanja Pembangunan

Kepala P. 64 dan P. 65 menyenaraikan peruntukan yang diminta untuk kerja-kerja pembangunan yang akan dijalankan oleh Kementerian ini dan jumlah yang diminta bagi kedua-dua Kepala ini ialah \$626,680,761 iaitu sebanyak \$626,324,761

bagi Kepala P. 64 dan \$1,456,000 bagi Kepala P. 65.

Seperti di tahun-tahun lepas, jumlah peruntukan yang besar sekali di bawah Kepala Pembangunan Kementerian ini adalah jalanraya dan jambatan. Pada tahun 1977, jalanraya dan jambatan menghendaki sejumlah \$343,148,020. Dari jumlah ini, sebanyak \$270,368,020 diminta bagi Semenanjung Malaysia, Sabah sebanyak \$37,780,000 dan \$35,000,000 bagi negeri Sarawak.

Peruntukan ini adalah dikehendaki bagi memenuhi matlamat-matlamat yang berkaitan dengan program-program jalanraya dan jambatan iaitu mengujudkan satu infrastruktur pengangkutan yang dapat memenuhi kehendak-kehendak perkembangan perindustrian dan pertanian dalam proses pembangunan negara. Di samping itu program jalanraya dan jambatan adalah bertujuan supaya masyarakat seluruhnya menikmati faedah daripada pembinaannya dan juga membolehkan wujudnya sistem perjalanan dan pengangkutan yang lebih baik dan cekap.

Untuk mencapai matlamat seperti yang tersebut di atas, Kementerian ini mengambil langkah-langkah yang boleh direngkaskan seperti berikut:

- (i) menyelenggara dan membaiki jalanraya;
- (ii) membina jalanraya baru;
- (iii) membaiki dan membina jalan-jalan dalam kawasan pembangunan istimewa rancangan-rancangan kemajuan tanah;
- (iv) mengeluarkan pemberian-pemberian kewangan kepada Kerajaan Negeri dan Tempatan;
- (v) menjalankan penyelidikan dan menyediakan rekabentuk kejuruteraan.

Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan jalanraya bagi Semenanjung Malaysia adalah seperti yang terdapat di bawah Pecahan-kepala 1, 2, 3 dan 4 di mana jumlah yang diminta pada tahun 1977 adalah sebanyak \$36,500,000.

Pembinaan jalanraya baru adalah satu perkara yang tidak payah saya huraikan lagi di mana kebanyakan kerja-kerja yang akan dijalankan adalah sambungan kerja-kerja pembinaan jalan yang tidak dapat disiapkan di

bawah Rancangan Malaysia Kedua. Dalam tahun 1977 pembinaan jalan lintas dan jalan besar Kuala Lumpur menghendaki \$9,200,000, jalanraya Kuantan/Segamat sebanyak \$27,000,000, jalanraya Kuala Lumpur/Karak sebanyak \$43,000,000, Jalanraya Timur/Barat sebanyak \$30.0 juta, jalan besar Petaling Jaya-Kuala Lumpur dan simpang-simpang sebanyak \$15,198,000.

Bagi negeri Sabah sebanyak \$36,380,000 adalah dikehendaki bagi pembinaan jalanraya besar sementara sebanyak \$32,400,000 dikehendaki bagi negeri Sarawak atas tujuan yang sama.

Selain daripada membina jalanraya baru, Kementerian ini juga bertugas bagi meninggikan lagi mutu jalanraya di negara ini iaitu dengan cara memberi grant kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan dan juga menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan rekabentuk serta kajian kemungkinan projek (feasibility study).

Bekalan Air

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, bekalan air adalah urusan Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun Kementerian ini juga melaksanakan beberapa program bekalan air yang tertentu. Dalam hal ini Kementerian merupakan badan yang bertanggungjawab untuk membekalkan air untuk menunaikan keperluan air yang semakin meningkat di kawasan-kawasan bandar, luarbandar dan kawasan-kawasan rancangan kemajuan tanah seperti FELDA, Pahang Tenggara, Jengka Tiga Segi dan Trengganu Tengah. Kementerian ini juga meneruskan usaha-usaha penyelidikan untuk membekalkan air yang bersih kepada pengguna-pengguna yang semakin ramai.

Pelaksanaan projek-projek bekalan air merupakan usaha Kerajaan Negeri. Oleh itu kebanyakan peruntukan yang diminta untuk pembangunan program bekalan air merupakan peruntukan pinjaman. Jumlah peruntukan yang diperlukan untuk melaksanakan projek-projek bekalan air ialah:

Semenanjung Malaysia	—	\$74,363,040
Sabah	—	\$ 3,200,000
Sarawak	—	\$ 1,600,000

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, daripada jumlah tersebut di atas, sebanyak \$30 juta adalah dikehendaki bagi bakalan air luarbandar. Peruntukan ini akan dibahagi-bahagikan kepada Kerajaan Negeri bagi membekalkan air ke kawasan luarbandar negeri-negeri tersebut.

Bangunan-bangunan Kerajaan (selain daripada perumahan)

Kementerian ini juga adalah dibebankan dengan tugas-tugas untuk menjalankan aktiviti-aktiviti merancang, merekabentuk, membina dan menyelidik pembinaan dan penyelenggaraan bangunan-bangunan dan rumah kediaman Kerajaan Persekutuan. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menempatkan semua pejabat-pejabat Kerajaan dalam bangunan mereka sendiri. Dasar ini adalah untuk menjimatkan perbelanjaan negara daripada digunakan untuk membayar sewa yang tinggi untuk menempatkan jabatan-jabatan yang pada masa ini tidak mempunyai bangunannya sendiri.

Di samping itu Kementerian ini juga bertanggungjawab bagi melaksanakan beberapa projek-projek pembangunan Kerajaan selain daripada bangunan-bangunan pejabat seperti Pusat Pentadbiran Pembangunan Wilayah Asia, Institiut Tadbiran Awam Negara dan lain-lain. Kementerian ini juga bertugas mengawas dan membina Kementerian-kementerian lain seperti Pelajaran, Kesihatan, Polis dan Tentera.

Untuk mencapai matlamat ini sebanyak \$50,955,030 adalah diminta di mana \$18,000,000 adalah dikehendaki untuk bangunan-bangunan baru Kerajaan Persekutuan (di luar Kuala Lumpur), \$17,000,000 untuk pejabat-pejabat baru Kerajaan Persekutuan di Kuala Lumpur. Bagi negeri Sabah, sebanyak \$3,150,000 adalah diminta sementara di Sarawak sebanyak \$3,080,010 adalah dikehendaki.

Perumahan Kerajaan

Dalam program pembinaan, Kementerian ini juga adalah bertanggungjawab menyediakan rancangan-rancangan perumahan untuk kakitangan Kerajaan. Peruntukan yang diminta bagi tujuan ini adalah seperti berikut:

Semenanjung Malaysia	—	\$4,415,000
Sarawak	—	\$6,114,500
Sabah	—	\$1,000,000

Pada keseluruhannya dapat dikatakan bahawa permohonan itu diminta bagi meringankan masaalah kakitangan Kerajaan dalam hal perumahan terutama di bandar-bandar besar di negara kita ini.

Jentera-jentera Kerjaraya

Selain daripada program-program seperti yang disebutkan di atas, untuk melicinkan projek-projek pembangunan seperti pembinaan jalanraya, bangunan dan bekalan air, Kementerian ini bertugas untuk membekalkan jentera-jentera untuk melicinkan kerja-kerja pembinaan tersebut. Bagi tujuan ini Semenanjung Malaysia berkehendakkan sebanyak \$28,930,010, Sarawak \$18,000,000 dan Sabah sebanyak \$2 juta sebagai pinjaman.

Tenaga

Mengenai Lembaga Letrik Negara pula jumlah peruntukan (secara langsung dan pinjaman) yang diminta adalah sebanyak \$90,519,121. Daripada jumlah ini, sebanyak \$30,000,000 adalah diminta untuk bekalan letrik luarbandar. Peruntukan ini akan diberi kepada negeri-negeri untuk membekalkan tenaga letrik ke kawasan-kawasan luarbandar negeri-negeri tersebut. Bagi bekalan letrik luarbandar negeri Sabah sebanyak \$700,000 adalah diminta dan \$380,000 bagi negeri Sarawak.

Sebanyak \$58,713,150 pinjaman adalah diminta bagi kemajuan projek Ampangan Air Temenggor Peringkat I. Adalah dijangka apabila siap. Ampangan ini akan dapat menghasilkan 900 juta unit setahun.

Sebanyak \$1,000,000 adalah diminta bagi perkhidmatan kejuruteraan mengenai pembinaan Ampangan Haidero-Elektrik Kenering dan Bersia. Kos bagi projek Haidero-Elektrik Kenering adalah sebanyak \$224 juta dan \$118 juta bagi projek pembinaan Ampangan Haidero-Elektrik Bersia dan dijangka pengeluaran letrik bagi kedua-dua ampuangan ini ialah sebanyak 700 juta unit setahun.

Jabatan Pengangkutan Jalan

Sebanyak \$1,456,000 adalah diminta bagi pembangunan Jabatan Pengangkutan Jalan. Ini adalah perlu bagi memberi perkhidmatan yang lebih cekap dan bermutu kepada orang ramai. Jumlah ini adalah diperlukan bagi

pembinaan dan pengambilan tanah bagi pejabat-pejabat baru R.I.M.V. di Butterworth, Ipoh, Trengganu, Muar, Kedah dan Melaka. Selain daripada pembinaan pejabat-pejabat baru, Kementerian ini sedang membuat kajian untuk mendapatkan perkhidmatan komputer yang bertujuan untuk memperbaiki rekod-rekod jabatan itu.

Tuan Pengerusi, saya mohon peruntukan belanja mengurus bagi tahun 1977 bagi Kementerian saya sebanyak \$88,909,800 dijadikan sebahagian daripada jadual kepada Rang Undang-undang Perbekalan 1977 dan peruntukan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1977 sebanyak \$626,780,761 diluluskan.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam dan sukalah saya menyentuh kepala P. 64 Pecahan-kepala 1, 2 dan 3 muka surat 466 mengenai Jalanraya dan jambatan. Jalan-jalan dan jambatan adalah alat perhubungan untuk meninggikan taraf hidup dan sukalah saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, berkenaan dengan flyover di Jalan Kuala Ketil Pekan Lama, kerana di sini ialah tempat jalan keretapi yang selalu penuh-sesak oleh kereta-kereta lori, beca dan basikal dan kadang-kadang orang-orang yang pergi ke pasar dan kanak-kanak sekolah selalu tergendala. Saya harap perkara ini telah lama diminta dan saya haraplah Yang Berhormat Menteri akan memberi perhatian berat di atas perkara yang saya sebutkan ini.

Satu lagi berkenaan dengan jalan yang sangat perlu iaitu Jalan Pantai, Prai, Pinang Tunggal, Sidam Kiri. Kalau tidak salah saya di dalam akhbar Utusan Malaysia bulan lalu ada dikatakan iaitu diminta Pegawai Daerah dan Wakil-wakil Rakyat supaya mengambil berat ke atas penduduk-penduduk di situ, kerana mereka pun rakyat Malaysia juga yang taat-setia kepada Kerajaan ini dan mereka di sebelah Mukim Sidam Kiri yang saya katakan tadi dengan Mukim Sidam Kanan yang di sebelah dapat dilihat dengan mata sendiri. Jadi di sebelah Sidam Kanan ada jalan tar, ada bekalan letrik dan di sebelah Sidam Kiri ini boleh dikatakan yang mereka itu dianak-tirikan.

Tetapi bukanlah begitu, oleh sebab orang-orang di sini saya tidak tahu apakah sebabnya mereka itu ditinggalkan dengan tidak mempunyai jalan yang baik dan juga bekalan lampu letrik.

Satu perkara lagi yang saya suka menyentuh ialah berkenaan dengan bekalan air. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dengan sebab di dalam buku ini ada tercatat iaitu Negeri Kedah akan dapat beberapa juta ringgit dan dibahagi kepada 3 Daerah—Sungai Petani, Baling dan Alor Setar. Saya lagi sekali mengucapkan terima kasih. Tetapi yang saya hendak cakapkan di sini ialah bekalan air yang saya pinta bukan sahaja untuk kawasan di luarbandar tetapi juga di dalam bandar. Penduduk-penduduk di Kg. Gajah dan di alam pekan Sungei Petani yang dalam kawasan Majlis Kerajaan Tempatan, pun belum dapat bekalan air paip sungguhpun mereka di dalam bandar. Demikian juga keadaannya di kampung-kampung luar bandar. Saya harapkan apabila peruntukan kita luluskan di dalam Dewan yang mulia ini agak tempat-tempat yang saya minta rayuan tadi dapat perhatian daripada Kementerian ini.

Satu lagi ialah berkenaan dengan bekalan letrik Kepala P. 64, muka surat 462, Pecahan-kepala 201—Bekalan Letrik Luar Bandar. Tuan Pengerusi, bekalan letrik di luar bandar ini kadang-kadang diberi maklumat di dalam Majlis Tindakan Daerah yang mengatakan bahawa bekalan itu akan diberi pada tahun 1974 tetapi hingga sekarang sudah akhir tahun 1976 hendak sampai kepada 1977 Mukim-mukim Simpoh, Bukit Petai dan juga tempat-tempat yang berdekatan masih belum dapat bekalan letrik. Juga di Mukim Pinang Tunggal, Kilang Makau pada satu masa kita telah lihat tiang-tiang letrik dibawa ke situ. Tetapi entah apakah sebabnya pihak kontraktor ambil balik segala tiang-tiang tersebut. Tuan Pegawai Daerah minta saya berjumpa dengan penduduk-penduduk di situ untuk menyatakan apabila pokok-pokok di tepi jalan yang mengganggu pembinaan tiang letrik diminta janganlah mereka itu minta wang pendahuluan. Apabila kita berjumpa dengan orang-orang itu mereka kata: kami tidak minta wang, tetapi hendakkan lampu letrik. Tidak siapa tahu apa salahnya tiang-tiang yang diletakkan itu diambil

balik. Mungkin kontraktor tidak cukup atau pegawai-pegawai L.L.N. tidak cukup. Kita tengok peruntukan yang kita hendak luluskan ini berjuta-juta ringgit tetapi apabila sampai pada tahun-tahun yang dikatakan benda-benda ini tidak sampai ke situ. Perkara-perkara begini saya buat rayuan sendiri dengan sebab benda-benda yang saya cakapkan di sini bukanlah untuk kepentingan saya tetapi untuk penduduk-penduduk di kawasan luar bandar dan juga dalam bandar yang telah memilih kita sebagai Wakil Rakyat dan Perkara ini terpaksalah kita beritahu di dalam Dewan yang mulia ini. Saya harap perkara-perkara yang saya cakapkan ini dapat diambil perhatian oleh pihak Yang Berhormat Menteri.

5.30 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Bekalan B. 64—Kementerian Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am, Aktiviti (2) Rekabentuk dan Penyelenggaraan Jalan-jalan Raya, dan Aktiviti (8) Keselamatan Jalan Raya.

Tuan Pengerusi, Kempen Keselamatan Jalan Raya selalu diadakan. Sebaran Am kita tersibar dengan luasnya. Poster-poster dipasang di merata-rata tempat di jalan raya, tetapi kemalangan makin bertambah. Satu contoh, kita tidak usah tengok yang jauh, apa yang kita nampak hari ini pihak Jabatan Kerjaraya tidak memaksa kontraktor-kontraktor yang membuat jalan Federal Highway daripada Petaling Jaya ke Lapangan Terbang Subang dengan memasang lampu-lampu tanda ataupun papan-papan tanda dengan keadaan jalan tinggi rendah dan disekat dengan batu-batu yang besar, ini boleh mendatangkan kemalangan kepada pemandu-pemandu kereta. Ini disebabkan pengguna-pengguna jalan raya tidak begitu cermat memandu keretanya. Untuk mengurangkan kemalangan ini, saya rasa Pegawai-pegawai Penguatkuasa perlu diperbanyakkan dan mereka ini dengan kerjasama Polis Lalulintas seperti Highway Patrol, hendaklah selalu meronda di jalan-jalan besar terutama di jalan-jalan Federal. Ini bukan sahaja dapat mencegah berlakunya kemalangan, malahan secara tak langsung mengajar pemandu-pemandu supaya memandu dengan cermat. Di samping itu denda compound

hendaklah dikenakan. Secara tak langsung, Kerajaan akan mendapat hasil (revenue) lalu-lintas jalan.

Tuan Pengerusi, muka surat 453, Kepala P. 64, Pecahan-kepala 6 (6) Jalan Besar Petaling Jaya-Kuala Lumpur dan Simpang-simpang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Rekabentuk dan penyenggaraan jalan raya bagi negara yang membangun adalah perlu. Kita tengok sahaja bagaimana Jalan Besar Petaling Jaya-Kuala Lumpur sebok dengan kereta siang dan malam. Jalan besar ini semasa dibuka dahulu tersangat bagus dan luas, tetapi di dalam masa yang singkat sahaja, jalan ini sudah menjadi kecil. Juruterajur jalan dengan rekabentuknya, hendaklah memandang jauh ke hadapan bahawa di antara satu decade dengan satu decade yang lain, bolehlah dibuat banciaan jalan lalu-lintas supaya kita tidak ketinggalan dalam membesarkan jalan-jalan yang besar ini. Sekarang ini Kerajaan terpaksa membelanjakan jalan besar tersebut sebanyak \$15,198,000. Dalam membuat planning ini, juruterajur jalan hendaklah sentiasa mengkaji kedudukan jalan-jalan raya kita, perkembangan penduduk yang bertambah dengan begitu cepat, perkembangan projek perumahan, perindustrian dan gedong-gedong perniagaan supaya kita tidak selalu membuat perubahan dalam masa yang singkat dengan perbelanjaan yang begitu besar. Juruterajur jalan dan yang berkaitan dengannya hendaklah menyaksikan jalan-jalan yang dibuat seperti di Hongkong, Taiwan dan di tempat-tempat lain, sebagaimana perancang-perancang jalan (road planners) membuat bentuk jalan yang tidak menjadi sesak apabila berlaku sesuatu kemalangan. Di Taiwan ataupun Hongkong jalan-jalan di bandaraya menggunakan 3 hingga 5 lanes dan di mana-mana sahaja tidak terdapat bulatan jalan (round about). Sebaliknya mereka menggunakan viaducts dan jalan bawah (sub-way). Kereta api yang lalu begitu cepat, tidak ada kesesakan di jalan. Ini disebabkan bahawa pemandu-pemandu kereta boleh menggunakan jalan viaduct atau jalan bawah (sub-way). Sistem ini, saya rasa adalah yang paling sesuai di negara kita.

Tuan Pengerusi, Pecahan-kepala 4—Memperbaiki lain-lain Jalan Persekutuan dan Jambatan.

Sekiranya terdapat jalan-jalan di bandaraya kita ini mengganggu keselamatan jalan, maka saya rasa rumah-rumah lama ini dengan kerjasama Dewan Bandaraya, hendaklah dirobohkan dan dibayar ganti ruginya. Misalnya, Jalan Tuanku Abdul Rahman antara Panggung Wayang Coliseum hingga ke Jalan Melayu. Jalan ini mudah sahaja jam. Ada baiknya jalan ini disambesarkan dengan jalan yang bertentangan dengan Bangunan MARA supaya jalan ini dapat digunakan dua hala.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya menyokong Timur hendaklah sentiasa diperhatikan terutama bila menjelang musim tengkujuh ini. Jalan-jalannya sungguh bagus, lurus tetapi berlobang-berlobang di sana ini. Ini boleh membahayakan keselamatan pengguna-pengguna jalan raya. Lobang-lobang ini ditakungi oleh air dan tidak mudah dapat diperhatikan oleh pemandu-pemandu. Kemalangan kerap berlaku bila kereta-kereta termasuk di dalam lobang-lobang besar itu. Saya ingin mengesyorkan supaya sebelum musim tengkujuh, jalan-jalan besar ini hendaklah diperbaiki lebih dahulu supaya diperbetulkan. Sekiranya diperbaiki di dalam musim hujan ini, maka ia tidak memberi kesan. Adalah lebih baik, rasa saya peruntukan membaiki jalan ini didahulukan di Pantai Timur sebelum menjelang musim tengkujuh dan ini akan memberi guna yang besar kepada kami di Pantai Timur.

Tuan Pengerusi, muka surat 459, Pecahan-kepala 123—Pejabat-pejabat Baru Kerajaan Persekutuan.

Dasar Kerajaan ialah menempatkan semua bangunan-bangunan Kerajaan di dalam bangunannya sendiri, dan ini dapat menjimatkan perbelanjaan Kerajaan daripada menyewanya. Bangunan-bangunan Kerajaan di Jalan Duta, adalah satu contoh yang paling baik di mana dapat di tempat beberapa buah Kementerian dalam kompleks bangunan tersebut. Saya suka mengesyorkan bahawa kalau perlu semua bangunan-bangunan Kementerian ditempatkan dalam satu Komplek Bangunan-bangunan Kerajaan dan ia boleh didirikan lebih dari 15

tingkat kerana memandangkan harga tanah adalah mahal. Kita tengok sahaja bagaimana bangunan-bangunan Kerajaan berselerak di Kuala Lumpur: ada di Jalan Gurney, ada di Petaling Jaya dan setengahnya di Bandaraya Kuala Lumpur. Dengan adanya satu Komplek Bangunan-bangunan Kerajaan di mana semua Kementerian-kementerian dapat disatukan, saya rasa ia bukan sahaja dapat menyelamatkan perbelanjaan Kerajaan, tetapi juga dapat melicinkan lagi pentadbiran Kerajaan di mana semua surat-surat dapat dihantar dengan tangan dengan mudah sahaja.

Tuan Pengerusi, muka surat 462, Pecahan-kepala 201—Bekalan Letrik Luar Bandar.

Penduduk-penduduk luar bandar juga memerlukan bekalan letrik. Terdapat juga beberapa jalan besar yang terputus di tengah jalan dengan tidak ada bekalan letrik. Ini saya tujukan kepada kawasan saya, Tumpat. Pertama, Jalan Wakaf Baru. Yang kedua, Jalan Cabang Empat ke Pengkalan Kubu.

Saya rasa dengan jasa baik Yang Berhormat Menteri ini, kedua-dua jalan yang terputus di tengah-tengah itu, dapat dibekalkan letrik di jalan-jalan tersebut. Dengan yang demikian, dapat memberi kemudahan letrik kepada penduduk-penduduk di kawasan Tumpat.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja, dan saya menyokong peruntukan Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

5.38 *ptg.*

Tuan Tan Cheng Bee (Bukit Mertajam): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bercakap di bawah Kepala B. 64, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am. Apabila Jabatan Kerjaraya (J.K.R.) membina station microwave dalam tahun 1971 untuk Jabatan Talikom di Bukit Cherok Tok Kun, Bukit Mertajam, hakisan tanah akibat pembinaan projek ini telah merosakkan bendang di kawasan Cherok Tok Kun. Ini telah menyebabkan banyak, kerugian kepada tuan punya bendang bukan sahaja atas padi mereka, tetapi juga atas tanah mereka yang terpaksa dipulih semula sebelum padi dapat ditanam semula.

Satu lapuran atas perkara ini telah dihantar oleh Pegawai Daerah dan juga

Jabatan Pertanian kepada pihak Jabatan Kerja Raya. Jabatan Kerjaraya juga telah mengesahkan bahawa kerosakan yang berkenaan benar-benar teruk. Tuntutan telah dibuat akibat daripada ini kepada pemborong yang berkenaan serta syarikat insuran yang berkaitan untuk ganti-rugi yang berkenaan yang dibayar kepada tuan punya bendang dalam tahun 1972. Tetapi hingga kini tidak ada sebarang pembayaran ganti rugi telah dibuat. Jawatankuasa Tindakan Daerah Bukit Mertajam telah banyak kali bermesyuarat atas perkara ini dan banyak peringatan telah dihantar kepada Jabatan Kerja Raya. Tuan-tuan punya bendang telah menunggu dengan sabarnya selama lebih daripada dua tahun dan sekarang mereka telah habis kesabaran dan telah pergi mendapat pertolongan seorang peguam untuk mendapatkan bayaran ganti rugi itu. Saya rasa pihak J.K.R. mesti ambil tindakan yang lebih tegas terhadap pemborong dan syarikat insuran itu dan jangan biarkan mereka mengambil sikap tiada peduli terhadap tuntutan itu. Bagaimanapun saya harap bayaran tuntutan gantirugi itu mestilah dibayar sekarang juga dan jangan dilambatkan lagi, sekiranya kita tidak mahu menyebabkan petani-petani yang berkenaan naik marah.

Tuan Pengerusi, Jalan Besar di Pantai dengan penuhnya anggaran di bawah Kementerian ini.

5.41 *ptg.*

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, saya bercakap dengan ringkasnya di muka surat 455, Kepala P. 64, Pecahan-kepala 40 sampai 45 iaitu Pembinaan Jalan-jalan Raya Baru; Memperbaiki lain-lain Jalan Raya Besar; Penyiasatan Jalan Raya; Jalan-jalan Pembangunan; Pembelian Feri; Batang Kayan; Prestressing Concrete Casting Yard.

Sukacita juga saya menyampaikan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan atas peruntukan yang diberi kepada Negeri Sarawak di bawah Kementerian ini yang berjumlah \$35 juta. Di sini ingin saya menyentuh untung nasib rakyat di Kuala Oyak dan di pekan Mukah yang sekarang sedang menggunakan sebatang jalan besar yang penting sejauh 17 batu dari pekan Mukah sampai Kuala Oyak yang begitu buruk seperti terdapat pada

masa sekarang ini. Jalan ini adalah sebagai jalan perhubungan yang digunakan siang-malam di antara pekan Mukah dan Kuala Oyak, seperti pernah saya sebut di dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali yang sudah. Oleh hal yang demikian, saya mengambil peluang sekali lagi hari ini merayu kepada Kementerian ini supaya jalan pekan Mukah, Kuala Oyak diperbaiki dengan seberapa segera yang boleh supaya keadaan perhubungan jalanraya di luar-luar bandar tidak terbiar begitu sahaja. Jika sekiranya jalan tersebut tidak dapat untuk diperbaiki, adakah cadangan Kementerian ini untuk membuat jalanraya baru dari pekan Mukah ke Kuala Oyak seperti yang saya telah terangkan tadi.

Menyentuh jalan-jalan di kampung pula seperti Jalan Berdana, Mukah yang hanya lebih kurang satu batu dari pekan Mukah sekarang sudah cukup terok keadaannya sehingga berjalan dengan menggunakan basikal pun sukar sekali disebabkan jalan itu terlalu banyak lubang dan di masa hujan pula air bertakung di dalam lubang-lubang itu. Sama juga seperti nasib satu jambatan kayu belian yang menghubungkan jalan itu menyeberangi Kuala Sungai Telian lebih kurang tiga rantai sahaja yang sudah bongkok menunggu masa akan jatuh jika tidak diperbaiki sekarang. Beginilah keadaan cara perhubungan di kampung dan pekan luar bandar.

Saya rasa banyak lagi perkara yang serupa di daerah luar bandar Negeri Sarawak yang lain mengenai perkara seperti ini. Perkara ini pernah dibawa beberapa kali kepada Majlis Daerah Tempatan yang bertanggungjawab, tetapi apa yang diketahui ialah Majlis Daerah Tempatan yang berkenaan tidak berdaya untuk memperbaiki atau membuat jalan dan jambatan baru. Dengan hal yang demikian, sukacitalah saya merayu supaya Kementerian ini menyiasat perkara ini dan membuat jalan dan jambatan baru bagi kepentingan rakyat di luar-luar bandar di tempat tersebut bagi menunaikan hasrat dan dasar Kerajaan bagi mempertingkatkan lagi taraf kehidupan rakyat yang mundur di seluruh negara ini. Sekarang sudah pasti Majlis Daerah Tempatan yang berkenaan sukar untuk memperbaiki jalan dan jambatan tersebut, apatah lagi untuk membuat jalan dan jambatan baru, jika tidak ada

bantuan kewangan daripada pihak Kerajaan Pusat mahupun Kerajaan Negeri Sarawak sendiri.

Saya berharap dan berdoa agar untung nasib jalan-jalan dan jambatan yang saya terangkan ini diberi perhatian oleh pihak Kementerian ini supaya rakyat di luar bandar di tempat yang berkenaan tidak berkata iaitu sekarang pihak yang bertanggungjawab mementingkan di kawasan yang tertentu sahaja dari segi perhubungan jalan dan jambatan tetapi tidak begitu mengambil berat atas jalan dan jambatan di kampung-kampung. Saya yakin perkara seperti ini Kementerian ini tidak menunggu jalan itu jatuh ke sungai dan jambatan itu roboh yang mungkin boleh memberi kesan yang buruk menimpa kepada rakyat di kawasan itu.

Di muka surat 458, Kepala P. 64, Pecahan-kepala 106—Rancangan-rancangan Bekalan Air Sarawak. Dengan peruntukan yang ada ini sebanyak \$1,600,000 dapat membuat bekalan air di Dalat dan Balingian. Saya berharap dapat dilaksanakan dengan segera di mana projek ini telah lama untuk dibuat tetapi sampailah masa ini belum lagi dipenuhi. Saya harap Kementerian ini mengambil perhatian atas perkara ini supaya dapat dibuat dengan masa seberapa segera bagi kepentingan rakyat yang telah lama menunggu bekalan air lebih-lebih lagi di Dalat sekarang sekolah menengah hampir siap dan dapat digunakan pada tahun 1977 yang akan datang yang memerlukan bekalan air dan letrik.

Saya menyokong peruntukan yang dikehendak oleh Kementerian ini seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

5.48 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjung Karang): Tuan Pengerusi, saya mohon izin menyokong peruntukan kepada Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan Awam. Saya suka menyentuh Kepala B. 64, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1)—Pentadbiran Am, muka surat 447. Saya ingin bercakap berkenaan perkara pembayaran kepada pemborong-pemborong.

Berhubung dengan perkara ini sukalah saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri agar perkara ini dapat diperbaiki

sekarang dan pada masa yang lalu terutama bagi pemborong-pemborong bumiputra sungguh lambat dan selalu mereka bersungut mengenai pembayaran kepada pekerja yang telah siap terlalu lambat, kadangkala ada hampir setengah tahun, baru dapat pembayaran, sungguhpun kecil, disampaikan kepada mereka. Masalah ini sepatutnya tidaklah jadi begitu kerana Dasar Ekonomi Baru adalah mengharapakan Kementerian dan Jabatan-jabatan dalam Kerajaan supaya menolong atau memberi segala kemudahan dan menjalankan tugasnya dengan jujur supaya pembangunan ekonomi dalam Dasar Ekonomi Baru mencapai matlamatnya. Tetapi sebaliknya amalannya tidak berubah. Maka inilah sebabnya saya menyampaikan sungutan yang disampaikan kepada saya oleh pemborong-pemborong bumiputra, mudah-mudahan Yang Berhormat Menteri dapat memperbaiki keadaan ini supaya tidak berlaku lagi dan payment akan ditentukan masanya. Saya tahu ada satu dua Jabatan dapat menentukan masa payment dalam masa satu minggu, dua minggu dan sebagainya. Yang lebih menarik perhatian dan lebih dikesalkan ada projek telah diarahkan dengan cara bersurat, minta dijalankan kerja itu segera tetapi selepas pemborong telah buat kerja 40% atau 50% apabila minta progress payment dijawabkan tidak ada wang. Ini sungguh pelek dan merupakan satu tekanan dan satu perasaan timbul dengan pandangan yang kurang baik daripada pemborong-pemborong padahal mereka ada buat kerja mengikut arahan bagi pihak yang berkuasa. Keadaan begini sungguh dikesalkan dan kita harap Yang Berhormat Menteri dapat membuat kajian (study) tentang perkara ini supaya diperbaiki pada masa yang akan datang.

Perkara yang kedua berkenaan dengan Pembangunan di dalam Aktiviti (3).

Tuan Pengerusi, memproses satu projek pembangunan yang telah diluluskan ataupun disetujui oleh Majlis Tindakan Daerah dengan ada peruntukannya dan disetujui pula oleh Kementerian, hingga setahun pun tidak jadi apa-apa, banyak contohnya seperti pembangunan sekolah, jalanraya dan sebagainya. Apabila ditanya beberapa kali di dalam Majlis Tindakan Daerah, jawapannya "dalam proses". Apabila sudah sampai 10 bulan dijawabkan ada pula masalah.

Ditanya lagi katanya dalam proses. Tetapi apabila sampai kepada satu tekanan, jawapannya ada pula satu masalah lain timbul pula berkenaan dengan tanah tidak selesai kerana tidak diuruskan dan sebagainya. Inilah yang selalu menjadi kelambatan kepada projek-projek Kerajaan di dalam pembangunan. Pernah diserukan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya pegawai-pegawai kenalah betul-betul jujur untuk menjalankan masalah pembangunan. Saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri mudah-mudahan projek-projek dalam Rancangan Malaysia Ketiga di bidang pembangunan dapat dijalankan dengan licin. Apa yang saya sampaikan ini ialah pengalaman saya yang saya dapati di dalam daerah saya, yang telah berlaku pada masa yang lalu dan kita berharap tidak akan berlaku lagi pada masa yang akan datang.

5.54 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Tuan Pengerusi, di dalam Kementerian ini terutamanya saya suka menyentuh aktiviti (3), muka surat 447. Di beberapa tempat di dalam negara ini pengangkutan adalah menjadi masalah yang penting. Sungguhpun pada keseluruhannya pengangkutan di negara ini adalah boleh dikatakan tinggi mutunya namun demikian oleh kerana perubahan disebabkan pembangunan maka ada beberapa tempat yang menghadapi kesulitan. Ini merupakan satu perkara baru, oleh itu saya merayu supaya pihak Menteri akan mempertimbangkan di atas perkara ini.

Apa yang saya maksudkan ialah di kawasan baru seperti kawasan-kawasan FELDA. Kawasan FELDA memang biasanya jauh dari bandar sampai 6 batu, 12 batu dan kadang-kadang 30 batu. Di dalam kawasan saya misalnya ada 17 Rancangan FELDA, kesemuanya jauh dari bandar. Bas tidak ada, teksi tidak ada disebabkan tidak digezetkan sebagai pengkalan teksi. Jadi tiap-tiap kali penenak memohon lesen teksi jawapannya—kawasan ini belum digezetkan sebagai pengkalan teksi. Sila rujuk kepada Negeri. Apabila dirujuk kepada Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri, maka pihak Negeri kata perkara ini dalam pertimbangan. Dalam pertimbangan dari setahun ke setahun hingga dua tahun. Jadi masalah pengangkutan ini masih menjadi satu masalah yang besar. Kalau hendak digesakan pun pihak Kementerian

supaya digezetkan kawasan-kawasan ini sebagai pengkalan teksi, agak sukar. Tetapi saya cuma merayu kalau dapat Kementerian ini memikirkan satu jalan baru di mana tempat-tempat seperti ini diberikan lesen sementara samada lesen dari setahun ke setahun, ataupun lesen selama 2 tahun. Apakah cara membayar cukai lesen-lesen seperti ini kerana inilah satu jalan di mana masaalah pengangkutan dapat diatasi. Demikian juga dengan jalan-jalan pembangunan. Kadang-kadang jalan pembangunan masuk daripada jalan besar sehingga sampai 6 batu atau 12 batu ke dalam. Bas pun tidak ada dan bas memang tidak ada, kerana kalau bas hendak berjalan pun memang tidak ekonomik. Maka lahirlah "teksi sapu". Jadi, apabila ada "teksi sapu" berbagai masaalah didapati seperti masaalah dengan polis, masaalah Third Party Insurance tidak ada dan passengers tidak terjamin. Ini menimbulkan kesukaran yang tulin. Kadang-kadang penduduk-penduduk kampung menghadapi kecemasan seperti hendak bersalin, sakit ataupun apa-apa urusan. Mereka tidak ada keupayaan, bas memang tidak ada. Jadi, teksi yang diistilahkan "teksi sapu" itupun kadang-kadang ada, kadang-kadang tidak ada. Inilah yang menimbulkan kesukaran. Oleh itu, saya merayu kepada Kementerian ini supaya memikirkan agar Rancangan-rancangan FELDA dan juga tempat-tempat yang agak jauh di pedalaman sedikit yang ada jalan baru, yang tidak ada bas supaya diberi peluang kepada mereka memiliki lesen sementara.

Perkara yang kedua yang saya hendak menegur sedikit berkenaan Lembaga Perlesenan. Perkara lesen teksi ini memanglah perkara yang menjadi sungutan hari-hari. Banyak perkara yang tidak memuaskan hati berlaku seperti jikalau sesuatu tempat itu digezetkan sebagai pengkalan teksi, orang di situ minta, orang lain yang dapat. Ada pula orang lain yang menggunakan alamat nombor rumah di situ ataupun alamat di dalam kawasan itu. Apabila tengok keputusan, orang di luar dapat. Ini sangatlah memberi tidak puashati kepada rakyat dan implikasi politiknya sangat besar. Apabila kita tulis kepada Menteri; Menteri menulis kepada Lembaga Perlesenan suruh beri ground fasal apa orang ini dapat. Sekali saya tulis kepada Menteri, sekali Menteri tulis surat kepada Lembaga. Lembaga diam. Dua kali saya tulis, dua kali Menteri tulis kepada

Lembaga, malahan sampai tiga kali. Jadi seolah-olah Lembaga ini satu badan yang merdeka tidak di bawah Kementerian. Ini insubordination barangkali. Kalau Menteri dalam jawapannya nanti hendakkan contoh, saya akan bawa fail itu dan berikan contoh di mana perkara ini berlaku.

Penyelewengan Lesen Teksi seperti yang saya sebutkan tadi berlaku bukan sahaja pada masa lepas, tetapi sekarang inipun masih berlaku. Kalau saya hendak katakan pihak Pengangkutan ini menyeleweng ada orang mengatakan saya salah menggunakan privilege Dewan ini. Ini saya tidak mahu. Tetapi apakah keterangannya jikalau di kawasan "A" minta, orang di kawasan "B" dapat? Sedangkan orang di kawasan "A" lebih layak daripada orang di kawasan "B" kerana dia bekas tentera, dia berpengalaman dan sebagainya. Kita sendiri menimbangkan dia lebih layak tetapi mengapa orang lain dapat. Jadi apa keterangannya, jikalau tidak penyelewengan? Oleh itu saya harap Yang Berhormat Menteri akan memberi perhatian sepenuhnya.

Tuan Pengerusi, satu perkara lain mengenai mengelakkan cukai jalan. Saya tahu perkara ini adalah satu perkara di bawah tindakan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu tindakan polis tetapi saya merayu supaya Kementerian ini boleh mencari jalan bagaimana supaya mereka yang mempunyai lori-lori ini tidak menipu tentang cukai jalan. Saya dapati di Jengka Tiga Segi sekarang ini beratus-ratus lori yang buruk dan tidak roadworthy tidak ada road tax. Saya tidak mahu cakapkan siapa punya lori tetapi akibatnya kepada orang berkenaan sangat besar. Terutamanya lori-lori yang tidak ada road tax ini boleh masuk tender untuk membawa buah-buah kelapa sawit dengan murah. Dia masih untung kerana lorinya tidak roadworthy, tidak ada lesen, dan tidak ada road tax.

Jadi, kontrektor yang betul taat setia kepada undang-undang, beli lori baharu, jual gelang, gadai tanah kerana hendak beli sebuah lori kerana menyambut seruan Kerajaan, meletakkan harga tender yang berpatutan tidak dapat kerana dipotong terip oleh orang lain. Itu satu perkara yang memudaratkan orang yang benar. Yang keduanya memudaratkan kepada orang yang berjalan kaki, yang tidak ada insuran, tidak

ada road tax kalau dia mati kena langgar lori mati sahaja, tidak dapat hendak claim, kerana tidak ada insuran. Kalau hendak claim, claim kepada orang yang punya lori, orang punya lori itu sudah lari. Perkara ini pernah berlaku. Saya haraplah dapat Kementerian ini bekerjasama dengan polis supaya perkara ini tidak berlaku lagi, kerana kalau berlarutan, ini merugikan cukai-cukai Kerajaan. Kalau 50 buah lori sudah berapa cukai Kerajaan rugi. Ini satu perkara yang serius.

Seperkara lagi yang saya hendak sentuh mengenai dengan testers atau penguji pembawa kereta. Saya ingat kalau 10 tahun dahulu kalau kita dapat lesen, kita betul-betul dapat lesen, kita tahu road signs. Sekarang ini nampaknya perkara ini sudah sangat menyeleweng. Orang dapat lesen tidak tahu road signs. Orang yang dapat lesen tidak tahu fundamental of driving, ini perkara-perkara yang berlaku kemalangan. Inipun pihak Kementerian yang berkenaan patut mengambil perhatian dan memperbaiki perkara ini.

Perkara yang akhir sekali road re-alignment. Jadi, di dalam usaha Kerajaan untuk memperbaiki jalanraya boleh jadi oleh kerana keselamatan, jadi kadangkala Kerajaan terpaksa memperbaiki jalan yang pada orang ramai sudah elok. Saya dengar kalau kita hendak buat re-alignment ataupun repair jalan-jalan harganya adalah lebih kurang antara \$80,000 setengah batu, mungkin saya salah, saya bukan engineer. Jadi, kadangkadang ada setengah-setengah tempat daripada Temerloh ke Mentakab, ini satu contoh yang baik, di mana jalan itu tidak penuh dengan sejarah kemalangan, road surface bagus, jalan lurus tetapi oleh kerana hendak memberi nikmat kepada satu pihak yang membuat housing estate di situ, jadi road alignment terpaksa dibuat, ini merugikan belanja Kerajaan dan juga tanah orang Melayu di situ yang tidak ada tanah, yang dapat rezeki sedikit daripada tanah yang ada itu terpaksa kena ambil, Kerajaan patut juga memikirkan perkara ini dengan cara serius. Tidak adil kalau kita hendak mencantikkan jalan, kita hendak memberi kesenangan kepada orang lain yang baharu datang ke kawasan itu, kita mesti mengambil tanah orang lain. Ini adalah satu perkara saya rasa kurang adil dan Kerajaan patut memikirkan semua hal ini.

6.05 ptg.

Tuan Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan kepada Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam. Sukalah saya menyentuh satu perkara sahaja iaitu di bawah Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) Rekabentuk dan Penyelenggaraan Jalan-jalan dan Padang-padang Terbang. Saya hendak menyentuh jalanraya di antara Seremban dan Kuala Lumpur. Dewan yang mulia ini bersidang dua tahun dahulu hingga sekarang ada gerakan atau aktiviti-aktiviti memperbaiki jalanraya ini, khususnya di Batu 3 dekat Seremban iaitu kaki Bukit Mantin sehingga sampai ke Batu 8 dekat pekan Mantin ada beberapa buah bulldozer membuat jalan, tetapi sampai sekarang jalan itu belum siap lagi. Saya merayu kepada Kementerian supaya mengambil perhatian oleh sebab sekarang ini musim hujan banyak lubang besar di tepi-tepi jalan oleh sebab soil erosion. Jadi pada waktu malam banyak pemandu-pemandu kereta menggunakan jalan ini barangkali ini mungkin boleh berlaku kemalangan dan juga merbahaya kepada pemandu-pemandu tersebut.

Saya merayu juga kepada Kementerian ini supaya penyiapan jalan ini disegerakan.

Lagi satu tempat dekat Cheras di situ ada dua buah jambatan yang telah siap tetapi sehingga sekarang belum ada jalan menyambungi jambatan itu tetapi digunakan jalan yang lain. Jambatan itu telah siap tetapi sehingga sekarang kontraktor belum lagi dapat tender untuk membuat jalan tersebut.

Saya juga minta penerangan daripada Kementerian yang berkenaan iaitu jalanraya baharu (new highway) daripada Seremban menghala ke Kuala Lumpur bilakah jalan ini akan siap. Saya dapati sekarang banyak kereta-kereta menggunakan jalan baharu ini iaitu daripada Seremban ke Kajang. Kalau saya tidak silap, jalan ini sudah siap sehingga ke Nilai. Jadi, kalau sekiranya kereta boleh menggunakan jalan itu, saya haraplah Kementerian boleh memberitahu bilakah jalanraya antara Seremban/Kuala Lumpur boleh disiapkan. Itulah sahaja, terima kasih.

6.09 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat): Tuan Pengerusi, saya ingin

menyentuh mengenai Kepala Bekalan P. 64 Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (8) Keselamatan Jalanraya. Saya mengambil peluang di Dewan ini terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Majlis Keselamatan Jalanraya di mana dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang telah mengambil beberapa langkah untuk mencari jalan untuk mengurangkan berlakunya kemalangan di jalanraya, demikian juga pihak-pihak lain termasuk polis dan sebagainya. Akan tetapi, Tuan Pengerusi, apa yang kita dapati semakin banyak langkah-langkah kita jalankan samada pihak Majlis Keselamatan Jalanraya atau lain-lain pihak semakin banyak berlaku kemalangan-kemalangan yang boleh dikatakan tiap-tiap hari kadang-kadang membawa maut. Jadi kemalangan yang berlaku di jalanraya ini saya berpendapat dan saya menganggap bukan sebagai satu incident kecil, tetapi boleh kita anggap sebagai satu bencana negara yang mengorbankan nyawa yang tidak tentu fasal. Saya beri contoh mengikut apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan di Dewan ini beberapa hari yang lalu, dalam tahun 1975 ada sebanyak 40,833 kemalangan telah berlaku dan daripada kemalangan yang tersebut 1,704 yang membawa maut. Ini tidak terkira pula yang cedera parah dan sebagainya. Demikian juga dalam tahun 1976 saya dapati kemalangan ini makin bertambah lagi dan mengikut lapuran yang berakhir pada 30hb September kemalangan sebanyak 40,823 dan daripada jumlah itu 1,826 orang telah meninggal dunia. Ini tidak terkira pula yang cedera parah dan sebagainya. Mungkin hingga akhir tahun ini bilangan yang terkorban akan bertambah lagi. Korban nyawa yang begitu besar saya anggap sebagai trajidi negara yang amat serius dan saya rasa lebih hebat lagi daripada kejadian gempa bumi yang berlaku di Turkey baru-baru ini yang mengorbankan nyawa 6,000 orang mungkin 10 tahun sekali tetapi kita dalam masa setahun hampir 2,000 orang yang meninggal dunia. Dengan hal yang demikian, saya berpendapat satu tindakan tegas patut diambil oleh pihak Kerajaan khususnya Kementerian ini dan Majlis Keselamatan Jalanraya bagaimana cara kita hendak mengatasi keadaan ini. Kalau perlu satu Jawatankuasa Khas samada peringkat Kabinet dan kalau perlu lagi satu Suruhanjaya Di Raja bagi menyiasat ke-

adaan ini, bagi membetulkan keadaan ini dari segala aspek kerana jumlah korban maut yang begitu banyak bolehlah kita anggap bilangan ramai rakyat kita yang meninggal dunia adalah daripada kemalangan jalanraya. Jalanraya yang membawa maut. Keadaan ini tentulah kita tidak boleh pandang sepi, apa lagi dalam zaman kemajuan sains dan teknologi ini. Dengan adanya jawatankuasa khas ataupun satu suruhanjaya dapat mengumpulkan maklumat-maklumat dan menimbangkan dari berbagai aspek dan faktor yang menyebabkan kemalangan yang makin bertambah. Di sini bukanlah ertinya saya hendak merendahkan usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan, khususnya pihak Majlis Keselamatan Jalanraya sebagaimana yang saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini beberapa perkara patut kita timbangkan atau kaji semula, terutama mengenai dengan peraturan-peraturan di jalanraya samada peraturan-peraturan yang berjalan sekarang telah memadai dan cukup ketat atau sebagainya dan yang perlunya adakah dipatuhi oleh pengguna-pengguna jalanraya. Banyak kita dapati lori-lori balak yang ditetapkan 20 b.s.j. ataupun 35 b.s.j. tetapi kadang-kadang kereta kita yang berjalan lebih 60 batu dipotongnya. Ini satu contoh sahaja dan banyak lagi perkara-perkara lain yang patut kita pertimbangkan untuk mengatasi keadaan ini.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan beberapa perkara patut kita timbangkan, misalnya, meluaskan atau menguatkan lagi kuasa Majlis Keselamatan Jalanraya samada ditubuhkan peringkat negeri, peringkat daerah dan peringkat tempatan dan juga lain-lain yang difikirkan mustahak untuk mengatasi keadaan ini. Yang keduanya, saya rasa sistem dan peraturan di jalanraya hendaklah disemak semula, pastikan pengguna-pengguna jalanraya dapat mematuhi segala peraturan-peraturan yang dijalankan. Begitu juga hukuman-hukuman patut diketatkan dan dikenakan tidak kira siapa yang melakukan. Dengan cara ini saya rasa mungkin dapat mengurangkan kemalangan di jalanraya seperti saya katakan tadi.

Selain daripada itu, bentuk jalan juga patut kita perhatikan, adakah jalan kita samada di luar bandar atau dalam bandar

sesuai dengan keadaan kereta-kereta yang bermotor pada hari ini. Demikian juga kita patut juga menghantarkan pegawai-pegawai kita keluar negeri sebagaimana yang dikatakan oleh rakan saya dari Tumpat tadi samada di Hongkong, di Thailand, di mana-mana untuk menengokkan keadaan sistem jalanraya. Misalnya, di bandaraya Hongkong, walaupun sebok dengan kenderaan, bandaraya lebih besar daripada Kuala Lumpur, tetapi sistem jalanraya lebih baik daripada di negara kita khususnya di Kuala Lumpur ini. Begitu juga kalau boleh kenderaan-kenderaan walaupun ini mungkin setengah pihak menyatakan kita tidak progresif, balik semula jarum jam kita ke belakang. Misalnya, lori-lori Shell ataupun B.P. telah ditetapkan lori itu tidak boleh lari lebih daripada 60 b.s.j. Ini mungkin ada kesulitan kerana jalan di negara kita ini ada bukit dan sebagainya. Demikian juga kereta, saya rasa kalau kereta-kereta biasa kecuali kereta-kereta Polis dan sebagainya ataupun kereta yang akan kita gunakan dalam perlumbaan, kita kunci supaya tidak boleh lebih daripada 60 b.s.j. Demikian juga motosikal 40 b.s.j. Dengan keadaan ini boleh mengurangkan keadaan ini dan seterusnya kempen secara menyeluruh. Kalau boleh di tiap kereta-kereta, di tiap-tiap motosikal, bas dan sebagainya kita lekatkan kertas-kertas atau phamplet yang menerangkan mengenai dengan keselamatan di jalanraya ini. Saya rasa banyak perkara lagi boleh kita jalankan.

Yang kedua mengenai perkara ini juga, Tuan Pengerusi, saya ingin mengemukakan di sini mengenai banyaknya berlaku kemalangan-kemalangan yang membawa maut dan kadang-kadang pemaot ini meninggalkan ramai anak dan isteri yang patut ditanggung. Walaupun insuran-insuran telah ditetapkan tetapi tidak dapat hendak meliputi menolong mereka ini. Banyak anak-anak yatim yang patut kita perhatikan. Dengan ini saya rasa pengguna-pengguna jalanraya yang menyebabkan kemalangan-kemalangan berlaku patut dikenakan sedikit bayaran dan patutlah ditubuhkan, satu tabung khas kerana bencana di jalanraya. Saya rasa tabung ini boleh dikelolakan oleh Majlis Keselamatan Jalanraya dengan wangnya dikutip, \$1 tiap-tiap pemandu bila hendak membarui lesennya tiap-tiap tahun, kalau \$20 menjadi \$21—\$1 untuk tabung bencana di jalanraya. Demikian juga tuan-

tuannya kereta, bila mereka hendak membarui geran keretanya kita kenakan \$1. Selain daripada itu boleh kita merayu ahli-ahli perniagaan, pembalak-pembalak dan sebagainya yang menggunakan jalanraya yang biasanya lori-lori mereka ini juga yang melibatkan kemalangan kepada rakyat yang tidak berdosa terutamanya pengguna-pengguna jalan kaki di jalanraya. Dengan ini saya rasa keadaan mereka ini dapat terbela terutamanya kalau mereka yang menjadi mangsa ini orang-orang miskin meninggalkan anak yang ramai dan sebagainya yang masa depan anak-anak mereka ini patut kita perhatikan.

Tuan Pengerusi, saya ingin hendak bercakap mengenai satu perkara lagi iaitu mengenai dengan Kepala Bekalan yang sama, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (3) dan (5) Rekabentuk dan Penyenggaraan Bangunan-bangunan Am dan juga Bangunan Kegunaan Khas. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak J.K.R., khususnya kawasan saya banyak bangunan-bangunan samada sekolah-sekolah, balairaya, masjid-masjid dan sebagainya yang telah didirikan, yang menepati masa yang dikehendaki oleh rakyat. Tetapi banyak juga di antara bangunan-bangunan ini dalam masa beberapa tahun atau beberapa bulan selepas siap dibina berlaku beberapa kerosakan, retak di sana, retak di sini, bocor di sana dan bocor di sini terutamanya masjid-masjid. Mungkin kerana rekabentuknya begitu rupa. Perkara ini patut diperimbang. Sepatutnya dalam zaman sains dan teknologi ini bangunan yang kita bangun lebih kukuh daripada bangunan lama yang kita tahu bangunan-bangunan lama yang telah dibina sebelum perang dahulu sehingga sekarang masih kukuh, tidak retak atau sebagainya. Kadang-kadang kerana sebab-sebab yang tertentu banyak bangunan-bangunan terutama sekolah-sekolah terbengkalai menyebabkan menjadi halangan kepada murid-murid hendak menggunakan bangunan yang tersebut itu. Walaupun kita tahu bangunan-bangunan dan binaan-binaan ini hendak segera disiapkan mengikut jadual tetapi perlu juga diperhatikan kesempurnanya.

Dalam hal ini saya juga mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian ini yang telah memberikan peluang sekurang-kurangnya 30% kepada pemborong-pemborong bumiputra. Ini

satu langkah yang baik sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru kita. Tetapi apa yang saya hendak tegaskan di sini walaupun banyak pemborong-pemborong kita telah berjaya tetapi banyak juga yang tidak berjaya, yang patah di tengah jalan, kerana pada keseluruhannya saya dapati pihak Kementerian ini atau Jabatan Kerjaraya hanya memberi peluang 30%, tetapi tentang yang lain tidak diperhatikan. Walaupun ini saya rasa di luar dari tugas Kementerian ini, tetapi patutlah kita menengokkan keadaan ini, alang-alang kita mandi biar basah sekali, alang-alang kita hendak menolong bumiputra, kita tolong betul-betul. Kadang-kadang bumiputra yang baru mengambil bahagian dalam bidang ini diberi terlampau banyak borongan yang menyebabkan ter-bengkalai sebagaimana yang saya katakan tadi dan setengahnya berbagai-bagai perkara berlaku. Jadi, patutlah Kementerian ini seperti Kementerian Perdagangan dan Perindustrian iaitu ada satu bahagian khas, Bahagian Penyertaan Bumiputra ditubuhkan untuk menengokkan keadaan ini supaya bukan sahaja matlamat Kerajaan untuk menolong bumiputra itu berjaya, tetapi juga bangunan-bangunan yang diperlukan samada sekolah atau sebagainya dapat dibina mengikut masa yang ditentukan. Dengan cara ini, saya percaya dan yakin penyertaan bumiputra ini akan dapat lebih berjaya lagi.

Tuan Pengerusi, saya rasa setakat inilah sahaja dan saya sebagaimana rakan-rakan saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya peruntukan bagi Kementerian ini sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sebentar tadi.

6.24 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Kepala B. 64, Aktiviti (2) Rekabentuk dan Penyenggaraan Jalan-jalanraya, Jambatan-jambatan dan Padang-padang Terbang.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara rekabentuk dan penyenggaraan jalan-jalanraya, izinkan saya berucap secara ringkas tentang rekabentuk dan penyenggaraan jalan-jalanraya di Kuala Lumpur berhubung dengan masalah lalulintas di bandar ini.

Tuan Pengerusi, walaupun nampaknya tidak syak lagi bahawa Kementerian ini ada membuat satu kerja yang baik untuk memperlakkan jalanraya di bandaraya Kuala Lumpur, tetapi ada satu perkara yang akan saya cadangkan di sini iaitu berkait dengan bulatan-bulatan di jalan-jalanraya. Semua bulatan-bulatan dalam bandaraya telah mengakibatkan kesesakan lalulintas (traffic pile-up), kecuali satu-satu diperbuat keadaan tentu akan menjadi lebih buruk lagi. Saya hendak beri satu contoh, misalnya bulatan Edinburgh di simpangan Jalan Birch dan Jalan Loke Yew, Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, sementara saya suka mengucapkan tahniah kepada J.K.R. kerana membina sebuah jejambat di Jalan Loke Yew yang sangat panjang. Saya tidak dapat menyembunyikan perasaan hampa saya yang amat sangat apabila saya melihat kesesakan lalulintas yang berlaku di bulatan Edinburgh tiap-tiap hari terutama sekali dalam masa atau waktu-waktu puncak. Ini bukannya satu sahaja bulatan yang menimbulkan kesesakan lalulintas, bulatan-bulatan yang lain juga ada dalam keadaan yang sama. Oleh itu, sudah sampai masanya bulatan-bulatan jalanraya ini dihapuskan dan bulatan-bulatan ini patutlah diganti dengan lampu-lampu isyarat atau sistem yang lain yang menasabah yang akan mengatasi kesesakan jalanraya.

Saya suka hendak menyatakan di sini bahawa seluruh sistem lalulintas di Kuala Lumpur ini patutlah dirombak, siratan jalanraya yang lebih baik patut dirancang dan diwujudkan untuk meringankan kesesakan lalulintas bandaraya. Dalam hubungan ini, Kementerian mempunyai peranan yang mustahak untuk dimainkan dan saya berharap Kementerian akan mengambil segala langkah yang perlu untuk menyelaraskan tindakan dengan Dewan Bandaraya dan pihak-pihak berkuasa yang lain bagi menghasilkan satu-satu penyelesaian yang praktikal kepada masalah-masalah lalulintas di Bandaraya Kuala Lumpur.

Saya hendak bercakap sedikit mengenai Kemudahan-kemudahan Awam. Oleh kerana Kerajaan sedang memberikan perkhidmatan kepada penduduk-penduduk melalui beberapa badan-badan kemudahan awam seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kerja Air, Lembaga Letrik Negara, Talikom dan lain-lainnya, saya rasa masanya sudah tiba

untuk menubuhkan satu Lembaga Kemudahan-kemudahan Awam (Public Utilities Board) untuk menyelaraskan kegiatan-kegiatan semua badan-badan itu. Dengan penyelarasan yang lebih baik maka masalah di Ibu Kota Kuala Lumpur dapat dikurangkan, misalnya kerja mengorek jalan-jalanraya untuk tujuan memberikan perkhidmatan dapat diselaraskan. Pada masa ini salah satu sebab kesesakan lalu lintas dalam bandaraya kita ialah kerana Badan-badan Kemudahan-kemudahan Awam tidak ada menyelaraskan kerja mereka apabila menjalankan kerja pengorekan jalanraya.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin merujuk sedikit mengenai pengangkutan jalanraya.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyeru kepada Kementerian supaya mengambil tindakan-tindakan untuk menentukan semua Syarikat-syarikat bas memodenkan bas-bas mereka demi keselamatan jalanraya dan keselesaan penumpang-penumpang.

Saya juga hendak menyatakan di sini iaitu sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan bas di Kuala Lumpur ini sudah 12 tahun lebih lamanya sedangkan 60% hingga 70% daripada kenderaan-kenderaan di lain-lain bandar adalah lebih lama lagi.

Dalam bulan Mei tahun ini Yang Berhormat Menteri ada mengisytiharkan bahawa syarikat-syarikat bas dalam bandaraya dan bandar-bandar lain kena memodenkan bas-bas mereka di bawah pindaan-pindaan yang dibuat kepada Kaedah-kaedah Melesen dan Peraturan-peraturan tahun 1959 yang memperuntukan bahawa semua perkhidmatan bas-bas baru yang didaftarkan tahun ini akan dibenarkan berkhidmat hingga masa maksima 12 tahun. Bas-bas yang didaftarkan tahun ini khas juga dikecualikan daripada cukai tempat duduk. Walau bagaimanapun, setelah Yang Berhormat Menteri membuat pengumuman bahawa syarikat bas perlu dimodenkan, saya masih dapat melihat bas-bas lama di jalan-jalanraya dan setengah-setengahnya begitu lama hingga tidak patut digunakan lagi di jalan-jalanraya. Bas-bas lama ini bukan sahaja mengakibatkan pencemaran dengan asapnya yang kotor yang dikeluarkannya tetapi juga menyebabkan jalan-jalanraya penuh sesak dengan kenderaan setiap kali bas-bas itu

rosak di tengah-tengah jalan iaitu selain daripada tidak memberi keselesaan kepada penumpang-penumpang dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, saya menyeru kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat mengambil ingatan secara bersungguhsungguh dalam perkara ini dan mengambil satu arahan yang baru kepada syarikat-syarikat bas itu supaya mereka dapat memodenkan bas-bas mereka.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya ada empat orang lagi Ahli Yang Berhormat hendak bercakap. Saya suka memberi peluang kepada semua empat orang Ahli Yang Berhormat bercakap pada petang ini. Dan pada petang ini kita akan teruskan sehingga pukul 7.00 malam sebagaimana usul yang telah diluluskan tadi. Saya akan jemput Yang Berhormat Menteri menjawab esok.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson dahulu.

6.29 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Pengerusi saya ingin bercakap atas Kepala P. 64, Pecahan-kepala 201—Bekalan Letrik Luar Bandar. Saya hendak menyentuh tentang bekalan letrik di kawasan luar bandar bagi daerah Hilir Perak khususnya. Kalau kita meneliti tambahan kepada laporan tahunan ke 26 yang dikeluarkan oleh Lembaga Letrik Negara, kita dapat membaca bilangan projek rancangan bekalan letrik luar bandar yang dilaksanakan di berbagai negeri.

Dalam tempoh antara bulan September, 1974 dengan bulan Ogos, 1975 terdapat sebanyak 40 projek di luar bandar yang dilaksanakan di Kelantan, 32 di Trengganu, 22 di Melaka dan sebagainya dan di daerah Perak adalah terletak di bawah senarai ini dengan sebanyak 7 projek sahaja. Tuan Pengerusi, terdapat pada keseluruhannya 7 buah stesyen jalaletrik di negeri Perak iaitu di Habu, Jor, Odak, Malim Nawar, Cenderung, Batu Gajah dan sebuah lagi sedang dibina di Temenggor. Dengan begitu banyak stesyen jalaletrik seseorang akan menganggap bahawa bekalan letrik bukan lagi merupakan satu masalah di negeri Perak, tetapi kenyataannya adalah berlainan sekali. Daerah Hilir Perak sahaja pada penghabisan kedua-dua Rancangan

Malaysia masih terdapat 53 kawasan luar bandar yang tidak mempunyai bekalan letrik. Di sini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada satu keadaan yang anih pada keseluruhan jalan Bagan Datuk yang lurus itu, kawasan di Batu 4, 6 dan 8 dibekalkan dengan letrik dan orang-orang di Batu 5, 7 dan 9 pula tidak ada bekalan letrik seperti itu selama 10 tahun yang lepas. Tidak ada sebab menasabah dapat kami memberi kepada penduduk di situ tentang mengapakah mereka dibiarkan sahaja selama ini. Keadaan bekalan air pun begitu juga. Selama 19 tahun merdeka masih terdapat 55 tempat yang tidak mempunyai air paip, penduduk masih mendapat bekalan air harian dari sungai dan perigi. Tetapi memandangkan kepada hal ini saya merayu kepada Menteri berkenaan meninjau masaalah tersebut yang sangat serious dengan tujuan mengatasinya tanpa apa-apa kegendalaan lagi. Kerajaan Negeri dan peringkat daerah tidak dapat mengatasi kesusahan kami. Mengikut pengalaman dua tahun lepas ialah Kerajaan Negeri boleh memberi peruntukan yang memadai untuk melaksanakan tidak lebih daripada 3 projek tiap-tiap tahun di daerah itu jika tidak mendapat bantuan dari Kerajaan Pusat, maka ramai orang akan terpaksa akan menunggu selama 18 tahun lagi untuk mendapat kemudahan yang asasi ini. Ini adalah perkara yang merunsingkan saya sebagai wakil Rakyat kawasan Telok Anson serta penduduk di Hilir Perak. Saya mengambil kesempatan ini menjemput Yang Berhormat Menteri atau Timbalannya melakukan lawatan ke daerah kami untuk melihat sendiri keadaan yang wujud di sini.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh Pelesenan Kereta-kereta Motor. Saya ingin merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya mengeluarkan lebih banyak lesen teksi. Pada masa sekarang permohonan untuk lesen teksi ada beribu tetapi kelulusan atau keluaran lesen sangat terhad. Apa salahnya dikeluarkan lebih banyak lesen ini untuk orang-orang yang ingin mendapat mata pencarian sebagai pembawa teksi. Saya harap perkara ini akan mendapat pertimbangan Yang Berhormat Menteri dan tindakan sewajarnya akan diambil supaya kekurangan teksi ini akan dapat diatasi.

6.25 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, dalam perbahasan mengenai peruntukan yang diminta oleh Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam ini, saya suka mengambil bahagian sedikit. Pertama sekali mengenai B. 64 Pecahan-kepala 1100, saya amat ber-simpati dengan Kementerian ini sebab pada hemat saya di dalam projek Rancangan Malaysia Ketiga yang sedang berjalan sekarang ini kebanyakan daripada projek, baik dari Kementerian Pelajaran dan lain-lain, banyak dibebankan kepada Kementerian Kerjaya ini bagi menguruskan ataupun menyelenggarakan. Oleh yang demikian, dalam dua Majlis Tindakan Daerah di kawasan saya kerap kali menerima rayuan daripada pihak yang berkenaan dan Kementerian ini mengenai kekurangan tenaga dan kekurangan kakitangan. Kadang-kadang peruntukan ada tetapi dukacita projek-projek itu tidak dapat disegerakan kerana kekurangan kakitangan seperti juruteknik dan sebagainya. Jadi saya rasa amatlah sesuai sekali dalam menghadapi Rancangan Malaysia Ketiga ini Kementerian patut menimbangkan untuk menambah kakitangan rendah ataupun juruteknik rendah di daerah ataupun di negeri-negeri bagi membolehkan pihak yang bertanggungjawab di sana menyegerakan satu-satu projek yang diberi tanggungjawab bagi Kementerian Kerja Raya ini menguruskannya.

Demikian juga mengenai tanggungjawab yang dibebankan kepada Kementerian ini dalam masaalah L.L.N., kita pernah mendengar taklimat atau briefing daripada pegawai-pegawai rendah di sana yang mengadu hal bahawa projek-projek yang telah lama diluluskan, jangankan hendak menghadapi peruntukan yang banyak dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini, peruntukan-peruntukan yang telah diluluskan pada tahun-tahun yang lepas banyak lagi yang masih belum selesai. Ada di antara projek-projek yang telah diluluskan pada tahun 1973/1974 belum diselesaikan sehingga sekarang ini. Apabila kita mempersoalkan perkara ini jawapannya adalah sama: kami tidak cukup kakitangan". Kementerian sendiri hendak buat tak terdaya. Kalau beri kepada kontraktor, kadang-kadang kerana tak ramai kontraktor yang mempunyai lesen, seorang kontraktor mendapat banyak kerja sampai 3 atau 5 projek, maka tak dapat

juga hendak dijayakan. Ini menjadi masaalah di negeri-negeri. Saya percaya perkara ini tentu disadari oleh pihak Menteri atau Kementerian. Walau bagaimanapun, saya merayulah kepada Kementerian ini supaya dapat menimbangkan dengan segera untuk menambah kakitangannya di negeri-negeri bagi membolehkan disiapkan projek-projek yang telah diluluskan mengikut jadual yang ditentukan. Janganlah projek tahun 1973/74 sehingga masuk kepada projek tahun 1976/1977 belum lagi siap dibuat. Jadi itulah yang menyebabkan banyak berlaku apabila projek itu diluluskan dalam Majlis Tindakan Daerah dan sebagainya, setengah-setengah pokok kayu itu sudah ditanda pangkah oleh L.L.N. Tetapi apabila ditanda pangkah merah, setengah-setengahnya itu ditebang, setahun pun belum lagi dapat dibuat, dapat ditunaikan, dapat disempurnakan. Kalau pokok-pokok yang mengeluarkan hasil, kalau pokok itu tidak ditebang ia dapat dua kali mengeluarkan hasil, sedangkan wiring itu belum lagi dilaksanakan. Saya tidak hendak menyalahkan Kementerian ini, sebab beberapa kali saya menerima pengaduan mengatakan tidak cukup kakitangan. Dengan sebab itu, saya menyampaikan rayuan ini di dalam Dewan yang mulia ini supaya dapat dipertimbangkan dengan segera oleh Kementerian ini. Kalau Kementerian ini tidak dapat menimbangkan dengan segera, mungkin peruntukan yang diluluskan begitu banyak dalam projek Rancangan Malaysia Ketiga ini, kalau mengikut perakuan yang dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan, mereka itu menyatakan mungkin mereka sendiri dapat membuat lebih kurang 30% sahaja daripada jumlah semua peruntukan yang diluluskan. Kalau masaalah kerjaraya umpamanya, mungkin banyak kontraktor-kontraktor yang boleh mengambil kontrak. Tetapi kepada Lembaga Letrik Negara (L.L.N.) memang tidak ramai yang dapat mengambil kerja-kerja ini, sebab ianya bergantung kepada lesen, hendak mendapat lesen, bergantung kepada kelulusan dan sebagainya. Ini saya merayu benar-benar kepada Kementerian yang berkenaan mudah-mudahan mendapat perhatian.

Tuan Pengerusi, di bawah Kepala yang sama juga mengenai Aktiviti (3) Reka-bentuk dan Penyenggaraan Bangunan.

Saya suka menarik perhatian Kementerian yang berkenaan mengenai apa yang telah

disuarakan oleh rakan saya dari Batu Pahat tadi. Hanya saya suka menambah sedikit sahaja iaitu satu-satu bangunan yang baru disiapkan, tiba-tiba cepat rosak, cepat pecah. Sepatutnya bangunan yang baru siap ini dalam tempoh itu tidak rosak lagi. Dalam hal ini, saya yakin dan percaya mungkin ada tempat yang tak betul. Sebab, dalam perlumbaan mendapatkan kontrak ini, ada setengah-setengah kontraktor itu mengambil tender amat jauh beza harganya di antara satu sama lain. Kalau satu projek yang berharga \$100,000 itu kadang-kadang boleh berbeza sampai \$10,000 hingga \$20,000. Jadi di antara kontraktor itu dengan kontraktor ini, mesti ada tempat yang boleh dielakkan dan saya bimbang di tempat inilah yang menyebabkan bangunan ini cepat menjadi rosak. Oleh hal yang demikian, saya minta Kementerian yang berkenaan yang bertanggungjawab dalam hal ini dapat mengawasi benar-benar kakitangannya supaya tidak diselewengkan dalam segala kerja. Saya tidak hendak menuduh, tetapi berbanding dengan harga-harga tawaran yang diberi itu amat jauh bezanya di antara satu sama lain maka mengikut kaedahnya, tawaran yang murah itulah yang akan mendapat kerja itu. Bagi kontraktor yang mendapat tawaran yang murah itu memang mahu mencari untung juga. Apabila mahu mencari untung, saya yakin dan percaya sudah tentulah ada tempat-tempat yang dapat dielakkan oleh kontraktor bagi membolehkan kontraktor itu mendapat untung walhal dia mengambil tender dengan harga yang murah.

Tuan Pengerusi mengenai dengan reka-bentuk ini juga, oleh kerana di saat-saat yang akhir ini banyak kita terdengar masaalah kebakaran yang tidak dapat diberi pertolongan oleh pihak Bomba. Saya sendiri tidak mengerti dalam masaalah ini, tetapi saya mengharapkan kepada pihak yang berkenaan supaya dapat menentukan syarat syarat yang tertentu bagi akitek-akitek kita yang mereka bentuk satu-satu bangunan bagi membolehkan pihak-pihak Bomba atau pihak yang menjaga keselamatan ini dapat memberi pertolongan dengan segera dan dapat menyelamatkan satu-satu bangunan itu daripada terbakar. Misalnya, seperti contoh yang berlaku di Campbell Complex dahulu. Bomba diberitahu daripada awal-awal lagi. Mereka datang, tetapi tidak dapat diberi pertolongan sehingga akhirnya habis

hangus. Jadi saya percaya di masa akan datang ini pihak yang berkenaan akan mengambil berat bagi meluluskan satu-satu pelan bangunan yang akan didirikan di dalam negeri kita ini.

Tuan Pengerusi, Kepala P. 64, Pecahan-kepala I—Memperbaiki Jalan dan Jam-batan-jambatan.

Banyak kesulitan yang dihadapi terutama di dalam kawasan saya. Perkara ini terpaksa disebutkan berulang-ulang kali sebagai rayuan kepada Kementerian yang berkenaan. Yang menjadi masaalahnya ialah Wakil Rakyat yang duduk di dalam kawasan itu yang jalan-jalannya terlampau buruk yang menyebabkan kadang-kadang bas tak mahu lalu, tak mahu berkhidmat ikut jalan yang terlampau rosak itu. Banyak jalan yang dihadapi. Ada jalan yang dijaga oleh Negeri dan ada jalan yang dijaga oleh Persekutuan.

Kepada Kementerian yang berkenaan, sekiranya satu-satu jalan itu menasabah, yang patut dinaikkan tarafnya bagi membolehkan pihak Kementerian ini memberi bantuan, saya merayu supaya dapat dinaikkan tarafnya dengan segera. Kepada jalan-jalan yang patut diberi bantuan segera, maka hendaklah diberi bantuan bagi memperbaiki jalan-jalan ini supaya kita tidak menghadapi rungutan daripada rakyat yang menyebabkan perkhidmatan bas ini tergendala samada kanak-kanak sekolah atau peniaga-peniaga dan sebagainya. Saya yakin dan percaya, ianya ada di dalam makluman. Yang Berhormat Menteri sendiri. Tetapi sehingga sekarang ini masih banyak jalan-jalan yang seperti ini tidak diperbaiki. Saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat menimbangkan aduan atau rayuan yang disampaikan untuk diperbaiki jalan-jalan yang seperti ini supaya dapat disegerakan. Walaupun kita menyedari bahawa jalan-jalan tidak dapat diperbaiki dengan sebaik-baiknya, tetapi hendaklah diperbaiki sekurang-kurangnya bagi membolehkan kenderaan-kenderaan awam melalui jalan-jalan yang sangat-sangat rosak ini. Sebab, kalau di Pantai Timur, memang banyak jalan-jalan yang seperti ini yang patut disegerakan dan patut diperbaiki. Kalau diperbaiki sekadar masakkan pasir sahaja di dalam lobang atau masukkan tanah merah dalam lobang jalan tar itu,

saya rasa ini lagi dimarah oleh orang kampung, sebab bila hujan sahaja tanah pasir yang ditimbus itu apabila dilalui oleh bas habis begitu sahaja. Jadi cara memperbaiki itu sekurang-kurangnya biar tahan untuk musim hujan di dalam negeri kita ini.

Tuan Pengerusi, ada setengah-setengah jalan itu ditanda merbahaya dan ada catitan yang memakan korban nyawa, sebagaimana yang disebutkan oleh wakil dari Batu Pahat tadi. Tetapi saya hairan kenapa pihak Jabatan yang berkenaan tidak sanggup membaiki dan membetulkan selekoh-selekoh yang begitu merbahaya yang mempunyai catitan korban nyawa yang begitu banyak. Jadi banyak jalan-jalan yang seperti ini juga masih terbjar dan ada pula jalan-jalan yang seperti ini apabila hendak dibetulkan, dibetulkan tempat yang tidak begitu merbahaya dan begitu buruk.

Jadi, saya pun tidak fahamlah dalam masaalah ini tetapi apa yang saya nampak inilah perkara yang sedang berlaku sehingga sekarang ini.

6.51 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong atas permintaan Kementerian berkenaan. Walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh dan menegur sedikit berhubung dengan beberapa orang pegawai-pegawai kanan di dalam Jabatan ini yang mana untuk merancangkan sebuah bangunan itu tidak terjadi yang di luar dugaan bila bangunan telah siap longkang ataupun air longkang itu bertakung. Jadi tentulah ada kesilapan beberapa pihak yang merekakan untuk sesuatu bangunan itu. Selain daripada itu, saya suka menyebutkan di sini untuk pembangunan jalan juga patutlah dikaji, kerana pada masa yang telah sudah permukaan jalan dibuat terlalu kecil yakni berukuran 16-20 kaki, maka muka jalan itu dibuat 14 kaki, maka berbaki-lah sedikit sahaja di sebelah kiri-kanan jalan bila perancangan perbekalan dan kemudahan awam hendak didirikan, yakni bekalan elektrik dan mengadakan talipon, maka tiang itu hampir sangat dengan jalan-nya. Akibatnya oleh kerana kecuaiannya ataupun kereta-kereta yang telah lama dibiarkan oleh Jabatan ini, maka pelanggaran dan kemalangan berlaku. Oleh yang demikian,

saya suka mencadangkan kepada Kementerian ini supaya mengadakan satu kursus ataupun ulangkaji supaya kerja-kerja itu dapat dibuat penyelarasan di antara semua mereka yang berkenaan untuk menjayakan sesuatu rancangan. Dalam hubungan ini, saya ucapkan terima kasih kepada juruteknik-juruteknik di Jabatan Kerja Raya yang tidak mengira masa bagi menjaga atau mengawasi kerja-kerja pembinaan yang dibuat oleh pendorong-pendorong supaya semua pembinaan berjalan dengan lancar namun demikian patut Kementerian ini memikirkan supaya elaun perbantuan atau elaun lebih masa mereka patut ditambah kerana perkara ini adalah tidak sesuai lagi pada masa sekarang. Pengiraannya pada masa dahulu adalah harga bahan-bahan ataupun harga minyak dan sebagainya mengikut kadar yang paling rendah.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit berhubung dengan bekalan bahan-bahan kepada jurutera-jurutera ataupun mereka yang menjalankan kajian sesuatu tempat. Ada kedapatan bahan-bahan yang digunakan untuk daerah-daerah telah digunakan oleh pihak negeri dan tidak boleh digunakan pada peringkat daerah. Contohnya, satu teropong telah tidak boleh dipakai peringkat negeri, dihantar kepada daerah untuk menyukat pembinaan jambatan, bila diukur dengan tali yang benar-benar, maka kedudukannya telah lari yang keluasan jambatan itu ataupun keluasan sungai 250 kaki maka telah bergantung ke sebelahnya 2 atau 3 kaki. Jadi tentulah keadaan ini tidak sesuai kerana boleh jadi dia kembang di hujung ataupun kuncup di sebelah pangkalnya.

Selain daripada itu, saya ingin menyentuh Pejabat Pendaftaran yang ada di Ipoh itu bukan pejabat. Saya agak itu betul-betul macam tempat kawasan ternakan. Jadi, saya minta maaf, Tuan Pengerusi, kerana

Seorang Ahli Yang Berhormat: Kandang kerbau.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Minta maaf, tak ubah macam kandang kuda, kerana dekat dengan padang di situ. Jadi saya rasa patutlah dibaiki keadaan bangunan itu. Saya kasihan tengok pekerja-pekerja itu, barangkali kalau ada air-conditioned macam

dalam Dewan ini mereka suka, tetapi mereka itu sekejap-sekejap keluar. Bila kita tanya mengapa? "Panas". Jadi, saya pun fahamlah itu. Oleh yang demikian, saya suka mencadangkan pembinaan hendaklah dibuat segera. Namun demikian saya suka mencadangkan satu pejabat pendaftaran pelesenan hendaklah dibuat di Telok Anson yang boleh meliputi kawasan-kawasan Perak Selatan dan sebahagian daripada Negeri Selangor boleh bertumpu ke situ dan mengurangkan kesesakan pejabat pendaftaran Negeri Selangor dan pejabat pendaftaran di Negeri Perak.

Tuan Pengerusi, di samping itu saya ingin menyentuh P. 64, Pecahan-kepala 201. Bekalan Letrik Luar Bandar. Saya bercakap terutama sekali di kawasan saya, seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson tadi di kawasan Hilir Perak ini mempunyai 3 Ahli Parlimen dan 6 Ahli Dewan Negeri dan telah merancang projeknya tidak kurang daripada 53. Yang lulus, yang masih menanti ataupun yang baharu diluluskan cuma 3 dalam tahun 76. Jadi kalau setahun 3, kalau 50 rancangan yang menunggu, ertinya 12 ataupun 13 tahun baharu perkara ini akan terlaksana. Jadi, saya menyokong apa yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat Telok Anson itu di harap Yang Berhormat Menteri datang sekali tengok-tengok kami di Daerah Hilir Perak. Namun demikian, saya ada satu lagi daerah iaitu Daerah Perak Tengah bersama dengan sahabat saya Ahli dari Parit. Di kawasan ini adalah ditadbirkan oleh pihak K.E.D. Jadi, K.E.D. ini mengatakan mereka tidak akan mengadakan sebarang projek yang boleh didirikan di kawasan ini. Jadi seolah-olahnya ditinggalkan sahajalah kawasan ini iaitu kawasan yang baharu yang dinamakan kawasan Perak Tengah.

Di kawasan inipun banyak menyediakan rancangan dan yang anihnya rancangan yang telah dibuat pada masa yang lalu di sebelah utaranya iaitu di Telok Sarih ada bekalan letrik, sebelah selatannya ada Kampung Gajah ada bekalan letrik, jarak di antara dua kampung ini lebih kurang 3 batu. Sebelah utara ada sebelah selatan ada, sebelah tengah-tengah tidak payah. Jadi dari segi keadilan, pada saya tidak adil. Oleh yang demikian, saya rasa kalau K.E.D. ini tidak hendak membuatkan perkhidmatan

Lembaga Letrik hendaklah terus memberikan bekalan. Kalau K.E.D. ini berdegil juga tutup K.E.D. ini kita ambilalih. Saya rasa ini adalah lebih baik daripada membiarkan K.E.D. itu memperkayakan negeri ibu mereka.

Yang anihnya lagi, Tuan Pengerusi, K.E.D. ini mengatakan dia tidak hendak memberikan bekalan kepada kampung-kampung, tetapi ada kampung, barangkali entah keluarga dia, itu kita tidak tahulah bukan dalam makluman kita, dibekalkannya di satu kawasan yang berhampiran dengan kawasan saya juga iaitu di Kampung Baharu Air Kuning. Sepatutnya rancangan ini telah pun diluluskan bagi kawasan Changkat Petai yang ada mengikut lapuran Lembaga Letrik Negara pada tahun 1974, tetapi sehingga ini saya tidak nampak sebatang tiang pun ataupun satu bal menyala di Changkat Petai. Jadi, ke manakah peruntukan ini dan siapakah yang menelan peruntukan ini? Oleh yang demikian, saya harap Yang Berhormat Menteri siasat dan jangan biarkan perkara ini berlanjutan dari semasa ke semasa.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan ini juga saya ingin menyentuh berkenaan dengan P. 64 Pecahan Kepala 96 Pusat 456 Pusat Bekalan Air di Luarbandar. Air di luar

bandar memang dikehendaki oleh semua penduduk-penduduk luar bandar. Kerana Kementerian Pertanian menggalakkan petani-petani supaya menggunakan baja, racun serangga dan sebagainya. Jika perkara-perkara ini ataupun bahan-bahan ini digunakan, maka air yang mereka minum ataupun air yang mereka mandi ada kemungkinan masuk daripada bahan-bahan kimia ini dan boleh merosakkan tubuh badan mereka. Jadi saya rasa perlulah Yang Berhormat Menteri kalau hendak melawat beritahu, ada dua tempat kena dilawati satu Hilir Perak dan satu lagi Perak Tengah kerana Perak Tengah ini adalah paling baharu di tubuhkan pada tahun 1976 ini.

Tuan Pengerusi: Masa sudah sampai.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri akan menjawab esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, hari Jumaat, 10hb Disember, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.